



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 23

Rabu

10 September 2025

K A N D U N G A N

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Duti Timbal Balas
dan Antilambakan (Pindaan) 2025 (Halaman 35)

Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025
(dengan pindaan di Peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) (Halaman 50)

Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 (Halaman 82)

Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 (Halaman 100)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah [Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
3. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
4. “ Tuan Manolan bin Mohamad
5. Puan Susan Chemerai Anding
6. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
7. “ Datuk Dr. Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
8. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
9. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
10. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
11. “ Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang
12. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
13. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
14. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
15. “ Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah
16. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
17. “ Tuan Abun Sui Anyit
18. “ Dato' Sivaraj a/l Chandran
19. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
20. “ Datuk Nelson W Angang
21. “ Puan Noorita binti Sual
22. “ Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian
23. “ Tuan Pele Peter Tinggom
24. “ Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
25. “ Datuk Rosni binti Sohar
26. “ Dato' Leong Ngah Ngah
27. “ Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah)
28. “ Datuk Linggu @Edward bin Bukut (Sabah)
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan)
30. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
31. “ Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
32. “ Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
33. “ Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)
34. Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 35. | Yang Berhormat | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 36. | “ | Tuan Isaiah a/l D Jacob |
| 37. | “ | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 38. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 39. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 40. | “ | Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani (Pahang) |
| 41. | “ | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 42. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 43. | “ | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 44. | “ | Tuan Shahrol Wizan bin Sulong (Pahang) |
| 45. | “ | Tuan Haji Hussin bin Ismail (Terengganu) |
| 46. | “ | Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad (Perlis) |
| 47. | “ | Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman (Selangor) |
| 48. | “ | Dr. Jufitri bin Joha (Negeri Sembilan) |
| 49. | “ | Tuan Che Alias bin Hamid (Terengganu) |
| 50. | “ | Tuan Azahar bin Hassan (Perlis) |
| 51. | “ | Puan Tiew Way Keng (Selangor) |
| 52. | “ | Dato' Wu Him Ven (Negeri Sembilan) |

AHLI TIDAK HADIR (DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Yang di-Pertua] |
| 2. | “ | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 3. | “ | Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] |
| 4. | “ | Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi] |
| 5. | “ | Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II] |
| 6. | “ | Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Johor) |

Hadir Bersama

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Puan Fadhlina binti Dato' Sidek [Menteri Pendidikan] (Nibong Tebal) |
| 2. | " | Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Ipoh Barat) |
| 3. | " | Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti) |
| 4. | " | Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Parit Sulong) |
| 5. | " | Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping) |
| 6. | " | Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong) |
| 7. | " | Datuk Hajah Rubiah Binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan) |
| 8. | " | Datuk Ts. Mustapha Sakmud [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Sepanggar) |
| 9. | " | Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah) |
| 10. | " | Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] (Iskandar Puteri) |
| 11. | " | Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi] (Kota Kinabalu) |
| 12. | " | Datuk Arthur Joseph Kurup (Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Pensiangan) |
| 13. | " | Tuan Khairul Firdaus Bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi) |
| 14. | " | Tuan Adam Adli bin Abd Halim [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Hang Tuah Jaya) |

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman

Setiausaha Dewan Negara

Tuan Haji Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI

(HANSARD TEAM)

Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi @Bijirani
Alzian binti Baharudin
Rosmawati binti Mat Nor
Dayang Norsuria @ Melinna binti Salleh

Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @Nordin Alli
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Noor Sheila binti Razali
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Aizafasya binti Zainal
Nur Aliya binti Mustaz
Adele Beatrice anak Rabeng
Syaqira binti Abd. Razak
Mohamad Saidi bin Daud

Nik Muhammad Ismail bin Karim

Azmir bin Mohd Salleh	Maryam binti Azinuddin
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Nor Kamsiah binti Asmad	Nurul Syakirah binti Ibharim
Aifarina binti Azaman	Suhaila binti Sariffuddin
Noorfazilah binti Talib	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Julia binti Mohd. Johari	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Ismalinda binti Ismail	Anisah Sahirah binti Hamzah
Amir Arshad bin Ab Samad	Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid
Muhammad Firdaus bin Ahmad	Shazryn bin Mohd Faizal
Izzul Syazwan bin Abdul Halim	Sharon Eugena Jack Aman

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 10 September 2025**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.02 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan,

“Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditempohkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai semua urusan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan pertanyaan pertama oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1.

1. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah faktor penyebab kerajaan tidak melaksanakan cukai barang bernilai tinggi (HVGT) selepas dua tahun tempoh diumumkan dan adakah cukai barang bernilai rendah (LVGT) juga akan dimansuhkan mengambil kira keadaan ekonomi golongan B40 dan M40.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, kerajaan sentiasa komited untuk menggalas tanggungjawab memperkukuh kedudukan fiskal negara namun pada masa yang sama masih tetap memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan hasil yang dirancang secara prinsipnya akan di laksana secara berhati-hati melibatkan libat urus dengan pihak berkepentingan dengan mengambil kira keperluan fiskal negara namun dalam pada masa yang sama tidak membebankan rakyat dan generasi akan datang.

Dalam hal ini kerajaan telah memutuskan pelaksanaan HVGT dimasukkan bersekali di dalam semakan semula kadar cukai jualan dan perluaskan skop cukai perkhidmatan atau SST di mana di bawah perluasan SST, barangan pilihan telah dikenakan cukai jualan pada kadar lima peratus atau 10 peratus yang telah berkuat kuasa 1 Julai 2025.

Berkaitan pengenaan cukai ke atas barang bernilai rendah atau dengan izin *low value goods* (LVG) yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024 pula, ia merupakan pendekatan berbeza di mana hasrat pelaksanaannya bertujuan untuk melindungi peniaga dalam negara. Ini kerana sebelum pelaksanaan LVG, peniaga tempatan perlu membayar cukai terhadap barang yang diimport selain menanggung kos operasi lain.

Semua kos tersebut akan memberi kesan terhadap harga jualan peniaga tempatan sedangkan peniaga dari luar negara yang menjual secara dalam talian atau *online* pula boleh menjual secara terus kepada pembeli dalam negara tanpa kenaan cukai atau kos operasi lain. Ini menjadikan barang yang sama dijual oleh peniaga dari luar negara boleh dijual pada harga lebih rendah berbanding peniaga tempatan. Oleh itu pengenaan cukai ke atas LVG tersebut akan membolehkan peniaga tempatan untuk bersaing secara adil atau dengan *izin (level playing field)* dengan peniaga luar negara dalam penjualan LVG kepada pengguna di Malaysia.

Kesimpulannya, langkah pengenalan cukai jualan di bawah LVG dan perluasan SST adalah berbeza mengikut objektif dan pelaksanaan mekanisme masing-masing. Langkah-langkah yang telah diambil tersebut bukan sahaja membolehkan sumber hasil kerajaan dapat diperkukuh tetapi dalam masa yang sama hasil yang diperolehi ini akan disalurkan semula bagi manfaat rakyat secara keseluruhan melalui pelbagai inisiatif seperti yang telah dirancang di bawah dasar-dasar kerajaan dalam jangka masa pendek dan panjang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, adakah kerajaan mempunyai langkah alternatif atau interim untuk memastikan hasil negara daripada golongan berpendapatan tinggi tidak terjejas sementara HVGT ditangguhkan.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Kerajaan sentiasa menilai kesan terhadap sektor berkaitan sebelum melaksanakan sesuatu langkah percukaian. Dalam konteks dari segi golongan berpendapatan tinggi, kerajaan telah mengambil langkah untuk memastikan hasil negara kekal stabil melalui perluasan skop SST yang berkuat kuasa 1 Julai 2025. Perluasan ini memperkukuh asas percukaian dengan memberi tumpuan kepada barangan bukan keperluan dan perkhidmatan tertentu secara besar-besaran.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, ini tidak akan terjejas sama sekali. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan Dato Yang di-Pertua.

Datuk Wira Koh Nai Wong: Soalan tambahan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dekat sahaja ini.

Datuk Wira Koh Nai Wong: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah berkenaan cukai ke atas barangan bernilai rendah, *low value goods* (LVG) melalui platform e-dagang telah menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan rakyat khususnya pengguna yang kerap membuat pembelian atas talian.

■1010

Justeru, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, berapakah hasil yang telah dikutip melalui pelaksanaan cukai LVG ini dan bagaimana hasil tersebut akan dimanfaatkan untuk kepentingan rakyat? Apakah pengenalan cukai LVG ini membebaskan pengguna dalam negara khususnya golongan muda dan keluarga berpendapatan sederhana? Terima kasih, Dato Yang di-Pertua.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira.

Bagi tahun 2024, saya di sini ada data. Kerajaan telah berjaya mengutip sebanyak RM476 juta hasil daripada pelaksanaan LVG. Jumlah ini telah membuktikan pelaksanaan —

keberkesanan dasar tersebut dalam mengutip jurang percukaian antara peniaga tempatan dan juga peniaga luar negara.

Hasil kutipan ini bersama-sama dengan sumber hasil lain akan disalurkan semula kepada rakyat melalui subsidi bersasar, bantuan pendidikan, kesihatan, serta pembangunan infrastruktur. Ini selaras dengan prinsip di mana, hasil cukai digunakan untuk memperkukuh fiskal negara dan pada masa yang sama memastikan kesejahteraan rakyat telah terpelihara.

Kerajaan sedar bahawa sebarang pelaksanaan cukai boleh memberi kesan terhadap harga barangan, termasuk barangan bernilai rendah yang diimport. Walau bagaimanapun, objektif utama pelaksanaan LVG adalah untuk mewujudkan persaingan yang adil serta memastikan peniaga tempatan tidak terpinggir daripada arus e-dagang global.

Manfaat jangka panjang akan memberi manfaat kepada peniaga tempatan serta hasil negara yang dipertingkatkan, memandangkan persaingan yang lebih adil dan saksama dengan peniaga luar negara yang menjual barangan secara *online* kepada pengguna tempatan di Malaysia dan yang akan jauh mengatasi kesan kenaikan harga yang kecil tersebut. Dato Yang di-Pertua, ada lagi, ya?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh satu lagi, Dato? Mohon izin.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Datuk — Yang Berhormat Senator Robert Lau dulu.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh satu lagi dekat saya.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah SST yang telah dikutip ke atas barangan yang bernilai tinggi ini dan bukannya barangan ini lebih sesuai dikenakan cukai di bawah GST? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Berkenaan dengan tadi itu, *High Value Goods Tax*, yang ini kita tidak laksanakan masa ini sebab kita telah meliputinya atau merangkumi dalam SST yang kita telah — peluasan SST yang telah berkuat kuasa pada 1 Julai. Tetapi, untuk soalan Yang Berhormat Senator berkenaan dengan berapa kutipan yang kita telah — untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab sekarang masih awal lagi. Kita hanya mula pada 1 hari bulan Jun.

Jadi, pada masa sekarang, kita tidak dapat tahu tentang jumlah yang sebenarnya. Mungkin pada sidang yang akan datang, kita akan, kita akan berjaya untuk memberikan jawapan yang lebih tepat untuk Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mohon izin satu lagi, Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, di bawah — dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin, di bawah Peraturan 23(3), kita hanya had kepada tiga soalan tambahan tetapi kalau Menteri nak jawab, saya bagi ruang untuk Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin.

Puan Lim Hui Ying: Boleh. Nampak, nampak, kerana hari ini juga hari terakhir, untuk Yang Berhormat Senator. Boleh. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih banyak, Yang Berhormat Dato. Yang Berhormat, terima kasih. Saya tadi ingin dapat pencerahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut fiskal negara di perkasa, kebajikan rakyat tidak dilepaskan.

Saya ingin memberi, mengemukakan sedikit pencerahan. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat. Dalam keadaan sekarang, betul fiskal negara dipertingkatkan tetapi cukai kita hampir di semua sudut dan bukan selapis. Berlapis-lapis. Harga barang terus naik, kan? Pernah kah kita buat kajian bagaimana: dipanggil apa – *Satisfactory Survey* (SSS) kepada masyarakat tentang dasar fiskal negara, cukai dan kepuasan daripada masyarakat di seluruh negara? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Sebelum kita melaksanakan apa-apa dasar, terutamanya daripada cukai, terutamanya SST, kita telah membuat banyak libat urus dengan semua pemegang taruh. Banyak libat urus telah dilakukan dan kita memang, hasrat kita, matlamat Kerajaan MADANI sangat-sangat tegas iaitu kita nak pastikan kesejahteraan rakyat, kepentingan rakyat dijaga.

Jadi, semua dasar atau semua pelaksanaan kita memang telah meneliti dan jika antaranya kita nampak ada sesuatu yang kita perlu diperbetulkan, kita akan lakukan juga. Jadi, kita memang suci, memang prihatin. Kita memang nak sampaikan yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

Tuan, Dato Yang di-Pertua, boleh izinkan saya buat sedikit, bukan ucapan. Sedikit sini. Bagi pihak Kementerian Kewangan, saya di sini ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua pandangan, cadangan dan semua soalan yang ditimbulkan juga terutamanya kepada RUUKP dan RUUPK yang telah diluluskan oleh semua Yang Berhormat.

Dan, di sini saya mohon izinkan, sampaikan doa kepada semua Yang Berhormat Senator pulang ke negeri masing-masing dengan selamat, kembali bersama keluarga tercinta serta Selamat Hari Malaysia dan satu lagi, pantun. Izinkan saya.

*Laungan merdeka bergema hati,
Hari Malaysia penyatu kita;
MOF mengucapkan terima kasih setulus hati,
Moga YB Senator pulang selamat sejahtera.*

Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang Senator nak jawab ke, balas pantun? *[Ketawa]* Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

2. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, cabaran utama yang dihadapi oleh MARA dalam memastikan kebajikan pelajar, peningkatan kualiti pendidikan, langkah pembaharuan kurikulum serta peningkatan tenaga pengajar yang telah dirancang bagi memastikan institusi MRSM, KKTm dan IKM terus menghasilkan graduan yang memenuhi permintaan industri berteknologi tinggi.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan kepada KKDW. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Senatorlah yang telah pun mengemukakan soalan kepada kementerian kita dan berharap, apa nama — jawapan-jawapan yang telah kita bagikan dapat memberi kepuasan kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, ekosistem pendidikan MARA bukan sahaja berteraskan kecemerlangan akademik, tetapi juga menitikberatkan pembangunan pelajar yang berintegriti dan berdaya kepimpinan. Justeru itu, melalui program pembangunan sahsiah bertunjangkan RISE iaitu empat nilai utama iaitu agama, inovasi, kemahiran dan keusahawanan digarap untuk memastikan objektif membangunkan modal insan holistik tercapai.

Walau bagaimanapun, MARA menghadapi beberapa cabaran utama seperti berikut. Yang pertama, mengatasi isu kebajikan pelajar. Pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah B40 yang sering terbeban dengan kos sara hidup, yang mengganggu tumpuan mereka terhadap pembelajaran.

Inisiatif MARA melaksanakan program Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI), yang merangkumi BUDI MRSM dan BUDI TVET melalui kerjasama dengan pelbagai pihak seperti PNB dan Yayasan TM. Program ini menyediakan bantuan kewangan menyeluruh meliputi yuran, peralatan dan juga, kos sara hidup.

Cabaran yang kedua, meningkatkan kualiti pendidikan, yang mana kualiti pendidikan perlu sentiasa ditingkatkan melalui penaiktarafan *infrastructure* dan peralatan makmal bagi selaras dengan perkembangan teknologi seperti AI, automasi dan IOT. Rata-rata institusi pendidikan MARA telah pun berusia dan uzur, memerlukan naik taraf.

Justeru, antara usaha yang MARA lakukan ialah menaik taraf IPMa MARA dengan peruntukan khas melalui tabung khas pendidikan, tahun lepas RM50 juta. Yang kedua, MARA turut menjalinkan kerjasama strategik bersama MCMC untuk memperkukuhkan fasiliti ICT bagi meningkatkan kualiti capaian *Internet* di semua MRSM.

Selain daripada itu, program pembangunan diri pelajar seperti Mini Ulul Albab dan Program Tamhidi ya, telah dilaksanakan di setiap MRSM bagi memperkukuhkan nilai-nilai

huffaz ke atas pelajar. MARA juga turut memperkenalkan pembelajaran digital dan fleksibel serta pendekatan *teaching factory*.

■1020

Inisiatif ini membolehkan pelajar dan tenaga pengajar mengendalikan peralatan canggih secara langsung sama ada melalui kemudahan bersama ataupun latihan di premis industri.

Yang ketiga, cabaran memperbaharui kurikulum pendidikan. Kurikulum perlu dikemas kini secara berterusan bagi menghadapi perubahan landskap industri dan juga teknologi disruptif. MARA menjalinkan kerjasama erat dengan pakar industri untuk membangunkan pengajaran. Program seperti diploma industri dan *Development for Ensuring Employability Program* (DEEP) memastikan graduan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Keempat, cabaran kita memperkukuhkan tenaga pengajar. Cabaran tenaga pengajar perlu memiliki kompetensi yang tinggi dan terkini untuk menyampaikan pendidikan yang berkualiti. MARA memberi fokus kepada pembangunan profesionalisme berterusan melalui latihan *reskilling*, *upskilling*. Program seperti latihan sangkutan di industri membolehkan tenaga pengajar mendapat pendedahan langsung kepada teknologi terkini, seterusnya memperkukuhkan kemahiran mereka.

Sebagai contoh, *Program Leading for Results* di Perancis dan *Oxford Strategic Leadership Program* di United Kingdom bagi diberikan kepada guru-guru bagi memberi pendedahan dari segi kepimpinan. Selain daripada itu juga, di bawah TVET MARA bagi Program MCI ya, GIATMARA sebanyak 22 orang pengajar dari fasa pertama dan fasa kedua telah menjalani program *upskilling* bersama syarikat Yalong di Zhejiang dan Beifang di Hebei, China dalam bidang seperti *smart manufacturing*, IoT dan juga EV.

Secara ringkasnya, MARA komited untuk menghasilkan graduan, bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik tetapi juga dilengkapi dengan nilai-nilai murni dan kemahiran yang relevan untuk memenuhi permintaan industri. Sebagai bukti, sebanyak 31 MRSM telah mencapai gred purata di bawah 2.0 bagi SPM 2024 berbanding hanya sembilan MRSM pada tahun 2023. Langkah-langkah ini penting bagi memastikan MARA kekal sebagai peneraju pendidikan bumiputera di Malaysia. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Dato Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang saya kira begitu terperinci dan menyeluruh. Saya berterima kasih. Saya sentiasa menekankan, berpesan bahawa pembangunan anak-anak negara kita ini perlu diberi perhatian adalah soal sahsiah diri dan juga modal insan.

MARA sejak sekian lama telah memainkan peranan yang amat besar di dalam menjayakan matlamat besar pendidikan negara. Dalam era dan teknologi yang lebih

mencabar hari ini, kita harap MARA terus mengorak langkah ke hadapan, mencipta dan menghasilkan kelainan yang memberi impak positif untuk kemajuan negara.

Soalan saya, apakah jaminan dan keyakinan kerajaan bahawa peningkatan kualiti pendidikan MARA hari ini benar-benar mampu melahirkan graduan yang bukan sahaja berdaya saing dalam industri berteknologi tinggi tetapi juga mampu menjadi pencipta teknologi sendiri dan usahawan teknologi yang sering diulang-ulang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan bukan sekadar menjadi pengguna dan tenaga kerja kepada industri sedia ada semata-mata? Terima kasih.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Terima kasih atas soalan tambahan. Untuk makluman, selain fokus kepada agenda melahirkan pekerja mahir untuk memenuhi keperluan industri, seperti yang saya jawab dalam soalan pertama tadi, KKW melalui MARA juga komited dalam membangunkan dan mengasah bakat-bakat pelajar untuk menjadi tekno usahawan teknikal yang berjaya dan berdaya saing.

Melalui Program Diploma Teknousahawan yang dijalankan di Institut Kemahiran MARA (IKM), setakat Julai 2025, program ini telah berjaya melahirkan seramai 442 tekno usahawan teknikal dengan nilai jualan terkumpul sebanyak RM120.8 juta melalui tujuh Program Diploma Teknousahawan dalam pelbagai bidang seperti elektrik, fesyen, reka bentuk dan pengeluaran fabrik, perabot, pembinaan landskap dan juga penyaman udara sejak mula ditawarkan pada tahun 2016.

Pelajar diwajibkan mendaftar perniagaan dan nilai jualan dijadikan pengukur pencapaian berbeza dengan penilaian akademik perdana. Seperti contoh, di bawah bidang elektrik di IKM Seberang Perai Utara, seramai 28 usahawan telah mencapai nilai jualan keseluruhan berjumlah RM45.1 juta serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada 121 orang. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa.

Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

3. Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan, pelan jangka panjang kementerian untuk mengawal dan membendung beban kos dialisis yang semakin bertambah agar diuruskan secara lebih efisien serta mengurangkan beban kepada pesakit B40 dan mengoptimumkan peruntukan awam melalui pendekatan pengurusan kos yang bersepadu.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: *Bismillahirrahmanirrahim.* Terima kasih Dato Senator. Terima kasih juga kepada Yang

Berhormat Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa atas keprihatinan beliau berkenaan tentang masalah-masalah berkaitan dengan dialisis.

Kementerian Kesihatan Malaysia amat prihatin terhadap beban kos rawatan dialisis yang semakin meningkat saban tahun. Hal ini berpunca daripada peningkatan kes penyakit buah pinggang kronik (CKD) akibat faktor risiko seperti diabetes, hipertensi dan obesiti. Kos dialisis yang tinggi memberi cabaran besar kepada sistem kesihatan negara dan turut membebankan pesakit, khususnya daripada kalangan pesakit B40.

Pelan jangka panjang kementerian untuk mengawal dan membendung beban kos dialisis yang semakin bertambah agar diurus secara lebih efisien serta mengurangkan beban kepada pesakit dan mengoptimumkan peruntukan awam melalui pendekatan pengurusan kos yang bersepadu adalah melalui inisiatif seperti berikut.

Yang pertama, memfokuskan penjagaan dalam komuniti. Ini merangkumi aktiviti pencegahan, diagnosis awal, rawatan dan pengurusan penyakit buah pinggang. Inisiatif termasuk meningkatkan literasi kesihatan, saringan penyakit buah pinggang kronik, memperbaiki sistem kesihatan digital untuk saringan, pengurusan berkesan di peringkat penjagaan primer, peningkatan dana ubat-ubatan untuk mencegah CKD, pendekatan pelbagai disiplin untuk gaya hidup sihat, pencegahan kecederaan buah pinggang akut, penyediaan kurikulum kesihatan buah pinggang di sekolah serta mengehadkan ubat-ubatan tanpa preskripsi yang toksik kepada buah pinggang.

Yang kedua adalah berusaha ke arah akses yang saksama dan lestari untuk penjagaan kegagalan buah pinggang. Ini termasuklah mengukuhkan dasar *Peritoneal Dialysis First (PD First) Policy*, melabur dalam pengukuhan tenaga kerja dalam bidang penjagaan buah pinggang, mempromosikan dan meluaskan program pendermaan buah pinggang, merapatkan jurang pendidikan mengenai penyakit buah pinggang di kalangan pekerja kesihatan, memantau beban penyakit buah pinggang dan meningkatkan penyelidikan berkaitan penyakit buah pinggang di Malaysia.

Selain itu, KKM bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan bagi bantuan subsidi kos rawatan hemodialisis. Bantuan subsidi ini diberikan kepada pesakit yang miskin atau kurang berkemampuan melalui 138 pusat-pusat hemodialisis NGO yang diiktiraf oleh KKM. Bantuan subsidi diberikan sebanyak RM100 bagi setiap rawatan hemodialisis dengan tidak melebihi 14 kali sebulan. Suntikan *Erythropoietin* (EPO) bernilai RM18.50 untuk setiap suntikan juga diberikan kepada pesakit tidak melebihi 13 suntikan sebulan, dengan kos maksimum sebanyak RM240.50.

Sebahagian kos lagi adalah ditanggung oleh NGO tersebut, manakala pesakit hanya perlu membayar kos tidak melebihi RM10 sebulan. Kos rawatan keseluruhan bagi seorang pesakit adalah berjumlah RM1,640.50 sebulan dan ditanggung subsidi sebanyak RM1,630.50. Subsidi ini menampung hampir keseluruhan kos rawatan. Kelulusan subsidi

hemodialisis diberikan selama dua tahun dan pesakit boleh memohon untuk memperbaharui kelulusan bantuan setelah tamat tempoh. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Timbalan Menteri yang memberi jawap. Soalan tambahan saya, bagaimanakah kerjasama awam dengan swasta dapat dioptimumkan untuk mengurangkan beban kos dialisis kepada kerajaan dan pesakit?

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri.

■1030

Sebelum saya menjawab soalan tersebut, ingin juga saya kongsi data-data terkini berkenaan penyakit, pesakit, data berkenaan tentang penyakit dialisis ini. Pada tahun lepas kita mempunyai hampir 9,473 pesakit dan juga yang mendapatkan rawatan dialisis adalah sebanyak 7,750. Manakala untuk *Peritoneal Dialysis* pula adalah seramai 1,723 dan juga bilangan populasi yang mendapat rawatan dialisis adalah sebanyak 278 pesakit di peringkat akhir kronik.

Dan juga jumlah pesakit dialisis terkini pada tahun 2024 adalah seramai 55,237. Ini adalah merupakan salah satu jumlah yang sangat besar dan juga di peringkat kerajaan juga tidak mampu untuk menampung sejumlah besar pesakit dialisis ini. Maka, kita menganjurkan untuk mewujudkan *PD First Policy*. Walaupun demikian, *take up* berkenaan tentang *PD First Policy* di kalangan pihak industri dan juga swasta tidaklah begitu menggalakkan kerana kita masih tidak mempunyai dasar dan juga polisi insentif yang bersesuaian.

Kita juga mengharapkan agar pihak swasta ataupun badan-badan seperti GLC, GLIC yang berminat untuk menyumbang berkenaan tentang bukan hanya peralatan mesin dialisis tetapi mungkin boleh menampung petugas-petugas kesihatan untuk melanjutkan bidang *post basic* berkenaan tentang nefrologi ini.

Selain daripada itu juga, *PD First Policy* ini juga bergantung kepada keperluan sistem infrastruktur bekalan air yang bersih dapat diwujudkan terutama sekali di setiap negeri dan boleh juga saya memberikan pujian, Tuan Yang di-Pertua kepada kerajaan Sabah terutama sekali Jabatan Kesihatan Negeri Sabah yang mempunyai bilangan pesakit yang menggunakan *Peritoneal Dialysis*.

Peritoneal Dialysis ini kalau — menggunakan mesin dialisis, kita memerlukan rawatan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu dalam tempoh empat jam sekali rawatan. Manakala *Peritoneal Dialysis* ini lebih mobil. Boleh dilakukan di mana-mana tempat, terutama sekali di rumah dan juga dapat mengurangkan kos dari sudut perjalanan dan juga kos-kos mendapatkan rawatan dialisis ini bukan hanya sekadar untuk mendapatkan mesin dialisis tersebut tetapi juga ditanggung. Kita juga perlu menanggung rawatan-rawatan seperti kos perjalanan dan juga beberapa perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan pesakit.

Di sini juga saya ingin memberikan pujian kepada negeri Sarawak di mana mereka mempunyai satu polisi di mana memberikan bantuan kepada pesakit-pesakit buah pinggang. Di mana sebahagian daripada tanggungan tersebut datang untuk memberi bantuan dari sudut perjalanan, penyediaan untuk menyiapkan *fistula* bagi memulakan dialisis dan juga beberapa perkara-perkara yang tidak ditampung di dalam bantuan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan ataupun di bawah Kementerian Kesihatan.

Maka, saya mengharapkan agar sekiranya Yang Berhormat Senator di dalam dewan mempunyai rakan-rakan di pihak swasta untuk kita menjalankan satu kerjasama yang lebih erat untuk membantu mendanai rawatan dialisis ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosni binti Sohar: Soalan tambahan?

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ada dua orang dekat sini. Boleh bagi pada YB. Saya beri penghormatan.

Tuan Yang di-Pertua: *You flip the coin between you two.* Ya.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih Dato Speaker. Soalan saya, ingin bertanya, adakah kementerian ataupun kerajaan bercadang untuk membuka Institut Buah Pinggang Negara seperti yang ada Institut Jantung Negara, Institut Kanser Negara, yang mana pesakit buah pinggang ini menghadapi terlalu ramai pesakit dan juga mengalami kritikal tempat untuk membuat rawatan? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebut tadi, kita mempunyai sejumlah pesakit dialisis yang ramai. Apa yang kita perlukan fokus adalah untuk kita mempunyai literasi kesihatan yang lebih baik dan juga menjalankan saringan yang lebih awal.

Dengan melalui saringan-saringan ini, kita mampu untuk mengenal pasti dan juga memberikan kaunseling kepada pesakit-pesakit tersebut. Berkenaan tentang pusat institut buah pinggang ini, kita telah mempunyai institut nefrologi yang merupakan pusat kecemerlangan berkenaan tentang pesakit penyakit-penyakit yang berkaitan dengan buah pinggang ataupun nefrologi ini.

Selain daripada itu juga, terdapat kaedah lain untuk mengurangkan kos rawatan dialisis ini adalah melalui pendermaan organ ataupun transplan. Sekiranya kita berjaya mendapatkan transplan kepada pesakit buah pinggang ini, mereka akan dapat mengurangkan beban terutama sekali mereka dapat kembali semula kepada *workforce*, dengan izin, dan juga menyumbang kepada ekonomi.

Di sini kita memerlukan pembukaan minda yang lebih luas dan juga kesedaran berkenaan kepentingan kesihatan dan juga kita kena beralih bukan hanya daripada *curative* tetapi lebih kepada preventif untuk mengelak pesakit-pesakit buah pinggang ini bertambah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja. Lanjutan daripada apa Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan tadi berkaitan dengan dasar *PD First* ya. Sejauh manakah berkesannya Dasar *PD First* ini dengan kekangan yang Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi? Sebab sebenarnya ia nya adalah amat kos efektif ya.

Kos efektif, maknanya kosnya jauh lebih murah daripada dialisis yang biasa dilakukan. Cuma, masalahnya adakah juga pihak kerajaan meneliti aspek penyeteran ataupun nak storkan bahan yang digunakan untuk tujuan PD itu tadi? Sebab dia melibatkan jumlah yang besar, kuantiti yang besar. Kadang-kadang kalau seseorang itu tinggal di rumah flat mungkin tempat nak stor itu bermasalah dan juga kepekaan masyarakat terhadap betapa efektifnya PD punya *treatment* ini? Sebab mereka takut kadang-kadang nak menjaga kebersihan diri itu sendiri mereka tak mampu. Mungkin mereka tidak yakin mereka akan mampu untuk melaksanakan PD secara bersendirian.

Mohon penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Terima kasih Dato Speaker.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat Senator memang arif berkenaan tentang *PD First Policy* ini. Kita tidak melihat memperkenalkan *PD First Policy* ini sebagai satu langkah penjimatan. Tetapi lebih kepada memberikan akses yang lebih luas kepada pesakit-pesakit dialisis.

Lebih-lebih lagi, saya bagi contoh di Sarawak, di Belaga. Seorang pesakit memerlukan empat jam perjalanan ke Bintulu untuk mendapatkan rawatan dialisis. Sekiranya kawasan tersebut mempunyai bekalan air yang bersih dan juga mempunyai ruang yang bersih, di situ kita memerlukan pengetahuan yang lebih baik kepada pesakit berkenaan tentang kebersihan. Maka, kita dapat memperkenalkan *PD First Policy* ini dengan lebih teratur dan juga saya bersetuju kita memerlukan dana berkenaan tentang penghantaran cecair-cecair bagi penggunaan PD ini. Dan juga berkenaan tentang perkara tersebut terdapat cadangan inisiatif baharu di bawah bajet, ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2025 telah memberikan keutamaan untuk *PD First Policy* ini untuk bergerak lebih ke hadapan dengan meningkatkan peningkatan belanjawan bagi usaha tersebut.

Sekali lagi saya menjelaskan bahawa melalui *PD First Policy* ini kita ingin memberikan ruang akses yang lebih baik kepada pesakit-pesakit supaya mereka dapat mengurangkan beban tekanan apabila berdepan dengan masalah CKD ini. Terima kasih, Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dah tiga soalan tambahan YB Abun.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri nak jawab kah?

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Dah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Dah jawab? Ini Abun nak minta tambahan lagi.

Tuan Abun Sui Anyit: Boleh ya?

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Boleh lah bagi.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Ini kerana dia sudah menyebut Belaga tadi. Jadi, saya terus teringat tentang dialisis ini, mesin ini. Penduduk di daerah Belaga sangat mendambakan ada mesin dialisis di Belaga. Seperti yang Timbalan Menteri katakan tadi, memang jauh dan sangat menyukarkan. Inilah yang diharapkan, bilakah atau adakah perancangan kementerian untuk menyediakan sekurang-kurangnya mesin dialisis di satu daerah setiap daerah di Sarawak termasuk di Belaga lah? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Okey, seperti yang saya telah jawab tadi berkenaan tentang mesin dialisis ini. Bukan hanya komponen mesin dialisis sahaja yang perlu kita bekalkan tetapi kita perlukan kepakaran dan juga *post basic nurse* untuk menjalankan mesin dialisis ini. Untuk usaha-usaha di kawasan Sungai Asap dan juga Belaga, sememangnya kita mempunyai satu model untuk menyalurkan mesin dialisis ini di pusat-pusat rawatan primer kita.

■1040

Dan juga seperti yang di dalam jawapan ini adalah Yang Berhormat Senator, *PD First Policy* ini adalah kaedah alternatif yang mungkin kita berikan kepada pesakit-pesakit di kawasan Belaga supaya mereka boleh mendapatkan akses rawatan. Itu adalah merupakan idea kepada *PD First Policy* ini. *Insyaa-Allah* kita akan usahakan bukan hanya setakat di Sarawak, sekiranya Sabah boleh melakukan *PD First Policy* ini, saya yakin Kelantan, negeri sebesar Pahang, Perak dan juga Sarawak juga mampu untuk memberikan, menggunakan pakai *PD First Policy* ini. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey.

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

4. Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan minta Menteri Ekonomi menyatakan, bagaimana kementerian memastikan pelaksanaan projek pembangunan di bawah *Rolling Plan Ke-4* (RP4) RMKe-12 bagi Sabah benar-benar menepati keperluan rakyat dan keadaan setempat.

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memastikan setiap projek pembangunan yang dilaksanakan bersifat *people centric*, keperluan sebenar masyarakat serta meningkatkan kesejahteraan hidup mereka melalui pembangunan yang adil dan saksama.

Untuk tujuan tersebut, Kementerian Ekonomi menyediakan garis panduan berkaitan permohonan projek pembangunan di bawah RMKe-12 agar menepati keperluan rakyat dan keadaan setempat. Antara kriteria yang perlu dipatuhi oleh kementerian dan jabatan dalam mengemukakan cadangan program dan projek adalah seperti berikut. Rancangan projek adalah selaras dengan rancangan fizikal negara, rancangan struktur negeri dan rancangan tempatan dan penjajaran dengan 17 Matlamat Pembangunan Mampan.

Cadangan projek mengambil kira input dan keutamaan projek diselaraskan bersama kerajaan negeri menerusi Jawatankuasa Perancang Negeri, UPEN dan Majlis Tindakan Pembangunan Negeri. Ini dikemukakan melalui UPEN atau Pejabat Pembangunan Negeri kepada Kementerian Ekonomi.

Kelulusan projek pembangunan bagi projek Persekutuan akan diberi keutamaan seperti mana dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Bagi projek di bawah Senarai Negeri adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Kelulusan peruntukan boleh dipertimbangkan melalui pinjaman secara *case-by-case basis*.

Kementerian Ekonomi sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab memastikan kelulusan projek kepada kementerian dan jabatan adalah selaras dengan keutamaan dan matlamat RMKe-12. Bagi projek di bawah RMKe-12, kementerian dan jabatan perlu memastikan projek yang telah diluluskan dilaksanakan mengikut jadual dan dipantau. Sekian, terima kasih.

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan: Soalan tambahan. Terima kasih Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan mengenai dengan RMKe-12. Apakah pula strategi kerajaan dalam RMK13 untuk menggalakkan pelabur swasta di kawasan desa dan wilayah yang kurang membangun terutamanya di Sabah dan juga di Sarawak? Terima kasih.

Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib: Terima kasih Yang Berhormat Senator, Yang di-Pertua. Dalam RMK13, kita nak memastikan penekanan kepada mengukuhkan ekosistem pelaburan di desa melalui menyediakan inisiatif khas zon ekonomi baharu dan mengurangkan halangan birokrasi. Kita nak memastikan bahawa kawasan desa yang mempunyai potensi dikenal pasti sebagai hab pertumbuhan baru dengan menyediakan, memastikan penyediaan infrastruktur asas yang lengkap serta memudahkan logistik untuk menarik minat pelabur.

Kita nak memastikan bahawa kita utamakan sektor berimpak tinggi dan ingin memastikan dengan pelaksanaan itu meningkatkan peluang pekerjaan, pendapatan penduduk setempat serta membantu memacu pertumbuhan ekonomi yang seimbang. Contohnya, antara yang perkara yang kita ingin melaksanakan adalah hab ekonomi biru yang *insya-Allah* kita ingin menumpukan kepada di negeri Sabah, Kelantan, Perak dan Terengganu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Michael.

Tuan Michael Mujah Lihan: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan tambahan. Apakah pendekatan yang digunakan oleh kerajaan bagi memastikan setiap strategi yang dirancang terutamanya untuk projek pembangunan dapat dilaksanakan secara efektif termasuk dari aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan berterusan?

Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib: Terima kasih Yang Berhormat, Yang di-Pertua. Kita nak memastikan menambah baik aspek pemantauan adalah memastikan bahawa kita melihatkan apakah isu dan cabaran dalam pelaksanaan RMKe-12 dan daripada sana kita nak memastikan kita menyelesaikan semua masalah isu-isu itu. Dua perkara utama adalah — pandangan kami adalah dari segi mekanisme pemantauan serta struktur tadbir urus yang lebih mantap.

Kita juga dari segi mekanisme melaksanakan, berpandukan kepada Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) yang disokong oleh sistem pemantauan bersepadu iaitu MyRMK. Yang ini akan dilaporkan secara suku tahunan dan prestasi pelaksanaan sentiasa dipantau secara berterusan. Sistem MyRMK akan memastikan bahawa laporan ini adalah dengan laporan pencapaian yang terperinci dan memastikan bahawa ia akan dilaksanakan dengan lebih berkesan, berfokus serta memberikan impak positif kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 5.

5. Tuan Roderick Wong Siew Lead minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, jumlah Jualan Agro MADANI yang direkodkan di Sarawak sejak pelaksanaan program ini, bilangan peniaga dan pengguna yang telah mendapat manfaat, serta langkah-langkah yang diambil kementerian untuk memastikan program ini terus memberikan impak positif kepada usahawan dan rakyat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Dato Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ataupun FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau LKIM telah melaksanakan program Jualan Agro MADANI di seluruh negara bermula daripada April 2023.

Sebanyak 13,484 program telah dilaksanakan bagi tempoh 2023 hingga ke Ogos 2025 dengan memfokuskan kepada kawasan kompleks kerajaan atau agensi, *outlet* peruncitan

agensi-kementerian, sekitar kawasan perumahan yang berkepadatan tinggi serta projek perumahan rakyat atau PPR di kawasan miskin bandar dan pinggir bandar.

Melalui pelaksanaan program ini, harga barangan asas terpilih dapat ditawarkan antara 10 peratus hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat. Dalam usaha membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dan sekali gus memberikan penjimatan terus kepada pengguna. Inisiatif ini turut menggalakkan penggunaan produk hasil tani tempatan serta membantu petani dan pengeluar memperluas pasaran mereka secara berkesan. Program ini turut memastikan penglibatan usahawan dan peserta ladang kontrak daripada kawasan sekitar.

Secara keseluruhannya, bermula daripada tahun 2023 sehingga Julai 2025, sebanyak 1,530 program Jualan Agro MADANI telah dilaksanakan di Sarawak. Penganjuran ini telah mencatatkan kehadiran seramai 640,495 pengunjung serta penyertaan 21,058 usahawan dengan jumlah nilai jualan keseluruhan sebanyak RM23.53 juta. Daripada segi impak kepada masyarakat, program ini berjaya untuk memberikan penjimatan harga barangan bernilai RM5.85 juta kepada kira-kira 2.67 juta isi rumah di seluruh Wilayah Sarawak.

Melalui hasil Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Jualan Agro MADANI, kementerian juga telah merangka lima strategi utama untuk memastikan program ini terus memberi manfaat semaksimumnya kepada usahawan dan kepada rakyat. Pelaksanaan strategi ini dijangka untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan, memperkukuh daya saing usahawan, memperluas akses pasaran, mengoptimumkan kos operasi serta merangsang permintaan berterusan terhadap produk tempatan.

■1050

Lima strategi tersebut ialah pemantapan sistem latihan dan kompetensi, penyelarasan lokasi, hebahan digital dan Jualan Agro MADANI. Sekian dan terima kasih.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih atas jawapan dari YB Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mempunyai pelan untuk melibatkan koperasi atau usahawan tani tempatan secara lebih meluas dalam Jualan Agro MADANI ini agar manfaatnya lebih inklusif untuk memastikan program ini bukan hanya untuk jangka pendek tetapi dapat menjamin keterjaminan makanan yang jangka panjang termasuk dari segi sokongan kepada pengeluar tempatan dan pengurangan pergantungan kepada import. Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Keistimewaan berkaitan program Jualan Agro MADANI ini ia adalah inisiatif strategik daripada kerajaan yang berkonsepkan jualan terus daripada ladang terus kepada pengguna. Bererti kita mengurangkan ataupun kita *eliminate* orang tengah.

Melalui kaedah seperti ini, pengguna dapat menikmati penjimatan di antara 10 hingga 30 peratus berbanding dengan harga yang biasa di pasaran dan satu lagi kelebihan Jualan

Agro MADANI ialah ia terus kepada kawasan-kawasan yang tertentu, yang berkepadatan tinggi dan hasrat kita adalah untuk memastikan kita dapat masuk ke seluruh kawasan di seluruh negara.

Maka apabila kita melaksanakan program ini di sebuah kawasan ataupun daerah contoh, kita akan mengutamakan usahawan daripada kawasan tersebut. Contoh, apabila jualan ini dia masuk ke kawasan pendalaman Sabah, kita akan mengutamakan produk-produk daripada pengeluar dan juga petani di sana contoh, kopi, avokado, buah pomelo yang ada di sana untuk bantu kepada usahawan tempatan meluaskan lagi pasaran mereka dan inilah keistimewaan Jualan Agro MADANI. Sekian dan terima kasih.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan saya.

Tuan Che Alias bin Hamid: Soalan.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi kaum hawa. *[Ketawa]*

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Dato Yang di-Pertua, soalan saya selain daripada jumlah jualan, bagaimanakah kementerian mengukur kejayaan program Agro MADANI contohnya dari segi pengurangan kos sara hidup atau pembangunan usahawan baharu? Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh kementerian dalam melaksanakan program Agro MADANI terutamanya dari segi logistik, penyertaan peniaga atau akses kepada pasaran dan apakah langkah penyelesaian yang diambil untuk mengatasi cabaran tersebut? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Baru-baru ini kementerian telah melaksanakan satu kajian keberkesanan di mana kita mengambil *sampling* daripada seluruh negara yang melibatkan 6,027 orang pengguna. Daripada *sampling* ini, hasil daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa orang ramai secara sangat tinggi, peratusan yang sangat tinggi telah puas hati dengan program Jualan Agro MADANI Ini. Kita punya *scoring* adalah setakat 97.9 peratus yang memberikan *rating approval* kepada Jualan Agro MADANI.

Dan melalui program ini juga kementerian dapat peluang untuk melaksanakan beberapa kaedah intervensi. Contoh, pada tahun lalu apabila ada isu kekurangan telur, kekurangan beras dan sebagainya, intervensi daripada kementerian untuk masuk ke kawasan tertentu di mana kita menerima laporan kekurangan barangan tersebut untuk kita bawa bekalan seperti beras, telur, ayam, ikan dan memastikan ia dijual kepada rakyat di sana dengan harga yang sangat berpatutan. Sekian dan terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Soalan saya, Jualan Agro MADANI ini menekankan kepentingan lokasi strategik dan juga kerjasama antara agensi bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Namun, cabaran akses yang menyeluruh

masih wujud khususnya di kawasan pendalaman, pinggir bandar dan juga melibatkan komuniti B40.

Soalan saya, apakah mekanisme koordinasi dan pengurusan yang dilaksanakan antara KPKM, FAMA dan juga kerajaan negeri untuk memperluaskan liputan program ini supaya manfaatnya dapat dirasakan secara lebih inklusif serta kriteria dan juga proses yang digunakan dalam menentukan lokasi penganjuran jualan ini agar menepati keperluan setempat itu. Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya untuk program Jualan Agro MADANI ini kita tidak ada sekatan di mana lokasi, di mana ia boleh dianjurkan. Kawasan yang paling terpencil di mana program ini pernah dilaksanakan adalah di Kampung Logongon di daerah Pagalungan iaitu hampir dengan sempadan Kalimantan, Indonesia. Itulah rekod di mana Jualan Agro MADANI pernah sampai ke kawasan yang paling terpencil sekali.

Tetapi pada masa yang sama, kita memastikan bahawa setiap program ini dia ada impak kepada masyarakat. Itulah sebab kita kebiasaannya akan memilih berdasarkan kepadatan penduduk. Contoh di kawasan PPR, di kawasan perkarangan masjid dan sebagainya di mana dia memberi kemudahan untuk rakyat datang membeli tanpa jalan jauh, tanpa naik kenderaan dan sebagainya.

Daripada hasil kajian itu kita mendapati bahawa 45 peratus daripada lokasi yang telah dianjurkan setakat ini adalah di kawasan luar bandar, 42 peratus adalah di bandar dan penerima manfaat yang paling besar memanglah golongan B40 di mana yang dapat manfaat itu adalah sebanyak 83 peratus. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih, Dato Yang di-Pertua soalan saya nombor 6.

6. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah perkembangan cadangan penggubalan Rang Undang-undang Penjagaan dan Perlindungan Warga Emas bagi memperkukuhkan hak warga emas selaras negara kita yang menua pada tahun 2030.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan juga terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua. Langkah dan usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bagi mewujudkan satu perundangan khusus untuk warga emas di samping peruntukan perundangan sedia ada di harap dapat memberi perlindungan terhadap warga emas secara menyeluruh dan juga berkesan.

Susulan daripada itu, KPWKM telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan dan sedang mengemas kini kerangka Rang Undang-undang Warga Emas. KPWKM akan mengadakan sesi libat urus fasa berikutnya bagi memurnikan kerangka perundangan yang dikemas kini itu kelak.

Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi sedang membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan ataupun *National Ageing Blueprint* (NAB) sebagai panduan strategik dan menyeluruh dalam menghadapi cabaran negara tua di Malaysia. Rangka tindakan ini merangkumi pendekatan rentas kementerian dan juga agensi serta mengambil kira aspek penting seperti perancangan infrastruktur sosial dan dasar yang berkaitan demi memastikan negara bersedia dari segi dasar, struktur dan pelaksanaannya.

Dan pada masa yang sama, di bawah NAB ini juga KPWKM akan menerajui usaha penyediaan ekosistem perkhidmatan penjagaan jangka panjang (*long-term care*) yang menyeluruh dan berkesan. Dalam hal ini KPWKM sedang membangun kerangka strategik dan juga Pelan Tindakan Penjagaan Malaysia 2026–2030 dan kerangka ini kini dalam fasa akhir pembangunannya. Terima kasih.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dato Speaker soalan tambahan saya selari dengan penggubalan Rang Undang-undang Penjagaan dan Perlindungan Warga Emas, bagaimanakah kementerian memastikan infrastruktur mesra warga emas ini dilaksanakan di seluruh negara dan seperti kita semua sedia maklum, negara kita masih kekurangan pusat-pusat jagaan warga emas sama ada milik kerajaan, NGO ataupun swasta?

■1100

Oleh itu, apakah langkah segera dan jangka masa panjang yang dirangka oleh kerajaan untuk memastikan persediaan yang cukup untuk menghadapi peningkatan populasi warga emas menjelang 2030? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Sebenarnya, kerajaan melalui KPWKM sedar bahawa negara kita akan mencapai status negara tua menjelang 2030 dan sudah semestinya pelbagai cabaran yang kita perlu berhadapan dalam menghadapi status negara tua tersebut.

KPWKM juga menggalakkan konsep penuaan di dalam keluarga sendiri ataupun *ageing in place* dan di peringkat komuniti pula, KPWKM ada menyediakan pusat aktiviti warga emas ataupun PAWE bagi melaksanakan atau memperkasakan penjagaan dalam komuniti, tapi baru-baru ini, dalam tahun 2023, PAWE ini kita tambah baik dengan kita memperkenalkan PAWE@3A bermaksud *anytime, anyplace, anywhere* dan NGO boleh menjalankan program aktiviti melalui PAWE@3A ini, tetapi kalau sekiranya program pusat aktiviti melalui PAWE ini juga tidak boleh dilaksanakan sebab saya katakan mula-mula *ageing in place* lepas itu *ageing in community*. KPWKM melalui JKM pada masa ini, kita ada pusat

penjagaan warga emas. Setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, ada 10 buah Rumah Seri Kenangan, ada dua Rumah Ehsan.

Cuma, dia tampung kapasiti penghuni tak ramai, dalam lebih kurang 1,670 orang sahaja. Sebagai tambahan juga — itu jangka pendek tapi kalau jangka panjang pula Yang Berhormat, kita di bawah Kementerian Ekonomi, saya dimaklumkan di bawah Kementerian Ekonomi, ada Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan 2025-2045, yang ini merupakan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, melalui strategi yang dinamakan Strategi Persediaan Menghadapi Negara Tua dan antara inti pati pelan tindakan tersebut adalah strategi berbilang dimensi yang melibatkan kerjasama merentas sektor dan juga kementerian.

Di bawah — minta maaf, Dato Speaker, saya minta sedikit saja lagi masa. Di bawah KPWKM pula, ada yang kita perkenalkan *long-term care*. Yang ini satu teras utama mewujudkan ekosistem penjagaan jangka panjang bagi kita melahirkan *caregivers* yang lebih terlatih dan berkemahiran bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Kalau kita berkata mengenai penjagaan warga emas dan Kementerian Ekonomi juga dijangka akan membentangkan Kertas Putih Persiapan Negara Menuju Negara Tua 2043 dan pelaksanaan pelan tindakan itu digariskan dalam Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan 2025-2045.

Dan akhirnya, seperti soalan Yang Berhormat, kita perkenalkan perundangan baru dalam jangka masa panjang. Ini perundangan yang lebih menyeluruh, lebih sistematik dan tapi yang penting ia berteraskan hak asasi warga emas yang kita hendak warga emas mempunyai kehidupan yang bermaruah dan mempunyai potensi diri dan juga *accessibility* yang mencukupi. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan, Dato Yang di-Pertua.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: YB Pele.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua. Seperti yang kita sedia maklum, pada tahun 2030, kita akan menjadi negara yang menua. Tahun 2056 dengan izin, negara yang *super ageing nation*.

Tuan Yang di-Pertua: Hm?

Tuan Pele Peter Tinggom: Yang *super ageing nation*, dengan izin tadi. Terlebih tua, negara yang terlebih tua tahun 2056.

Tuan Yang di-Pertua: Terlalu tua ke super tua?

Tuan Pele Peter Tinggom: [Ketawa] So, persoalannya Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, apakah perancangan jangka panjang yang tidak dijawab tadi, persoalan YB Senator Dr. Martina tadi, apa dia? Apa soalnya? Apakah perancangan masa panjang bagi penjagaan, kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas di pelbagai peringkat komuniti?

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Tadi dalam soalan sebelum ini, bila ditanya mengenai

perancangan jangka panjang, itu termasuklah ada RUU dan pelbagai, termasuk apa yang Kementerian Ekonomi akan laksanakan, akan bentangkan termasuk kertas putih dan sebagainya, tapi KPWKM memang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menyokong penjagaan kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas ini, yang kita fokuskan adalah supaya mereka menua di dalam keluarga sendiri. Itu fokus utama kita.

Selain daripada bantuan-bantuan yang kita laksanakan dan juga kita berikan melalui kementerian seperti bantuan warga emas, kita juga ada *Home Help* dan saya percaya ramai Senator di dalam Dewan ini maklum mengenai Program Khidmat Bantu di Rumah. Ini terutamanya penjagaan kepada warga emas yang sebatang kara, yang memerlukan perhatian daripada komuniti dan sebagainya, tapi kita ada satu sistem warga emas. Kalau kita nak tanya mengenai data warga emas, *that one* memang ada di bawah DOSM, tetapi di bawah kementerian kami, tahun lepas telah dilancarkan satu sistem yang dinamakan Sistem Warga Emas ataupun e-WE. Di mana kita minta supaya warga emas berdaftar di portal ini untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan seperti peluang pekerjaan dan di bawah KESUMA, ada satu program yang dinamakan *Seniors Back in Action* ataupun SEBA yang telah dilaksanakan di bawah KESUMA.

Lepas itu kita juga ada Pembelajaran Sepanjang Hayat yang dilaksanakan secara bekerjasama dengan KPT dan juga KKDW dan kita membuat advokasi dan juga perkhidmatan komuniti yang melibatkan penjagaan, pengangkutan dan sebagainya, tapi saya, sekali lagi saya nak tekankan mengenai PAWE@3A itu. Sebabnya kalau sebelum ini keputusan untuk mewujudkan PAWE itu satu Parlimen, satu PAWE tapi bermula daripada tahun 2023, ia nya dibenarkan untuk diwujudkan PAWE, tetapi kalau ada keperluan.

Yang keduanya, tidak semestinya mempunyai *venue* ataupun tempat, sebab itu kita namakan 3A. 3A itu *anywhere, anytime* dan juga *anyplace*. Ia nya lebih fleksibel dan tidak terikat dan yang penting, aktiviti dan ada bantuan, sedikit bantuan yang diberikan oleh kementerian kepada NGO tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Mohd Hatta.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk promo sikit, Jawatankuasa Hal Ehwal Sosial, Jawatankuasa Pilihan Khas kita akan mengeluarkan satu laporan mengenai isu menua ini dalam sesi yang akan datang. Cuma sebagai ingatan kepada kementerian, laporan banyak di luar sana, tidak semestinya dalam jawatankuasa bahawa peruntukan-peruntukan untuk pihak-pihak NGO, pihak-pihak swasta membantu masalah menua ini agak kecil dan kemampuan kementerian sendiri daripada segi tenaga manusia, kurang.

Jadi, apa langkah segera supaya dapat menangani isu menua ini sebelum saya tua, sebelum saya tua pula. *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Macam mana nak ukur ketuaan itu?

■1110

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Hatta di atas soalan yang telah dikemukakan. Memang kalau kita bercakap mengenai peruntukan, mana-mana kementerian pun menghadapi *I think* cabaran yang sama.

Kita mahu melakukan ataupun melaksanakan lebih banyak lagi program dalam usaha untuk kita membantu program ataupun segala aktiviti di bawah kementerian berkenaan tapi cabaran kita adalah kewangan. Sebab itu kita galakkan macam program-program berkaitan ataupun kerjasama dengan NGO, kerjasama dengan *private sectors* bagi menggalakkan *private sectors* itu membantu kembali melaksanakan CSR mereka.

Saya nak bagi contoh macam PAWE Putrajaya. PAWE Putrajaya antara PAWE yang berjaya dan mereka menjalankan pelbagai program bukan hanya bantuan daripada pihak kerajaan saja, bantuan tersebut bukan melalui geran saja, tetapi ada usaha yang dilaksanakan oleh PAWE berkenaan untuk mendapatkan dana luar bagi kita membantu apa juga program dan juga aktiviti di bawah PAWE tersebut, tapi saya hendak kongsi juga.

Sekarang ni kementerian sedang mengemas kini ataupun *insya-Allah* bulan Oktober ini akan melancarkan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan ia nya lebih inklusif, ia lebih relevan dengan cabaran semasa dan kita juga — sebab ada juga soalan berkaitan dengan ada atau tidak kita ni hendak menyiapkan atau membangunkan satu *retirement village* sebagai strategi menghadapi status negara tua. Yang ini kita bekerjasama bersama dengan KPKT dan KPWKMM memang menyambut baik usaha yang dilaksanakan oleh pihak KPKT.

Kita harapkan *insya-Allah retirement* ini kalau sekiranya dia dapat dilaksanakan, akan dikawal selia dan dikawal ataupun dipantau operasinya, memandangkan penghuninya nanti adalah kumpulan sasar iaitu warga emas tersebut, tetapi Dato' Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian juga nak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas semua soalan yang telah dikemukakan kepada kementerian baik soalan kaitan warga emas, OKU, wanita dan pelbagai soalan lain dan kalau sekiranya masih lagi belum lagi menepati jawapan berkenaan, kami bersedia untuk berjumpa. *Because my officers are all here* dan kita sentiasa berada untuk membantu bagi memastikan kesejahteraan wanita, warga emas, kanak-kanak, semua terjaga di Malaysia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan saya soalan nombor 7. Terima kasih.

7. **Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya menyatakan, strategi utama yang digunakan oleh *Tourism Malaysia* untuk menilai keberkesanan Tahun Melawat Malaysia 2026 dalam mencapai sasaran 23.5 juta pelancong dan RM76.8 bilion pendapatan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Dewan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensi *Tourism Malaysia* telah mengumumkan sasaran baharu untuk pelawat bagi Tahun Melawat Malaysia 2026.

Sasaran baharu ialah 47 juta pelawat asing yang akan membawa pulangan sebanyak RM329 bilion. Antara strategi-strategi utama bagi mencapai sasaran 47 juta ketibaan pelawat asing dengan sasaran pulangan sebanyak RM329 bilion sempena Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM 2026) melalui pendekatan berikut.

Pertama, fokus pada pasaran bersasar seperti China, India, Australia, Indonesia, Asia Tengah, Rusia, Timur Tengah, United Kingdom, Chinese Taipei, dan Jerman tanpa mengabaikan pasaran Brunei, Thailand, dan Singapura yang merupakan penyumbang utama kepada jumlah ketibaan langsung pelawat asing ke Malaysia. Selain itu, tumpuan juga diberikan di bandar di bandar-bandar utama, bandar kedua *second-tier cities* dan bandar ketiga *third-tier cities* di pasaran-pasaran bersasar tersebut bagi merencanakan lagi aktiviti promosi serta menarik ketibaan lebih ramai pelawat asing ke Malaysia.

Kedua, meningkatkan permintaan dengan memperkukuh penjenamaan *Visit Malaysia 2026* (VM 2026) serta memperkasa jenama "*Malaysia Truly Asia*" dan "*Cuti-cuti Malaysia*". Di samping itu, aktiviti promosi akan dipergiatkan melalui penggunaan platform digital, pelaksanaan misi jualan, penyertaan dalam pameran pelancongan, kerjasama satu gig dengan pengengaruh terkenal dari dalam dan luar negara serta pelbagai aktiviti promosi lain yang bersesuaian.

Ketiga, meningkatkan aliran trafik pelawat ke Malaysia dengan memanfaatkan kemudahan dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan serta pemain industri melalui kolaborasi, kempen taktikal dan kerjasama strategi. Usaha ini turut merangkumi peningkatan kekerapan penerbangan ke Malaysia dan penambahan laluan penerbangan baharu yang menghubungkan bandar-bandar utama di Malaysia dengan destinasi antarabangsa, sekali gus meningkatkan kapasiti tempat duduk (*seat capacity*) ke negara ini melalui pemberian insentif Geran Sokongan Penerbangan Antarabangsa dan Charter (GSPC).

Tourism Malaysia turut bekerjasama dengan syarikat pengendali bas dan feri bagi meningkatkan ketibaan pelawat asing khususnya dari negara-negara jiran, pelancongan rentas sempadan.

Keempat, *Tourism Malaysia* juga menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat agensi pelancongan, termasuklah agensi pelancongan atas talian bagi menawarkan pakej

pelancongan yang menarik, kompetitif dan bernilai tambah untuk menarik lebih ramai pelawat asing ke Malaysia seiring trend dan perkembangan semasa.

Kelima, di samping itu, fokus turut diberikan kepada pasaran yang berimpak tinggi dan segmen pelancongan minat khas bagi mempertingkatkan jumlah pendapatan pelancongan negara. Ini termasuklah segmen pelancongan mewah (*luxury tourism*), ekopelancongan atau pelancongan berasaskan alam semula jadi (*nature-based tourism*), pelancongan berasaskan pengalaman (*experiential tourism*), pelancongan sukan (*sport tourism*), pelancongan MICE, *Meetings, Incentives, Conventions, Exhibitions*, perkahwinan dan bulan madu, gastronomi, membeli-belah, *Muslim-friendly, leisure, bleisure, business and leisure*, kumpulan insentif, Gen Z dan lain-lain.

Dan keenam, pelan liberalisasi visa oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga dimanfaatkan dalam meningkatkan dan memperkukuh momentum pertumbuhan ketibaan pelawat khususnya dari pasaran China dan India. Kami yakin melalui pendekatan ini, Malaysia dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dalam memartabatkan industri pelancongan negara dan seterusnya menyumbang kepada pendapatan negara. Sekian dan terima kasih.

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: Datuk Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan sebentar tadi yang cukup lengkap, komprehensif.

Berhubung dengan persoalan tambahan saya ini, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan libat urus dengan komuniti-komuniti tempatan, umpamanya pengusaha-pengusaha *homestay*, pihak-pihak yang mengusahakan kraf tangan dan juga boleh jadi makanan tradisi orang-orang Malaysia supaya ia nya dapat manfaat ekonominya, dapat terus sampai kepada rakyat di negara kita. Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Saya akan memberikan jawapan secara ringkas disebabkan soalan yang diajukan luar daripada soalan asas.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian dalam proses untuk menyemak Akta Industri Pelancongan 1992. Sewaktu akta ini mahu dibaiki ataupun ditambah baik, banyak *engagement* ataupun sesi libat urus yang telah dilakukan.

Seperti apa yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Senator, setiap bidang memang pihak kementerian melihat dengan secara serius dan holistik bagaimana kita boleh memperbaiki dan juga mengadaptasi ekosistem yang kerap kali berubah apatah lagi dalam keadaan sekarang. Sekian, terima kasih.

■1120

Tuan Musoddak bin Ahmad: Soalan tambahan ya.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Soalan tambahan ya Dato Speaker.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Soalan tambahan.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh tambah satu lagi ya?

Tuan Musoddak bin Ahmad: Selepas ini boleh *la tu*. *Hat* ni menarik sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang terakhir Dato' Setia lah.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Okey, terima kasih.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Yang Berhormat Dato Speaker. Saya tertarik dengan apa yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi, tentang pendekatan untuk mencapai sasaran pelancong ini iaitu lah perkahwinan dan bulan madu. Memang seronok lah. Jadi, apa program-program yang telah dibuat oleh Kementerian? [*Dewan ketawa*]

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih, Yang Berhormat, Senator. Saya sungguh teruja dengan minat yang begitu spesifik yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Senator.

Untuk perkongsian bersama di dalam Dewan Yang Mulia ini. Banyak landasan ataupun pergerakan ke arah untuk kita mempromosikan pakej bulan madu di negara kita dan juga pakej perkahwinan melalui pejabat-pejabat yang di luar ataupun yang ada di negara-negara tertentu untuk kita memberikan satu gambaran dan juga yang pastinya apakah sebenarnya pengalaman yang mereka boleh kecapai apabila mereka mengguna pakai produk-produk yang telah disediakan oleh pemain-pemain industri di negara ini. *Insyallah*, ini akan menjadi salah satu fokus yang penting bagi pihak kementerian untuk kita memperkasakan lagi kedua-dua produk yang telah disebutkan. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan terakhir, Yang Berhormat Dato' Setia.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Dato Speaker. Terima kasih. Ini bukan, bukan soalan bulan madu, ya. [*Dewan ketawa*]

Ini saya tertarik, YB *dok* bercakap tadi tentang bagaimana nak *promote* Malaysia ini sebagai pusat industri pelancongan, tapi tidak pun disebut berkaitan dengan menarik, menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan bercirikan status halal, ya. Sebab kita tahu bahawa Malaysia ini kita nak jadikan sebagai satu *halal hub international* dan kalau sekiranya kita *promote*-kan Malaysia ini dengan mengadakan hotel, mengadakan tempat-tempat lawatan yang bercirikan Islamik, dekat Melaka, dekat apa nama, di Kuala Kangsar dan sebagainya. Dia banyak lagi tempat-tempat yang bercirikan Islamik dan juga makanan-makanan halal.

Kenapa kita tidak mempromosikan industri halal di Malaysia ini sebagai salah satu destinasi pelancongan untuk bukan sahaja kepada mereka yang negara-negara bukan agama Islam tetapi kepada terutamanya kepada *Middle East Countries*? Terima kasih, ini mohonkan penjelasan.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih di atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di bawah Kementerian MOTEC, kita ada satu agensi iaitu, *Islamic Tourism Center*. *Islamic Tourism Center* ini bukan

sahaja memberikan satu gambaran ataupun memberikan pendekatan untuk kita menarik pelancong-pelancong ataupun memposisikan Malaysia sebagai *Muslim Friendly Tourism*, tetapi ianya juga ada perkhidmatan dalam sudut bagaimana sebenarnya kita boleh memastikan ekosistem *Muslim-Friendly Tourism* ataupun *Muslim-friendly hospitality* itu dapat kita wujudkan.

Tidak pernah dalam sejarah sebelum ini, pihak kementerian telah melakukan *fam trip* ataupun *familiarization trip*, terutamanya kepada pelancong-pelancong Islam, bukan sahaja di negara Arab, tetapi juga di negara China dan juga di benua Eropah, untuk kita membawa mereka ke negara kita supaya mereka memahami apakah sebenarnya *Muslim-Friendly Tourism* ini? Apakah sebenarnya *Muslim-friendly hospitality* ini? Ini kerana dengan pembawaan ataupun pendekatan sebegini mereka secara langsung boleh diangkat sebagai *brand ambassador* bagi kita memposisikan Malaysia sebagai *Muslim-friendly Tourism*.

Keduanya juga, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, Malaysia telah diangkat dan dinobatkan sebagai juara di dalam konteks *CrescentRating* yang telah diusahakan atau dianjurkan oleh *Mastercard* sebagai *top* negara yang nombor satu mempunyai ekosistem yang, apa ini orang cakap — *complete* ataupun ekosistem yang sesuai penuh, mempunyai kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Ini adalah satu pencapaian yang cukup luar biasa kerana kita telah menjadi nombor satu selama 10 tahun berturut-turut. Ini untuk perkongsian bersama. Saya *insya-Allah*, pihak kementerian akan memberikan jawapan bertulis untuk memberikan pendekatan, untuk menceritakan pendekatan kita bagaimana kita mahu memposisikan Malaysia sebagai *Muslim-friendly tourism*. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera.

*Kalau tidak kuatnya papan,
Tidak titi seteguh ini;
Kalau tidak soalan nombor lapan,
Tidak saya berdiri di sini.*

Terima kasih, Yang di-Pertua.

8. Datuk Haji Mustafa bin Musa minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, persediaan pengurusan Tadika Perpaduan bagi memastikan semua guru prasekolah mendapat latihan kurikulum baru prasekolah tahun 2026 dan keupayaan mereka menggunakan kurikulum baru ini tidak menjadi kekangan dan masalah kepada pelajar apabila memasuki darjah satu pada tahun 2027.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Terima kasih, Yang Berhormat atas soalan.

Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM telah membangunkan Kurikulum Prasekolah 2026 atau KP2026 sebagai usaha menambah baik elemen kurikulum sedia ada. KP2026 akan dilaksanakan sepenuhnya mulai Januari 2026, di semua prasekolah kerajaan dan swasta termasuk Tabika Perpaduan di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara, KPN.

Sehubungan itu, Kementerian bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), telah memulakan latihan KP2026 untuk semua guru tabika. Semua guru Tabika Perpaduan sejak Julai lalu dan akan berterusan sehingga Disember 2025 ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KP2026 juga telah diuji rintis di 34 pra sekolah KPM, lima Tabika KEMAS, tiga Tabika Perpaduan dan lapan tadika swasta. Pemantapan kurikulum ini dilakukan berdasarkan dapatan uji rintis dan pandangan pelaksana di lapangan. Untuk melatih guru prasekolah di agensi kerajaan dan swasta, Penataran KP2026 dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia secara dalam talian dan bersemuka dari Jun hingga November 2025.

Bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan pelaksanaan KP2026, Kementerian Perpaduan Negara juga telah merancang program pembangunan profesionalisme guru dan penolong guru Tabika Perpaduan secara bersiri bermula tahun 2026. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas penerangan daripada YB Timbalan Menteri tentang kebitaraan guru kita dari segi pengajaran dan sukatan baru supaya dia tidak tercicir berbanding dengan tadika yang lain.

Tentunya bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah untuk tahun-tahun mendatang, apakah persediaan kementerian bagi memenuhi kapasiti pelajar prasekolah berumur lima tahun ke atas pada tahun-tahun yang akan datang dengan pembukaan kelas-kelas baharu di kawasan baharu dan sebagainya? Itu satu.

Yang kedua, sudah tentu nilai dan juga objektif penubuhan ini adalah untuk perpaduan. Adakah nilai itu tercapai berdasarkan kepada komposisi pelajar yang menyertai kelas perpaduan ini tidak menggambarkan kapasiti pelbagai kaum? Jadi, apakah usaha kementerian supaya ia menjadi rebutan pelbagai kaum, bukan dimonopoli oleh satu-satu kaum, bagi mencapai matlamat dan objektif penubuhan Tadika Perpaduan Rakyat ini? Terima kasih, Dato Yang di-Pertua.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa soalan terangkum dalam satu soalan tersebut. Pertamanya, berkenaan dengan penubuhan tadika baharu, ia adalah berdasarkan kepada keperluan semasa di sesuatu penempatan sebab kita ada juga tadika yang ditubuhkan di sekolah dan juga ada Tadika KEMAS. Jadi, ia terpulang kepada keperluan dan permintaan dan permohonan.

Keduanya, berkenaan dengan komposisi ataupun murid dalam Tadika Perpaduan. Saya boleh kongsi data yang saya ada. Daripada keseluruhan 34,696 murid pelajar di Tadika Perpaduan. 26,600 adalah daripada etnik Melayu, 459 Cina, 1,969 India, 618 Kadazan, 1,287 Iban dan lain-lain adalah 3,759.

■1130

Jadi ada penglibatan ataupun ada murid-murid daripada pelbagai etnik yang memilih tadika tetapi kita akan — kita sedang berusaha untuk menarik lebih ramai daripada etnik yang berlainan supaya suasana di tadika itu lebih mendedahkan ataupun mencerminkan perpaduan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Dan program-program ataupun modul yang diperkenalkan juga diperbaiki dari masa ke semasa untuk ia menjadi lebih inklusif. Sebagai contoh, kita ada kelas komunikasi asas pelbagai bahasa iaitu Tamil, Mandarin, Kadazan dan Iban selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris supaya murid-murid daripada etnik Cina ataupun Tamil boleh menyertai Tabika Perpaduan ataupun memilih Tabika Perpaduan sebagai pilihan pertama mereka. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Haji Hussin. Soalan terakhirlah.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *[Ketawa]* Terima kasih, Dato'. Saya ucap tahniah atas hasrat besar untuk memperkasakan perpaduan negara melalui tadika. Cuma saya nak tanya, yang pertamanya sejak tahun 2021 sampai 2024, sudah berapa buah Tadika Perpaduan ini dibangunkan?

Yang keduanya dari sudut ciri utamanya, apakah mesti meletakkan sebagai tanda perpaduan itu gabungan atau percampuran semua kaum yang ada di sekitar? Melayu, Cina, India, Iban, dan lain-lain. Dan yang terakhirnya juga ialah syarat-syarat kemasukan itu mesti dengan ciri yang terutama tadi sebagai maksud perpaduan berserta dengan kurikulum khusus di sini. Apakah dia ini *totally* perbezaan daripada yang lain-lain sebab dia dalam itu ada berbagai kaum, berbagai agama, berbagai budaya. Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Pertamanya, berkenaan dengan soalan berapa banyak tadika yang telah ditubuhkan semenjak tahun 2021 hingga 2024, saya akan beri secara bertulis. Saya tidak ada data bersama saya pada peringkat — pada masa ini.

Dan berkenaan dengan persoalan sama ada kita perlu ada percampuran murid daripada semua etnik supaya kita boleh memupuk perpaduan, jawapan saya tidak semestinya. Yang penting adalah setiap murid yang belajar, di setiap kanak-kanak yang membesar, harus memahami prinsip perpaduan itu. Itu yang sangat penting.

Jadi dalam modul pendidikan di Tadika Perpaduan, ada modul untuk perpaduan, ada modul untuk urus diri, ada modul untuk komunikasi asas dan juga ada modul untuk *take five*, di mana tiga minit diperuntukkan untuk penghayatan Rukun Negara. Jadi dari melalui modul-

modul ini, kita memupuk semangat perpaduan walaupun kelas itu tidak mempunyai komposisi campuran etnik berlainan.

Sebagai contoh kalau di Terengganu ataupun di Kelantan, walaupun ia mempunyai satu murid daripada katakan kaum Melayu sahaja tetapi mereka dididik untuk menghormati, untuk menghayati Rukun Negara supaya mereka apabila mereka membesar dan pergi ke lapangan, mereka dapat hidup dalam suasana yang lebih memahami keperluan untuk menghormati etnik-etnik yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Amir.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 9.

9. Tuan Amir bin Md Ghazali minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, bagaimana RMK13 akan meningkatkan daya saing universiti awam tempatan dalam arena pendidikan tinggi global.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Ts. Mustapha Sakmud]: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Seiring dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), Kementerian Pendidikan Tinggi memberi penekanan terhadap usaha meningkatkan daya saing universiti awam agar terus relevan dan berwibawa dalam arena pendidikan tinggi global melalui tonggak reformasi pendidikan, antara langkah utama yang sedang dan akan dilaksanakan:

- (i) transformasi tadbir urus termasuk autonomi dan pendanaan;
- (ii) pengantarabangsaan pendidikan tinggi; dan
- (iii) pemerkasaan ekosistem penyelidikan dan inovasi.

Ini untuk meningkatkan kualiti akademi dan juga keboleh pasaran graduan kita. Dalam aspek autonomi penuh, KPT telah mengenal pasti Universiti Malaya sebagai pelaksana projek rintis tersebut dan Universiti Malaya juga sedang membuat kajian bagi pelaksanaannya. Dari sudut autonomi penuh kepada universiti awam, ini akan dijangka dapat meningkatkan daya saing universiti tempatan dalam arena pendidikan tinggi global. Antara peningkatan yang telah dan akan dibuat ialah yang pertama, kebebasan strategik tadbir urus akademik di mana universiti mempunyai autonomi untuk menyusun kurikulum, program dan penyelidikan yang relevan dengan keperluan pasaran global serta universiti awam akan terus dapat bergerak lebih cepat untuk mengadaptasi trend global seperti kecerdasan buatan (AI), teknologi hijau dan bioteknologi tanpa sebagai birokrasi.

Yang kedua, galakan pelbagai sumber kewangan dan inovasi perniagaan akademik. Ini untuk memberi autonomi penuh kepada universiti untuk mencipta aliran pendapatan

melalui kolaborasi antara — dengan industri, program pendidikan eksekutif, penyelidikan berbayar, hak cipta dan juga pelaburan.

Yang ketiga, peningkatan keupayaan untuk menarik dan mengekalkan bakat. Melalui autonomi ini juga, universiti awam dapat menawarkan pakej kompetitif kepada pensyarah dan penyelidik berprestasi tinggi dari seluruh dunia.

Dan yang keempat, keupayaan responsif kepada permintaan dan cabaran global supaya universiti awam kita dapat menyesuaikan program-program yang memang kompetitif, inovatif mengikut pasaran global dan mereka akan dapat bersaing dalam *ranking* antarabangsa, malah mampu menjadi hab pendidikan tinggi serantau yang menarik pelajar, penyelidik dan pelaburan dari seluruh dunia.

Dari sudut pengantarabangsaan pendidikan tinggi, dengan inisiatif ini akan memperkukuhkan dan memperhebatkan jalinan kerjasama antarabangsa, menambah baik program pengajian dan memperluas pelaksanaan program berkembar untuk meningkatkan daya saing institusi pada peringkat global.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, daya saing universiti awam di peringkat global akan dipertingkatkan secara signifikan melalui usaha-usaha pengantarabangsaan IPTA dengan memperhebatkan jalinan kerjasama antarabangsa, menambah baik program pengajian dan memperluas pelaksanaan program berkembar untuk meningkatkan daya saing.

Dan yang ketiga, pemeraksanaan ekosistem pendidikan dan inovasi. Bagi memastikan kualiti graduan penyelidikan setanding dengan universiti terkemuka dunia, RMK13 akan turut memberi tumpuan kepada keberhasilan pendidikan dan inovasi. Fungsi IPT akan dirasionalisasikan untuk memperkukuhkan jaringan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Dan seterusnya, ekosistem pendidikan tinggi akan disokong melalui pelaburan yang ditambah baik, termasuk memantapkan penajaan pendidikan untuk memberi keutamaan kepada pelajar pascasiswazah di IPTA tempatan bagi membangunkan kumpulan penyelidik yang mantap. Dan kita berharap dengan usaha-usaha ini, kita akan dapat meningkatkan daya saing kita di peringkat global. Terima kasih.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Soalan tambahan. Terima kasih, Timbalan Menteri dengan jawapan yang komprehensif. Masih terkait dengan kualiti pendidikan. Seperti tahun-tahun yang lepas, ada sebilangan pelajar cemerlang STPM gagal mendapat kursus utama yang dipilih, *top three*. Pelajar cemerlang gagal mendapat kursus pilihan utama bukan sahaja di kursus sains, ia turut berlaku di *art stream*.

Soalannya, bagaimanakah Kementerian Pendidikan Tinggi memastikan kualiti pendidikan? Reformasi UPU dari segi *intake*, khususnya aspek pendidikan di semua universiti awam setaraf dengan IPT luar negara. Terima kasih.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih, Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Dato' Yang di-Pertua, memang sekarang ini banyak isu-isu yang timbul, yang melibatkan pelajar-pelajar kita yang tidak dapat menempatkan diri dalam pilihan mereka apabila mereka memilih UPU. Mungkin walaupun lari dalam konteks, tapi juga penting untuk KPT terangkan tentang bagaimana sebenarnya kita membuat pemilihan ini.

Kita sebenarnya berdasarkan yang kita panggil meritokrasi di mana 90 peratus adalah berdasarkan akademik dan 10 peratus berdasarkan kokurikulum.

■1140

Dan apabila melibatkan akademik ini untuk makluman semua, pelajar cemerlang kita semakin ramai sekarang ini, semakin ramai. Dan ini yang menyebabkan pilihan pertama selalunya jarang dapat dipenuhi. Contoh seperti yang kita sebut ada seorang pelajar yang tidak dapat menempatkan diri dalam bidang akauntan di UM. Apabila kita selidiki ranking beliau memang agak ke bawah sebab ramai lagi yang *4.0 flat* yang mendapat keputusan yang lagi baik. Jadi bila kita buat *forced ranking* beliau berada di agak ke bawah. Jadi untuk kita masukkan ke peringkat atas itu memang agak sukar.

Dan untuk bidang-bidang yang kritikal seperti perubatan, farmasi dan juga lain-lain ini, ini pun juga memang *very competitive* dan kita perlu — mereka perlu melalui proses temu duga dan itu juga akan membezakan prestasi antara pelajar-pelajar ini. Dan ini yang saya harap supaya semua ibu bapa pelajar kita dalam dunia yang *very competitive* jadi maknanya pemilihan kursus itu penting dan kita kena bersedia untuk bersaing dengan rakan-rakan kita memang yang punya keputusan yang lebih baik daripada kita.

Jadi, kita harap memang kita akan dapat juga kursus yang ditawarkan dalam senarai itu. Jadi kita harap mereka akan dapat terima sebab itu juga pilihan mereka sendiri, kita ada 12 pilihan jadi salah satu itu memang kita akan dapat. Jadi, kita harap yang ini juga akan memuaskan hati mereka dan walaupun mungkin tidak dapat pilihan yang pertama. Dan kita harap dengan saingan ini juga ini akan meningkatkan prestasi pendidikan kita di negara ini untuk bersaing di peringkat global.

Tuan Azahar bin Hassan: Soalan tambahan, soalan tambahan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Belakang *kut*.

Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: Lepas itu saya.

Tuan Manolan bin Mohamad: Lepas ini saya. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Melebihi masa dah sekarang.

Tuan Azahar bin Hassan: Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey. Soalan saya pendek saja. Kalau kita tengok data terbaharu Universiti Malaya adalah nombor 58 dalam *QS World University Rankings*. Jadi soalan saya, bagaimanakah dalam RMK13 ini akan membantu IPTA memperkukuh

kedudukan IPTA dalam penarafan universiti global seperti dalam *QS World University Rankings* tadi dan juga dan *Times Higher Education*. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Seperti yang saya sebut tadi, ada beberapa aspek yang kita tekankan, yang pertama dari segi autonomi universiti. Yang keduanya dari segi pengantarabangsaan, dan juga yang ketiganya tentang R&D dan penyelidikan.

Ini yang sebenarnya terutama R&D, ini yang akan banyak meningkatkan daya saing kita di peringkat global ini. Dan oleh itu, di peringkat KPT untuk memastikan universiti kita ini selari dengan lonjakan ranking dalam kelompok terbaik dunia, KPT melaksanakan sistem instrumen penilaian dalaman yang kita panggil sebagai *Malaysia Research Assessment* (MyRA) yang mewajibkan Institusi Pendidikan Tinggi menilai prestasi pendidikan dan melaporkan kepada kementerian setiap tahun.

Jadi, MyRA ini ia akan mengangkat universiti kita berdasarkan pencapaian penyelidikan. Dan ini sebenarnya yang banyak membantu ranking yang disebut tadi UM. UM telah meningkat daripada kedudukan 60 ke 58. Dan juga universiti yang lain UKM, USM, UPM dan UTM ini semua ini adalah RU kita, *research university* kita. Jadi ini antara aspek yang kita tekankan kita mahu supaya universiti awam kita punya autonomi untuk merangka program pendanaan dan juga penyelidikan mereka supaya mereka dapat meningkatkan prestasi mereka di peringkat global. Terima kasih.

Tuan Azahar bin Hassan: Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan terakhir.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tadi. Kita bagi peluang Isaiah satu soalan. Yang Berhormat Menteri, yang nak bertanya ini boleh buat pertanyaan secara bertulis dan dijawab secara bertulis? Boleh? E-mel, e-mel.

Tuan Azahar bin Hassan: Soalan ini penting juga ini nak dengar hari ini. Sikit je.

Tuan Yang di-Pertua: Okey sikit je.

Tuan Azahar bin Hassan: Sikit je *nah*.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu.

Tuan Azahar bin Hassan: Okey, terima kasih Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan terakhir adalah... [*Tidak jelas*].

Tuan Azahar bin Hassan: Terima kasih banyak-banyak. Apakah usaha kementerian untuk mengekalkan pensyarah dan penyelidik berprestasi tinggi daripada berhijrah ke luar negara atau beralih ke sektor swasta disebabkan kekangan ganjaran dan peluang penyelidikan? Ini penting punya soalan. Terima kasih.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih ya. Ini sebenarnya antara yang reformasi yang kita sedang buat di peringkat KPT di mana, di mana kita sedang menilai bagaimana gaji

dan juga perjawatan dari segi pensyarah-pensyarah kita ini. Sebab apa yang kita dapati pensyarah-pensyarah kita ini tidak selaras dari segi jawatan dan gaji berbeza di setiap universiti awam. Ini antara yang sepuluh teras reformasi yang sedang kita tekankan dan kita harap supaya ini juga akan dapat mengekalkan mereka supaya tidak berhijrah ke negara-negara lain untuk mendapatkan jawatan yang lebih baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan terakhir untuk sesi jawab lisan. Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah.

Tuan Isaiah a/l D.Jacob: Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10.

10. Tuan Isaiah a/l D Jacob minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sejauh mana kejayaan Pelan Tindakan OKU 2016-2022:

- (a) apakah laporan audit Pelan Tindakan OKU 2016–2022 telah diterbitkan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian berdasarkan Pelan Tindakan OKU ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad]: Terima kasih YB Senator Isaiah di atas soalan yang dikemukakan.

Dato' Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika ini sedang membangunkan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya ataupun PTOKU yang baharu sebagai kesinambungan kepada PTOKU sedia ada. Program serta inisiatif yang disediakan di dalam pelan tindakan yang lalu telah menerapkan *Incheon strategy to "Make the Right Real" for persons with disabilities in Asia and the Pacific* dan turut dijadikan sebagai rujukan KPWK dalam pembangunan PTOKU yang baharu.

KPWKM telah melaksanakan beberapa siri libat urus bersama pertubuhan bukan kerajaan serta pertubuhan masyarakat sivil dari setiap tujuh kategori ketidakupayaan, ahli akademik, anggota lantikan individu, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, kementerian dan juga agensi kerajaan. Objektif utama perbincangan adalah untuk mengumpul input isu-isu OKU yang harus diberi perhatian dalam PTOKU yang baharu selain menjelaskan matlamat PTOKU dan manfaat inisiatif kerajaan kepada OKU.

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang bersidang pada 23 Julai 2025 telah mengambil maklum laporan pencapaian PTOKU sedia ada dan berpandangan supaya — Yang pertama, kadar pencapaian 69.09 peratus bagi program PTOKU sedia ada yang dikategorikan sebagai berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan perlu dipertingkatkan dalam PTOKU yang baharu.

Yang kedua, setiap kementerian atau agensi kerajaan perlu bertanggungjawab memastikan pelaksanaan program seperti yang disenaraikan.

Yang ketiga, setiap kementerian atau agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan PTOKU yang baharu mengambil tindakan sewajarnya agar semua program yang akan disenaraikan kelak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Yang keempat, pembangunan PTOKU yang baharu mengenal pasti mekanisme pemantauan dan pelaporan yang sesuai bagi setiap program di bawah PTOKU.

Dan yang kelima, pembangunan PTOKU yang baru akan turut mengambil kira dasar OKU sedia ada, selain rujukan kepada prestasi pencapaian PTOKU sedia ada, Akta Orang Kurang Upaya 2008 ataupun Akta 685, serta pandangan MKBOKU.

MKBOKU juga telah meminta semua kementerian dan agensi terlibat untuk melaporkan status tindakan susulan yang diambil terhadap program yang tidak mencapai 100 peratus pelaksanaan dalam PTOKU sedia ada. Walaupun ianya telah melepasi ataupun melebihi garis masa yang disasarkan. Cara ini juga adalah sebagai penambahbaikan mekanisme pemantauan, pelaporan dan akauntabiliti semua pihak terlibat ke atas perkara-perkara yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan mereka. Terima kasih.

Tuan Isaiah a/l D.Jacob: Terima kasih Timbalan Menteri. Tidak ada soalan tambahan sebab soalan tambahan dah dijawab. Terima kasih.

Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani: Soalan tambahan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, YB Senator. Teruskan.

Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan apa tu — Pelan Tindakan OKU ini bersifat jangka sederhana, wajar pemantauan berterusan dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

■1150

Bagi tujuan itu, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengadakan satu kaedah pemantauan berterusan yang akan di - yang akan juga melibatkan komuniti OKU? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Terima kasih di atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator.

Tadi saya maklumkan, di bawah Majlis Kebangsaan bagi OKU juga kita membuat pemantauan dari segi laporan pencapaian dan pelbagai. Walau bagaimanapun, kementerian sebenarnya telah merangka satu mekanisme pemantauan yang bersifat inklusif dan juga berstruktur. Selain daripada menggunakan MKBOKU, kita ada empat jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah majlis ini untuk menyelia dan memantau pelaksanaan PTOKU di bawah fungsi dan terma rujukan jawatankuasa. Dan dalam waktu yang sama juga, kita juga menyediakan saluran komunikasi serta maklum balas yang digunakan untuk menerima pandangan dan juga aduan sekiranya terdapat perkara yang tidak mengikut pelaksanaan dan pelbagai.

Dan di samping itu juga, kementerian menggunakan pendekatan penilaian objektif serta penilaian berkala. Contohnya, kajian separuh penggal, pemantauan berkala serta di dalam mesyuarat bawah majlis tersebut, pelaporan itu perlu dilaksanakan mengikut rentas kementerian. Dan daripada 10 jawatankuasa tersebut, lapan daripadanya adalah dilantik yang mereka sendiri adalah OKU daripada pelbagai jenis. Dan mesyuarat ataupun mesyuarat majlis tersebut dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Dan langkah ini selari dengan keutamaan kepada kesejahteraan OKU.

Dan saya nak mengambil kesempatan ini juga Dato Speaker, nak mengucapkan ribuan terima kasih, terutamanya kepada YB Isaiah yang banyak memberikan maklum balas, penambahbaikan kepada kepentingan dan juga kesejahteraan OKU di Malaysia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

11.53 pg.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]: Dato Yang di-Pertua, Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] telah digubal lebih tiga dekad yang lalu sebagai langkah awal Malaysia mewujudkan kerangka perundangan untuk menangani amalan perdagangan tidak adil oleh pengeluar atau pengeksport luar negara. Melalui akta ini, siasatan serta tindakan boleh diambil terhadap barangan import yang dilambakkan di pasaran tempatan atau barangan import bersubsidi yang membawa kemudaratan kepada industri tempatan.

Untuk makluman Dato Yang di-Pertua, duti anti-lambakan dan duti timbal balas merupakan remedi perdagangan *or trade remedies* yang digunakan oleh sesebuah negara bagi melindungi pengeluar tempatan daripada amalan perdagangan tidak adil. Dan duti anti-lambakan dikenakan apabila barangan import dijual pada harga lebih rendah daripada nilai

pasaran asal di negara pengeksport sehingga menjejaskan kedudukan pengeluar dalam negeri.

Duti Timbal Balas pula dikenakan bagi mengimbangi kesan subsidi tidak adil yang diberikan oleh kerajaan negara pengeksport yang mencipta kelebihan tiruan (*artificial advantage*) dan persaingan tidak adil (*unfair competition*) dengan pengeluar tempatan. Kedua-dua mekanisme ini wujud bukan sahaja untuk melindungi pengeluar tempatan daripada amalan perdagangan tidak adil dan *predatory* tetapi juga untuk memastikan kelangsungan mereka dalam dunia perdagangan bebas.

Untuk rekod, semakan serta pindaan terdahulu ke atas Akta 504 telah diluluskan pada tahun 1998 dan berkuat kuasa pada tahun 1999 iaitu lebih daripada 25 tahun yang lalu. Namun demikian, landskap perdagangan global telah banyak berubah dan hari ini kita berhadapan dengan cabaran baharu yang semakin kompleks.

Dengan perubahan dinamik situasi perdagangan global dan persekitaran perniagaan tempatan ini, undang-undang yang sedia ada seperti Akta 504 perlu diperkukuh dan dipinda agar Malaysia bukan sahaja mampu berdaya tahan dan mengharungi cabaran-cabaran baharu ini tetapi juga terus berkembang maju serta mencapai kejayaan dalam arus perdagangan antarabangsa.

Justeru, inilah sebab MITI mengambil langkah penting dalam memperkenalkan Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025. Melalui pindaan ini, kita dapat memperkukuhkan lagi Akta 504 agar Malaysia lebih bersedia menghadapi cabaran semasa dan ke hadapan. Seiring dengan matlamat tersebut, pindaan yang dibawa pada hari ini mempunyai 21 fasal. Perincian dan penjelasan lanjut mengenai setiap fasal di bawah rang undang-undang ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam *blue bill*.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas. Matlamat 21 fasal ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pertama, memberi pencerahan dan pemahaman yang lebih jelas dalam penyampaian maksud peruntukan undang-undang sedia ada serta memperkenalkan beberapa takrif baharu bagi memastikan maksud sebenar undang-undang difahami serta mengelakkan kekeliruan dalam tafsiran peruntukan tersebut. Pindaan terhadap takrif-takrif tersebut seperti dagangan subjek, harga eksport dan lambakan, khususnya penting untuk mengelakkan penyelewengan harga eksport oleh pengeksport asing yang berpotensi memudaratkan industri tempatan.

Manakala, pengenalan takrif baharu seperti pihak berkuasa penyiasat atau pemintasan akan membolehkan kerajaan untuk mengambil tindakan remedi perdagangan yang lebih berkesan dan industri tempatan akan mendapat perlindungan yang diperlukan untuk bersaing apabila berhadapan lambakan atau import bersubsidi. Sebagai contoh, dua pengeksport besar dari negara ASEAN iaitu Vietnam, sebelum ini telah memanipulasi takrifan harga eksport sehingga mengelirukan mahkamah. Akibatnya, keputusan semakan kehakiman

dalam kes tersebut telah memihak kepada mereka dan membenarkan syarikat-syarikat tersebut mengeksport barangan dagangan mereka tanpa dikenakan sebarang duti anti-lambakan.

Bahagian kedua ialah peruntukan sedia ada telah disusun semula dan peruntukan baharu turut ditambah bagi memberi pencerahan tentang proses dan prosedur penyiasatan timbal balas dan anti-lambakan. Antara lain, ia menggariskan proses khusus yang terpakai bagi pelbagai jenis kajian semula pentadbiran berkaitan remedi perdagangan.

Melalui penetapan prosedur yang lebih teratur ini, industri tempatan dapat memahami dan memanfaatkan hak mereka dengan lebih baik. Ia juga membantu mengelakkan pertindihan dalam permohonan kaji semula pentadbiran, sekali gus memastikan tindakan remedi perdagangan yang sedang berkuat kuasa kekal efektif atau disesuaikan mengikut keperluan semasa. Sebagai contoh, dengan adanya pindaan ini, pengeluar tempatan akan lebih jelas tentang hak mereka untuk memohon kajian semula pentadbiran bagi menilai semula duti anti-lambakan yang telah dikenakan terhadap pengeksport asing, khususnya apabila langkah yang sedang dilaksanakan didapati tidak lagi berkesan.

■1200

Bahagian ketiga ialah mewujudkan peruntukan baharu berkenaan prosedur penyiasatan anti-pemintasan atau pun *anti-circumvention* bagi menangani aktiviti pengeksport asing yang cuba mengelak duti timbal balas atau anti-lambakan yang telah dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. Melalui peruntukan ini, kerajaan diberikan kuasa untuk menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap aktiviti pemintasan yang merugikan industri tempatan.

Kepentingan peruntukan ini dapat dilihat melalui pengalaman lalu apabila industri tempatan pernah membuat aduan mengenai kemungkinan berlakunya pengelakan duti ke atas pengimportan *cold-rolled coil* dari Republik Rakyat China dan Republik Korea yang dieksport menerusi Taiwan. Namun, disebabkan ketidakadaan peruntukan khusus dalam akta sedia ada, kerajaan tidak berupaya mengambil sebarang tindakan. Keadaan ini telah mendedahkan industri tempatan kepada risiko pengelakan berterusan dan menjejaskan keberkesanan langkah remedi perdagangan. Dengan adanya pindaan ini, sebarang percubaan untuk memintas duti yang dikenakan boleh ditangani dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, RUU pindaan ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk melindungi industri tempatan daripada ancaman amalan perdagangan tidak adil yang kian berleluasa di samping memperkukuh keberkesanan pelaksanaan undang-undang remedi perdagangan di Malaysia. Di samping itu, pindaan ini akan memastikan pematuhan yang lebih komprehensif, konsisten dan sejajar dengan piawaian perdagangan antarabangsa.

Pelaksanaan Akta 504 yang dipinda akan memberikan kejelasan kepada semua pihak berkepentingan mengenai dasar dan hala tuju Kerajaan MADANI dalam menangani isu

perdagangan tidak adil. Pindaan ini bukan sahaja melindungi industri tempatan tetapi juga menegaskan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang tegas dalam menangani amalan perdagangan tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira apa yang telah saya jelaskan tadi, jelaslah bahawa pindaan ini amat diperlukan. Oleh itu, saya menyeru semua Ahli Yang Berhormat untuk memberikan sokongan penuh kepada pindaan ini demi kepentingan industri tempatan dan masa depan negara. Kita tidak boleh menunggu kerana dah lama belum meminda akta ini. Inilah masanya untuk bertindak. Saya yakin bahawa dengan sokongan padu semua Ahli Yang Berhormat, Malaysia mampu mengharungi cabaran semasa dan membina peluang yang lebih baik untuk masa depan kita.

Terima kasih, Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Pele Peter Tinggom: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Tuan Pele Peter Tinggom: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada lima orang ahli yang nak berbahas dan pada hari ini kita ada empat RUU di bawah aturan mesyuarat. Maka, saya akan membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang.

Dengan segala hormatnya, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

12.04 tgh.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Pergi ke laut pasang pukut,
Singgah sebentar di tepi jeti;
Undang-undang dibawa tepat,
Agar ekonomi mampan lestari.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025. RUU ini bukan sahaja soal teknikal perdagangan antarabangsa, tetapi ia menyentuh soal keadilan ekonomi, kelangsungan industri dan pekerjaan rakyat. Dalam era globalisasi hari ini, sistem perdagangan kita mesti diperkukuh agar tidak menjadi mangsa manipulasi pihak luar.

Antara pindaan penting yang diperkenalkan ialah — satu, definisi baharu *circumvention*, pemintasan duti untuk menutup ruang manipulasi melalui perubahan kecil pada produk atau laluan perdagangan.

Dua, *sunset clause* lima tahun memastikan semua duti akan tamat selepas tempoh tersebut kecuali disemak semula melalui proses *expiry review*. Ia memberi kepastian kepada pasaran.

Tiga, *public interest test*, ujian kepentingan awam, memastikan keputusan bukan hanya adil kepada industri tetapi juga mengambil kira kesan kepada pengguna dan ekonomi keseluruhan.

Empat, *undertaking commitment* pengeksport, kerajaan pengeksport, kuasa untuk menggantung siasatan jika ada janji bertulis yang boleh diterima.

Lima, kuasa penyiasatan lebih luas. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) boleh melantik pihak berkuasa penyiasat dengan lebih jelas.

Enam, seksyen 37A dan 37B, kuasa untuk bertindak segera terhadap kes *transshipment*, pemindahan kargo melalui negara ketiga atau ubah suai kecil produk bagi mengelak duti.

Semua pindaan ini selaras dengan piawaian Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organization*) dan amalan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi dunia semakin kompleks dan rentas sempadan. Kajian MITI menunjukkan kes lambakan (*dumping*), dengan izin, dan subsidi eksport semakin meningkat menekan industri tempatan. Banyak produk asing masuk ke Malaysia dengan harga tidak munasabah kerana disokong subsidi negara asal. Taktik pemintasan duti juga semakin kerap. Produk diubah suai sedikit, ditukar kod tarif atau dilabel semula di negara ketiga sebelum masuk ke pasaran kita seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi. Jika dibiarkan, Malaysia akan terdedah kepada permainan harga tidak adil, menjejaskan pelaburan, menutup kilang tempatan dan akhirnya mengorbankan pekerjaan rakyat kita.

Dari perspektif Sarawak, izinkan saya menarik perhatian kepada beberapa isu wilayah. Satu, industri hiliran Sarawak. Sarawak kini sedang muncul sebagai hab industri hiliran termasuk aluminium, keluli, kaca, baja serta elektrik dan elektronik. Semua ini amat mudah terdedah kepada lambakan produk luar yang lebih murah kerana disubsidi. Tanpa perlindungan undang-undang, pelaburan besar ini berisiko terjejas.

Dua, *transshipment* di pelabuhan Sarawak. Pelabuhan utama di Bintulu, Kuching dan Miri sering digunakan sebagai transit untuk elak duti. Dengan adanya seksyen 37A dan 37B, saya berharap penguatkuasaan di pintu masuk Sarawak akan diperkukuh termasuk dengan penggunaan teknologi pengesanan digital.

Tiga, perusahaan kecil dan sederhana. Banyak PKS di Sarawak tidak mampu menyediakan petisyen lengkap kerana kosnya tinggi. MITI wajar menyediakan bantuan

teknikal, khidmat nasihat dan templat petisyen agar PKS mendapat perlindungan undang-undang yang sama seperti syarikat besar.

Keempat, kepentingan awam. Kos logistik di Sarawak dan Sabah jauh lebih tinggi daripada Semenanjung. Jika analisis kepentingan awam hanya dilihat secara agregat nasional, kesan sebenar terhadap pengguna dan pengeluar di Sarawak mungkin tidak kelihatan. Maka, faktor wilayah mesti diberi pertimbangan.

Sedikit masa...

Tuan Pele Peter Tinggom: Satu minit.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: *Thank you*, terima kasih.

Lima, libat urus negeri sebagai rakan pengasas Malaysia melalui Perjanjian Malaysia 1963. Wajar diwujudkan mekanisme libat urus rasmi bersama kerajaan Sarawak dan Sabah dalam kes besar yang memberi kesan kepada industri strategik di wilayah kami.

Selain isu wilayah, saya ingin cadangkan beberapa penambahbaikan umum. Garis panduan *public interest*, dengan izin, kepentingan awam yang jelas dan diterbitkan secara umum. Portal e-doket siasatan supaya pengeluar, persatuan industri dan PKS boleh akses dokumen tidak sulit dengan mudah.

■1210

Latihan teknikal dan modul kepada pengusaha kecil agar mereka faham syarat bukti *injury*, kecederaan ekonomi dan *cause session*, hubungan sebab-akibat. Pematuhan garis masa siasatan penting untuk kepastian pasaran dan mengelakkan ketidaktentuan. SOP *anti-circumvention* yang jelas di semua pintu masuk termasuk pelaburan — pelaburan di Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh RUU ini kerana ia menutup ruang pemintasan duti selaras dengan piawaian WTO, memberi kepastian melalui *sunset clause* dan memperkukuh kuasa siasatan serta tadbir urus perdagangan. *Last*, pantun.

*Padi dituai di hujung desa,
Disimpan rapi penuh jelapang;
RUU ini benteng negara,
Ekonomi terlindung rakyat gemilang.*

Terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'.

Sekali lagi, saya tekankan supaya mematuhi masa yang telah ditetapkan, yang diberi sebanyak 5 minit. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

12.11 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sentiasa mematuhi masa. Harap kali ini pun patuh sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025 ini.

Pertama, tujuan utama rang undang-undang ini adalah untuk melindungi pasaran tempatan pedagang kita daripada lambakan barangan murah dari luar negara. Kita tidak mahu pengeluaran tempatan bersusah payah, membina perniagaan, mencipta peluang dan mengangkat ekonomi negara menjadi mangsa kepada permainan harga tidak adil dari luar negara.

Keduanya, mari kita lihat kedudukan eksport Malaysia. -Setakat Januari–Julai 2025, nilai eksport negara berjumlah 934.31 bilion, meningkat 5.3 persen. Ini satu yang membanggakan kita, berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Angka ini menunjukkan eksport adalah nadi penting negara kita. Justeru, kita wajib memastikan pasaran domestik tidak digugat oleh barangan luar yang dilambakkan dengan harga tiruan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa fasal dalam pindaan ini jelas menunjukkan keutamaan kerajaan menjaga pasaran dan rakyat Malaysia.

Fasal 4 dan fasal 10, memberi kuasa kepada kerajaan untuk menggantung penyiasatan sekiranya pengeksport bersetuju mengubah harga atau menghentikan eksport pada harga lambakan. Ini langkah pencegahan awal agar barangan murah tidak menenggelamkan pasaran Malaysia.

Fasal 5 dan fasal 11, menetapkan bahawa duti timbal balas dan duti anti-lambakan hanya berkuat kuasa maksimum lima tahun, tetapi boleh dilanjutkan selepas kajian semula. Ini memastikan perlindungan pasaran tempatan sentiasa ada dan tidak berakhir tanpa kawalan.

Fasal 8 mewajibkan harga eksport ditentukan berdasarkan harga sebenar di negara asal, bukan harga yang dimanipulasi untuk tujuan lambakan. Perkara ini amat penting dan bagi menjamin rakyat Malaysia tidak menjadi mangsa barangan import murah, tetapi berkualiti rendah.

Fasal 18 juga memperkenalkan seksyen baharu 37A dan 37B untuk menangani kes pemintasan iaitu cubaan pengeksport mengelak duti dengan cara berlapis. Ini menunjukkan kerajaan bersikap tegas melindungi pasaran Malaysia daripada helah luar.

Ketiga, saya memberi cadangan kepada kerajaan. Kita mesti tegas menghalang import yang melambak dan menjejaskan pengeluar tempatan. Pada masa yang sama, kerajaan perlu giat memperkasakan Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia yang pernah kita buat zaman dulu ya. Apabila rakyat membeli produk buatan tempatan, mereka bukan sahaja menyokong ekonomi negara, tetapi juga memastikan industri Malaysia terus hidup berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bukan sekadar teknikal perundangan, tetapi adalah maruah negara. Soal pekerjaan anak muda, soal kelangsungan industri tempatan, kita tidak boleh membiarkan Malaysia menjadi pusat lambakan dunia. Dengan penegasan, Malaysia 'tong sampah' dunia, kita mesti pertahankan pasaran kita, lindungi pengeluar kita dan mengutamakan barangan buatan Malaysia demi masa depan negara kita.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya yakin. Oleh sebab itu saya menyokong rang undang-undang ini demi melindungi rakyat, pedagang dan ekonomi Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Abun kerana telah menepati masa yang telah ditetapkan oleh Pengerusi Mesyuarat. Seterusnya, kita ke utara Semenanjung Malaysia.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Husin bin Ismail.

12.16 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang saya tengok paling jaga masa. Saya terus pergi *je* lah.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat Senator yang saya hormati dan saya kasihi sekalian. Saya nak bahas 21, 21 fasal, saya rasa tak sampai ke mana untuk sebut dengan lima minit, tapi saya nak *highlight*-kan isi hati rakyat dengan suasana yang berlaku yang berkait dengan RUU yang kita bincangkan pada hari ini.

Saya ambil dulu tentang isu yang lebih formal iaitu Malaysia dilihat sekadang-kadang menjadi tempat berlabuh: *transshipment* barang daripada luar negara di *made in*-kan kepada Malaysia dan kemudiannya dijual di Malaysia dengan harga yang akhirnya kita berdepan dengan masalah yang lain. Dalam waktu yang sama, produk yang sama, *made in Malaysia*, dihantar ke tempat lain. Dan kemudiannya, atas nama Malaysia. Sebenarnya, bukan produk Malaysia. Ini pun satu hal yang sangat serius untuk kita sama-sama fikirkan.

Saya nak pergi pada isu yang kedua. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, negara kita ini sedang berdepan dengan satu lambakan yang sangat tidak terkontrol. Betulkan saya kalau saya silap. Melalui aplikasi tertentu, produk dari negara lain terus masuk ke negara kita tanpa perlu membayar sebarang cukai dan kemudiannya terus sampai kepada pengguna dengan harga yang sangat, sangat menakjubkan. Apa langkah yang boleh kita buat?

Tuan Yang di-Pertua, ada di negara kita ini kita tempat berhimpun pelbagai rangkaian kedai-kedai jualan produk antarabangsa. Saya dah sebut khusus dah terutama China. Berapa ribu sekarang ini rangkaian itu yang sedang mematikan industri, industri dalaman dalam negara kita? Saya nak sebut contoh, tak sebut nama. Ada satu rangkaian produk. *Based*-nya di Jepun, rangkaian jualan runcit. Jumlah rangkaiannya 24,000 lebih.

Tuan-tuan, dengan jumlah rangkaian macam itu, berapa banyak dia boleh harga turun daripada pengeluar? Berapa proses yang mungkin dia boleh lalui, sehingga akhir sampai di sini, dia meletakkan satu harga yang tak ter-*compete* oleh masyarakat kita. Sebahagian-sebahagian jumlah yang sedang, sedang rancak bangun sekarang ini, tuan-tuan sebahagian rangkaian ini menjadi *billionaires* segera.

Sebahagian produk yang dikeluarkan, sebahagiannya. Harganya contoh pakaian. *Even* orang di sini, nak bayar harga upah buat pakaian itu pun tak boleh. Sebab harga itu lebih murah daripada upah pakaian. Ertinya, segala bentuk industri kecil yang berlaku dalam negara kita ini sedang terus lumpuh, sedang diambang maut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini tidak diambil tindakan yang segera, ia akan menjadi suatu keadaan yang sangat berbahaya dan membentuk satu ekosistem ekonomi yang sangat mencabar di dalam negara. Sebab itu saya mengharapkan dalam proses yang ada ini, dalam RUU yang ada ini, turut diambil kira misal contoh. Kita kata produk Malaysia, tapi tulisannya Jepun. Halalnya bukan daripada Malaysia. Betul ke produk ini? Berduyun-duyun dah orang kita mengisi. Kalau saya nak sebut satu contoh lagi. Dulu industri, apa ini, *hardware*.

■1220

Sekarang *hardware* ini juga hampir lumpuh, sebab *hardware* dijual di beberapa rangkaian kedai ini, jauh lebih murah. Jadi, kalau ini tidak diambil tindakan cepat sebenarnya sama ada kedai runcit — kedai runcit kita saya rasa 85 peratus sekarang ini sudah nyawa ikan. *Giant company*. Mungkin saya sebut nama *company* – *Giant* itu. Kompeni-kompeni *supermarket* pun, sekarang pecah peranan dia, daripada *supermarket* turun buat rangkaian kecil ke lapangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ruang lingkup masa yang sangat terhad, Speaker *dok* tengok dengan penuh menumpu kepada saya ini, saya hendak sebut lagi tentang kawalan ini. Saya mengharapkan supaya RUU ini ambil masuk kira perkara ini dan kalau kita terlambat tindakan, sebahagian besar pemain-pemain kecil dan kita bukan pemain besar pun, pemain kecil dalam negara kita ini akan gulung tikar dan kita hanya akan melihat lambakkan sebahagian barang yang tak ada manfaat pun. Sampah-sampah dibuat menjadi air wangi, dicampur dengan air wangi, dimasuk ke Malaysia ini, kemudian, bunga-bunga, entah bunga ke entah kertas, orang kita bila musim majlis kahwin, belilah beramai-ramai.

Benda itu boleh pun dibuat tempat kita, tetapi pengawasan RUU kita ini diharap akan boleh membantu membendung ini, supaya Malaysia juga akan menjadi, pengusaha-pengusaha Malaysia dapat bertarung dalam padang yang sebenar, di pentas yang betul, di *game* yang tepat dan mudah-mudahan *insya-Allah*, apa yang saya sebutkan ini menyuarakan sebahagian daripada suara masyarakat peniaga kecil di lapangan di seluruh negara. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin. Walaupun lebih sedikit masa tadi, tetapi perbahasan Yang Berhormat Senator ini selalunya memang berapi-api, tetapi ada isi.

Okey, seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Wu Him Ven.

12.22 tgh.

Dato' Wu Him Ven Datuk: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong prinsip pindaan Akta 504 ini kerana ia satu langkah penting untuk melindungi industri tempatan daripada amalan perdagangan tidak adil. Pindaan ini akan memodenkan rangka undang-undang agar seiring dengan WTO. Memperkukuh perlindungan untuk pengeluar sebenar dalam negeri, meningkatkan kecekapan proses siasatan, memperjelas prosedur supaya lebih telus serta mengelakkan manipulasi perdagangan oleh pihak asing. Jika dilaksanakan dengan baik, pindaan ini mampu meningkatkan keyakinan pelabur dan menjadikan sistem perdagangan kita lebih adil dan berdaya tahan.

Namun, Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan beberapa perkara. Pertama, walaupun RUU ini ada elemen, kerajaan boleh bertindak berdasarkan maklumat, ia masih terlalu bergantung pada petisyen industri untuk memulakan siasatan. Dalam kes industri kecil dan sederhana, mereka tidak ada sumber untuk mengumpul data harga atau subsidi antarabangsa untuk bawa sesuatu kes khusus, kosnya tinggi. Perlu khidmat peguam perdagangan, pakar ekonomi, data antarabangsa yang lazimnya hanya mampu ditanggung oleh syarikat besar. Buktinya, berdasar rekod tindakan MITI, kebanyakan kes *anti-dumping* yang berjaya dibawa di Malaysia datang daripada sektor besar seperti keluli, kimia, plastik dan petrokimia. Semuanya disokong oleh syarikat besar atau konsortium.

Sebaliknya, sektor yang dikuasai IKS seperti tekstil, perabot, kimia dan produk pertanian hampir tidak pernah berjaya memfailkan kes. Ini satu bukti nyata bahawa IKS yang paling terkesan dengan lambakan, paling sukar pula untuk mendapatkan perlindungan melalui undang-undang sedia ada.

Kedua, pindaan ini masih belum menyentuh isu lambakan bungkusan kecil melalui platform e-dagang. Fenomena ini semakin meresahkan kerana produk murah dari luar negara masuk melalui saluran pos dan kurier di bawah nilai ambang cukai. Akhirnya, perniagaan kecil kita dari kedai runcit, peruncit pasar malam hingga pengusaha SME terhenti kerana mereka tidak mampu bersaing dengan produk yang seolah-olah *dump* ke pasaran kita.

Indonesia tidak menetapkan nilai ambang minimum USD100 untuk mengimport e-dagang dan wajibkan platform memotong cukai. Thailand pula sedang merangka kawalan terhadap penjualan produk murah asing dalam talian. Saya cadangkan kerajaan meneliti pindaan tambahan agar pembahagian *consigner* besar kepada bungkusan kecil untuk elak duti dirangka.

Sorry, saya minta masa lebih sikit kerana saya di rumah baca teks ini dalam lima minit, tapi dalam Dewan ini...

Tuan Pele Peter Tinggom: Saya bagi satu minit sahaja. Saya bagi satu minit ya, Yang Berhormat?

Dato' Wu Him Ven Datuk: Okey. *Consigner* yang besar adalah bungkusan — bungkusan kecil untuk elak duti dianggap sebagai satu bentuk pemintasan di bawah akta ini serta menambahkan mengemban tanggungjawab kepada platform e-dagang sebagai pihak yang boleh disiasat.

Ketiga, dari sudut pelaksanaan duti tambahan boleh menaikkan kos input bagi pengeluaran harian yang bergantung pada bahan import sekali gus menjejaskan daya saing eksport Malaysia.

Sebab itu, mekanisme aku janji harga berisiko dimanipulasi oleh pengeksport yang akhirnya menambah beban pemantauan kepada kerajaan.

Tuan Pele Peter Tinggom: Mohon menggulung, Yang Berhormat.

Dato' Wu Him Ven Datuk: Okey. Hari ini had masa lima tahun untuk duti, bermaksud jika lambakan berlanjutan lebih lama semakin semula mungkin lambak sehingga merugikan pengeluaran tempatan. Akhirnya, definisi perlindungan masih terhad kepada pengeluaran sebenar tanpa mengiktiraf, mengimport atau mengedar yang juga sebahagian daripada rantaian nilai domestik.

Kesimpulannya, saya menyokong pindaan ini kerana ia mengukuhkan sistem perdagangan adil di Malaysia, tetapi saya mendesak kerajaan supaya jangan hanya berhenti di sini supaya memastikan dasar perdagangan kita kekal terus progresif dan selaras dengan amalan antarabangsa. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1230

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, terima kasih. Sudah lebih dua minit masa kecemasan Yang Berhormat Senator. Mohon lain kali pendekkan ya?

Dato' Wu Him Ven: Okey.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, seterusnya kita terbang ke kepulauan Borneo. Dengan ini, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Edward Linggu Bukut.

12.30 tgh.

Datuk Edward @Linggu bin Bukut: Terima kasih, Yang di-Pertua. Terima kasih, saya juga mengucapkan penghargaan terima kasih kerana turut diberi peluang untuk turut membahas Rang undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025.

Tuan Yang di-Pertua, pastinya saya menyokong penuh rang undang-undang ini kerana ia penting. Penting sebab dia memberi kuasa sekali gus kepada kerajaan untuk bertindak cepat terhadap barangan import yang dijual murah secara tidak adil di pasaran kita.

Inilah yang dipanggil *dumping*. Kalau dibiarkan, sudah pasti industri tempatan akan rugi, pekerja hilang pekerjaan dan pelabur akan lari.

Sepertimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, ada 21 fasal pindaan. Dan, antara yang menarik yang saya lihat di sini ialah dengan memendekkan tempoh siasatan daripada 18 bulan ke-sembilan bulan. Dan sekali gus juga menghalang pemintasan ataupun *transshipment* dan satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah boleh mengenakan denda duti sementara dengan melalui jaminan bank antara tiga atau hingga 50 peratus harga pasaran kita dilindungi semasa siasatan masih berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah nampak kesannya. Baru-baru ini, gegulung besi dari China, Vietnam dan Korea Selatan dikenakan duti antilambakan sementara kerana dijual jauh lebih murah di sini berbanding dengan negara asal. Jika tiada tindakan, industri keluli tempatan boleh lumpuh. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu penting ialah sawit Sabah dan Sarawak adalah penyumbang utama sawit negara. Namun, harga mereka ditekan oleh pasaran luar. Tambahan pula, jika produk minyak sayuran asing dibiarkan masuk dengan harga *dumping*, pekebun kecil kita yang sudah 97 peratus bersijil MSPO di Sabah pasti akan terkesan.

Jiran saya Sarawak, selain daripada yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad tadi juga, Sarawak menumpukan hiliran seperti biojisim dan *biofuel*, manakala Sabah pula komited memperkukuhkan masa depan sawit. Semua usaha ini perlu perlindungan daripada *dumping* supaya pelaburan dan pekerja tidak terancam.

Dato' Yang di-Pertua, untuk ini saya ada beberapa cadangan. Satu, kerajaan perlu memperluaskan perlindungan ini kepada sektor hiliran sawit di Sabah dan Sarawak, seperti oleokimia dan biojisim, supaya pelaburan di Borneo tidak terjejas oleh *dumping* produk asing.

Dan kedua, WPL yang kini tiga peratus di Sabah dan Sarawak terlalu membebankan, wajar diturunkan pada 1.5 peratus sahaja dengan ambang harga disemak semula agar pekebun kecil lebih berdaya saing.

Dan ketiga, insentif untuk mekanisasi dan automasi mesti diberikan kepada pekebun kecil kerana kos buruh tinggi dan kini mahu mereka terus kekal kompetitif di pasaran pelabur.

Dan keempat, Tuan Yang di-Pertua, ialah aku janji harga daripada pengeksport asing perlu dipantau ketat supaya tiada manipulasi pasaran selepas siasatan ditangguh.

Kesimpulannya, RUU ini langkah tepat, namun keberkesanannya bergantung pada pelaksanaan yang adil dan inklusif, dan memastikan industri di Sabah dan Sarawak turut dilindungi barulah manfaatnya dapat dirasai serta menyeluruh oleh seluruh rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Edward.

Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tetapkan tidak lebih daripada 20 minit. Boleh Yang Berhormat, Timbalan Menteri? Okey, dipersilakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

12.35 tgh.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada lima orang Senator iaitu Dato' Ahmad Dato' Sri Haji Ibrahim, Senator Abun Sui, Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, Dato' Wu Him Ven dan Senator Edward Bukut. Saya ucapkan terima kasih kepada semua kerana menyokong pemindaan rang undang-undang 504.

Secara amnya, kenapa kita ingin mengubah undang-undang ini ataupun meminda ini? Kerana kita ingin memastikan perdagangan yang adil dan untuk mengelakkan perdagangan yang tidak adil. Dan, memang kita dalam satu suasana di mana perdagangan atau suasana perdagangan dunia telah berubah dan kita mengalami banyak cabaran termasuk cabaran dari pentadbiran Amerika Syarikat di bawah Presiden Trump melalui tarif yang telah dikenakan bukan sahaja Tarif *Reciprocal* yang kita sedang — kita baru merunding, tetapi juga tarif ke atas keluli dan juga besi yang telah kita nampak ada kesan.

So, ini adalah sebab kita nak membentang undang-undang ini supaya memastikan syarikat-syarikat kita terutamanya pengeluar kita tidak mengalami keadaan yang memudaratkan.

Saya ingin jelaskan sedikit tentang apa yang kita boleh buat atau tidak boleh buat di bawah undang-undang ini. Undang-undang ini bukan untuk selesaikan semua masalah. Undang-undang ini untuk menyelesaikan dua masalah yang secara khusus. Satu ialah lambakan. Definisi lambakan ada sangat khusus. Definisi lambakan ialah bahawa produk ini dikeluarkan di sebuah negara lain, kalau dia jual lebih mahal di negara sendiri dan dia jual lebih murah di sini, itu adalah kira lambakan, kalau ada bukti. Dan, siasatan perlu diambil melalui undang-undang ini.

Kedua ialah produk ataupun import yang diberikan subsidi yang tidak adil oleh negara pengeluar. Itu juga adalah di bawah bidang kuasa undang-undang ini supaya kalau ditunjukkan bahawa, dibuktikan bahawa produk yang dikeluarkan dari satu negara, dia dapat subsidi yang tidak adil oleh kerajaannya dan dia jual lebih murah di sini ataupun dia jual di sini dengan subsidi yang diberikan dan dia mengakibatkan atau memudaratkan syarikat-syarikat atau pengeluar di sini, itu adalah dua masalah atau dua kuasa yang diberikan di bawah undang-undang ini supaya siasatan dibuat dan tindakan boleh dilaksanakan. Yang penting ialah sebelum ini kita tak — kita memang sudah ada undang-undang tetapi tidak mencukupi.

Bolehkah kita ambil tindakan terhadap semua yang telah disebut tadi? Sebenarnya ada yang bukan di bawah bidang kuasa undang-undang ini, tapi soalan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat, izin saya celah sikit saja...

Tuan Liew Chin Tong: Ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: ...Sebab penting sangat nak tahu. Yang Berhormat Menteri, kita pengeluar kereta, tetapi kita kontrol duti import kereta dan lain-lain untuk menjaga kereta produk kita di pasaran kita.

■1240

Yang sekarang ini macam mana dengan produk luar yang datang dan melumpuhkan produk kita? Saya rasa itu tak termasuk ke dalam perbincangan kita. Persoalan. Itu sahaja.

Tuan Liew Chin Tong: Okey. Saya jelas sikit tentang tadi ada sebut tentang e-platform dan semuanya. Memang ada yang di bawah bidang kuasa yang lain tetapi apa yang di bawah bidang kuasa undang-undang ini ialah untuk mempertahankan pengeluar kita. Kalau satu produk yang dari negara lain, negara A kah, negara B, dia datang dia jual di sini, tetapi kita tidak ada pengeluar sedia ada. Tidak ada *practitioner* maka dia tidak di bawah bidang kuasa ini.

Memang sekarang ini ada keadaan di mana pedagang (*traders*) kita sebelum ini dia berdagang, dia import dari satu negara dan dia sebagai pemborong di sini, sekarang ini mungkin dia menghadapi persaingan dari e-platform ataupun dari pedagang luar negeri. Itu di bawah bidang kuasa KPDN. Memang kerajaan perlu mengambil tindakan, tetapi itu bukan di bawah bidang kuasa ini.

Namun demikian apa yang telah disebut tadi saya setuju. Memang sentimen dan juga keadaan yang kita telah menyaksikan dan saya akan sampaikan kepada rakan-rakan dalam kerajaan di mana kita mesti mengambil tindakan yang lebih serius untuk memastikan di bawah undang-undang ini pengeluar kita tidak dijejaskan, tetapi juga mungkin pedagang kita juga perlu dipelihara atau dipertahankan.

Ada Senator Tuan Hussin Ismail dan Senator Dato' Wu Him Ven membawa isu lambakan barangan murah melalui platform e-dagang. Isu lambakan barangan murah melalui platform-platform e-dagang sememangnya menjadi kebimbangan kerana ia boleh terus sampai ke pengguna tanpa melalui kawalan cukai atau kuota import.

Namun demikian ingin saya jelaskan bahawa rang undang-undang ini tidak merangkumi aspek tersebut seperti apa yang saya kata tadi. Sebaliknya tertumpu kepada isu lambakan dalam perdagangan konvensional iaitu apabila barangan diimport secara besar-besaran dan dijual pada harga lebih rendah daripada nilai pasaran sehingga menjejaskan industri tempatan.

Bagi lambakan melalui e-dagang pula, kawalan dan penguatkuasaan dilaksanakan melalui dasar percukaian serta kerjasama agensi berkaitan seperti Kastam Diraja Malaysia, KPDN dan juga Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim dan juga Senator Dato' Wu Him Ven bertanya berkenaan dengan penilaian kepentingan awam dan kos siasatan. Tuan Yang di-Pertua, MITI telah melancarkan Sistem Pengurusan Siasatan Remedi Perdagangan (TRIMA) bagi memudah cara proses pengemukaan petisyen bagi pengeluar-pengeluar tempatan terutamanya PKS.

Dalam melaksanakan siasatan duti anti-lambakan dan timbal balas, kerajaan tidak mengenakan sebarang kos atau caj terhadap industri tempatan. Ia nya merupakan satu bentuk perkhidmatan kepada pihak berkepentingan di mana industri tempatan hanya perlu mengisi borang soal selidik dengan memberikan maklumat berkenaan operasi mereka serta bukti dakwaan lambakan atau import bersubsidi secara digital melalui sistem TRIMA yang dikendalikan oleh MITI.

Ini dilaksanakan oleh kerajaan demi kelangsungan industri tempatan. Kerajaan menyediakan khidmat nasihat teknikal dan bimbingan bagi membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana termasuk industri hiliran, meningkatkan pemahaman berkaitan langkah-langkah anti-lambakan dan timbal balas.

Perkhidmatan kerajaan dari segi melaksanakan tindakan-tindakan amalan perdagangan adalah bagi semua pengeluar tempatan dari pelbagai sektor tidak terhad kepada sektor besi dan keluli walaupun kebanyakan kes di bawah sektor besi dan keluli.

Untuk maklumat Yang Berhormat sebelum ini terdapat tindakan-tindakan anti-lambakan yang telah diambil terhadap lambakan produk kimia, seramik, kertas serta plastik atau resin. Bagi kepentingan awam, kerajaan menilai impak tindakan terhadap kelangsungan industri tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada barang import harga pengguna bekalan barangan, kesan kepada industri hiliran, inflasi dan peluang pekerja.

Duti anti-lambakan tidak akan dikenakan walaupun terdapat bukti lambakan atau subsidi sekiranya ia mendatangkan impak yang lebih mudarat kepada rakyat secara keseluruhan.

Sekian terima kasih kepada Yang di-Pertua. Saya cuba kalau ada apa yang kami boleh bantu seperti memberi taklimat kepada pengusaha-pengusaha di Sarawak, pihak kami pihak MITI akan memberi bantuan ataupun taklimat. Terima kasih, Yang di-Pertua.

Tuan Pele Peter Tingom: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Pele Peter Tinggom **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 21** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Tuan Adam Adli Abd Halim) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Pele Peter Tinggom: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

12.49 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

*Pagi jogging di Datuk Keramat,
Langit cerah burung pun riang;
Berani bersuara wajib diselamat,
Pinda undang-undang lindungi pejuang.*

■1250

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya membentangkan Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 yang bertujuan meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*] untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pemberi maklumat membuat pendedahan kelakuan tidak wajar, melindungi orang yang membuat pendedahan daripada tindakan yang mendaruratkan dan memastikan supaya pendedahan tersebut disiasat dan diuruskan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan MADANI ini adalah juga selaras dengan obligasi Malaysia apabila telah menandatangani *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) pada 20 September 2008 yang menetapkan bahawa, dengan izin, *state party* mempunyai komitmen untuk mengadakan undang-undang bagi memberi perlindungan kepada pemberi maklumat dan tindakan sewajarnya supaya pendedahan tersebut disalurkan kepada pihak berkuasa iaitu Artikel 33 dan 37 UNCAC.

Cadangan pindaan dan penambahbaikan Akta 711 ini juga merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi tahun 2019 hingga 2023 yang diteruskan melalui pelaksanaan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional, *National Anti-Corruption Strategy* (NACS) 2024-2028, di mana cadangan pindaan Akta 711 dirangkumi di bawah Strategi 4 iaitu penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan MADANI komited dalam memperkukuhkan perlindungan kepada pemberi maklumat sebagai sebahagian daripada usaha memerangi rasuah dan meningkatkan integriti dalam sektor awam serta swasta. Namun, setelah lebih satu dekad berkuat kuasa, Akta 711 masih mempunyai kelemahan yang perlu ditambah baik bagi memastikan keberkesannya. Statistik menunjukkan bahawa dari tahun 2011 hingga 2023, sebanyak 74,614 aduan berkaitan kelakuan tidak wajar telah diterima dan disiasat, manakala 1,139 orang telah diiktiraf sebagai pemberi maklumat dan diberi perlindungan di bawah Akta 711.

Sebagai rujukan, beberapa negara telah melaksanakan mekanisme perlindungan pemberi maklumat yang lebih menyeluruh bagi memperkukuh keberkesanan pelaksanaannya.

Dari aspek penubuhan agensi penyelarasan dan pelindung pusat, kajian penandaarasan ke atas negara seperti Belanda dan Republik Korea menunjukkan bahawa kewujudan agensi khusus yang bertanggungjawab mengurus, menyelaraskan serta memantau aduan dan perlindungan pemberi maklumat adalah sejajar dengan saranan *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) serta resolusi UNCAC. Pendekatan ini membolehkan semua aduan serta proses perlindungan ditangani secara cekap, telus dan bebas daripada campur tangan pihak luar, seterusnya meningkatkan keyakinan awam terhadap keberkesanan sistem perlindungan tersebut.

Di samping itu, banyak negara maju telah mengambil pendekatan progresif dalam menangani isu sekatan kerahsiaan yang dikenakan terhadap pemberi maklumat. Sebagai contoh, United Kingdom melalui *Public Interest Disclosure Act 1998* membenarkan pekerja membuat pendedahan maklumat sulit atau bertakluk kepada kontrak kerahsiaan sekiranya pendedahan tersebut dibuat secara jujur dan berlandaskan kepentingan awam.

Di Australia pula, *Public Interest Disclosure Act 2013* turut membenarkan pendedahan maklumat yang dilindungi oleh sekatan rasmi dengan syarat pendedahan itu berhubung kait

dengan salah laku serius atau ancaman terhadap kepentingan awam serta dilakukan melalui saluran pelaporan yang sah. New Zealand pula, *Protected Disclosures (Protection of Whistleblowers) Act 2022* memberikan keutamaan kepada kepentingan awam berbanding sekatan dalaman berkaitan kerahsiaan sekali gus membenarkan pelaporan terus kepada pihak berkuasa jika berlaku kesalahan serius.

Penekanan antarabangsa ini jelas menggambarkan bahawa perlindungan terhadap pemberi maklumat mesti mengatasi sekatan kerahsiaan apabila wujud kepentingan awam yang signifikan selari dengan amalan terbaik global demi menggalakkan lebih ramai tampil membuat pendedahan tanpa rasa takut terhadap tindakan undang-undang.

Dari sudut mekanisme penarikan balik perlindungan pemberi maklumat, New Zealand membenarkan perlindungan ditarik balik sekiranya pendedahan dibuat dengan niat jahat atau melibatkan maklumat palsu. Jepun pula menetapkan bahawa perlindungan boleh dibatalkan jika pendedahan dilakukan untuk mendapatkan keuntungan peribadi atau bertujuan merosakkan pihak lain.

Bagaimanapun, amalan di Kanada dan New Zealand juga memberi ruang budi bicara kepada agensi berkuasa untuk mengekalkan perlindungan jika maklumat yang didedahkan memberi manfaat besar kepada kepentingan awam. Pendedahan ini jelas menekankan bahawa penilaian utama perlulah dibuat terhadap kualiti dan ketetapan maklumat yang dilaporkan, bukan sekadar motif peribadi pemberi maklumat semata-mata.

Selain itu, negara seperti Ghana, Uganda dan Vietnam menyediakan perlindungan fizikal kepada pemberi maklumat termasuk peluang menyertai program perlindungan saksi sekiranya mereka atau keluarga mereka terdedah kepada ancaman keselamatan selepas membuat pendedahan. Mekanisme ini dapat menggalakkan pemberi maklumat untuk tampil dengan lebih yakin dan selamat tanpa perlu risau terhadap ancaman fizikal atau keselamatan diri.

Berdasarkan amalan-amalan terbaik global ini, Malaysia perlu mengambil langkah progresif dan menyeluruh untuk memperkukuh sistem perlindungan pemberi maklumat sekali gus mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif agar lebih ramai individu berani tampil melaporkan salah laku demi kepentingan negara dan masyarakat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 22 Julai 2025 mempunyai enam fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam naskhah biru, dengan izin, *the blue bill* yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini. Perincian dan penjelasan mengenai fasal-fasal ini di bawah rang undang-undang ini adalah juga sebagaimana yang dinyatakan dalam naskhah biru tersebut.

Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan tarikh kuat kuasa akta.

Fasal 2 meminda seksyen 2 Akta 711 dengan memasukkan tafsiran baru bagi Menteri yang merujuk kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan bagi Akta 711 ini.

Fasal 3 pula bertujuan menubuhkan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat dengan Pengerusi dan anggotanya dilantik oleh Menteri.

■1300

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat yang akan berperanan menyelia pelaksanaan Akta 711 melalui pemantauan yang lebih sistematik terhadap perlindungan pemberi maklumat.

Selain itu, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memperoleh dan menyelaraskan statistik serta data berkaitan pendedahan dan aduan yang diterima oleh agensi penguatkuasaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Akta 711 dapat dipantau secara berterusan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, segala statistik, data atau maklumat yang dikemukakan kepada jawatankuasa tidak boleh merangkumi sebarang maklumat sulit yang dilindungi di bawah seksyen 8, Akta 711 bagi memastikan tiada sebarang isu kebocoran maklumat.

Ini secara langsung memberi jaminan bahawa identiti pemberi maklumat kekal dilindungi seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6, Akta 711 sekali gus memastikan keyakinan masyarakat terhadap sistem perlindungan pemberi maklumat terus terpelihara.

Dengan adanya jawatankuasa ini, terdapat satu entiti yang lebih berfokus untuk menilai keberkesanan Akta 711 melalui data dan statistik yang diperolehi, membolehkan analisis yang lebih terperinci dilakukan terhadap trend pendedahan kelakuan tidak wajar, tahap perlindungan yang diberikan, serta sebarang kelemahan dalam pelaksanaan Akta 711 yang perlu ditambah baik. Ini dapat memastikan Akta 711 kekal relevan, responsif dan mampu memberikan perlindungan yang lebih baik kepada pemberi maklumat secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memperkukuhkan keyakinan pemberi maklumat, fasal 4 pula mencadangkan pemotongan proviso dalam Seksyen 6(1), Akta 711.

Sebelum ini, pemotongan proviso dalam seksyen 6(1), sekiranya seorang itu membuat pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar tetapi dalam masa yang sama melanggar mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain seperti Akta Rahsia Rasmi [Akta 88], individu tersebut tidak boleh diiktiraf sebagai pemberi maklumat yang layak mendapat perlindungan di bawah Seksyen 7, Akta 711.

Namun, selepas pindaan ini berkuat kuasa, sesiapa sahaja memberi aduan dan pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan sebagaimana

yang ditakrifkan sebagai pemberi maklumat di bawah seksyen 2, akan dapat diiktiraf sebagai pemberi maklumat yang sah dan layak menerima perlindungan.

Perlindungan ini diberikan selagi pendedahan tersebut dibuat dengan niat yang baik, berdasarkan kepercayaan munasabah tentang wujudnya kelakuan tidak wajar, seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 6, Akta 711 dan tidak termasuk dalam mana-mana pengecualian di bawah seksyen 11 seperti pendedahan palsu, remeh, menyusahkan atau bersifat jahat.

Dalam konteks ini, pendedahan yang perlu diberikan kepada agensi penguatkuasaan oleh pemberi maklumat hanya berkaitan dengan kelakuan tidak wajar yang berkenaan. Takrifan kelakuan tidak wajar telah diperuntukkan di bawah seksyen 2, Akta 711 yang hanya meliputi tindakan atau kelakuan yang, jika terbukti, merupakan satu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, penting juga saya tekankan di sini, undang-undang tidak seharusnya wujud mana-mana peruntukan undang-undang yang melindungi atau menyokong tindakan yang salah seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Prinsip ini amat penting dalam memastikan sebarang kelakuan tidak wajar yang berlaku dalam sektor awam mahupun swasta boleh didedahkan, selagi mana pendedahan itu dibuat secara bertanggungjawab mengikut syarat-syarat yang telah diperuntukkan di bawah Akta 711.

Sebagai contoh, seorang pegawai kerajaan mendapati berlaku penyelewengan dana awam di jabatan tempat beliau bertugas. Pegawai tersebut dengan kepercayaan yang munasabah bahawa berlaku kesalahan jenayah, membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sebelum ini, beliau mungkin tidak mendapat perlindungan jika pendedahan itu turut melibatkan maklumat sulit jabatan yang tertakluk kepada undang-undang kerahsiaan. Namun selepas pindaan ini, pendedahan seperti ini tetap sah dan beliau layak dilindungi di bawah Akta 711 selagi beliau bertindak dengan niat baik, jujur dan tidak berniat jahat.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini memberi jaminan perlindungan yang lebih jelas, kukuh dan tegas kepada pemberi maklumat. Ia memberi keyakinan kepada mereka untuk tampil melaporkan kelakuan tidak wajar tanpa rasa takut dihalang oleh undang-undang lain, selagi mana syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta 711 dipatuhi sepenuhnya.

Sekali lagi saya tegaskan, tiada undang-undang yang menyokong atau melindungi sebarang kelakuan tidak wajar dan tiada undang-undang secara khusus mengehadkan atau menghalang pendedahan kelakuan tidak wajar. Justeru, pindaan ini amat penting dalam

usaha berterusan Kerajaan MADANI untuk memperkukuhkan ketelusan dan integriti dalam perkhidmatan awam serta sektor swasta di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, fasal 5 pula meminda seksyen 7(3) untuk memperuntukkan perlindungan fizikal kepada pemberi maklumat melalui Program Perlindungan Saksi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696]. Ini memastikan bahawa pemberi maklumat yang menghadapi ancaman keselamatan diberikan pilihan untuk dilindungi secara langsung, terutamanya dalam kes yang melibatkan individu berprofil tinggi atau organisasi yang berpengaruh.

Walau bagaimanapun, Akta 711 seperti mana sedia ada masih membolehkan perlindungan diberikan melalui peruntukan di bawah undang-undang lain, termasuk Akta 696. Pindaan ini adalah langkah-langkah penting untuk memperkukuh Akta 711 dengan memperjelas dan mengiktiraf secara khusus perlindungan fizikal sebagai hak pemberi maklumat.

Perlindungan fizikal berkait rapat dalam keselamatan dan kesejahteraan pemberi maklumat kerana tanpa jaminan keselamatan yang jelas, ramai yang mungkin berasa takut untuk tampil mendedahkan kesalahan atau salah laku yang melibatkan pihak berkuasa atau individu yang berpengaruh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memperincikan peruntukan di dalam Akta 711, ia akan menghapuskan sebarang kekeliruan atau ketidakjelasan mengenai hak perlindungan fizikal yang boleh diberikan, sekali gus meningkatkan keyakinan pemberi maklumat untuk tampil ke hadapan tanpa rasa takut terhadap ancaman fizikal, ugutan atau tindakan balas.

Langkah ini juga meningkatkan keberkesanan Akta 711 secara keseluruhan kerana ia memberikan jaminan perlindungan menyeluruh, bukan sahaja dari segi undang-undang, tetapi juga keselamatan peribadi pemberi maklumat-pemberi maklumat. Dengan adanya perlindungan yang jelas, kes-kes berprofil tinggi yang sebelum ini sukar dibongkar kerana kebimbangan terhadap keselamatan individu kini boleh didedahkan dengan lebih berani dan terbuka, sekali gus memperkukuh usaha membanteras rasuah dan salah guna kuasa di semua peringkat.

■1310

Seterusnya, fasal 6 bertujuan memastikan subseksyen 11(1A) baharu selepas seksyen 11(1) untuk memberi agensi penguatkuasaan kuasa untuk mengekalkan perlindungan kepada pemberi maklumat berhubung dengan sebab di bawah perenggan 11(1)(a) Akta 711. Ini membolehkan agensi penguatkuasaan menggunakan budi bicaranya dalam memastikan perlindungan berterusan kepada pemberi maklumat apabila keadaan memerlukan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah hasil daripada sesi libat urus lanjut yang komprehensif bersama Jawatankuasa Pilihan

Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Dewan Rakyat, Ahli-ahli Parlimen dan badan-badan bukan kerajaan iaitu dengan izin, *civil society and non-governmental organizations*.

Pindaan ini adalah bertujuan untuk memberikan agensi-agensi penguatkuasaan budi bicara yang lebih luas dalam mengekalkan perlindungan bagi seorang pemberi maklumat — yang lebih luas dan mengekalkan perlindungan bagi seseorang pemberi maklumat yang lebih terlibat dalam kelakuan tidak wajar yang didedahkan. Mengambil kira fakta dan keadaan setiap suatu kes yang berbeza terutamanya sekiranya pendedahan tersebut membawa manfaat besar kepada kepentingan awam.

Selain itu, pendedahan ini adalah selaras dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa iaitu di mana sekiranya sesuatu pendedahan kelakuan tidak wajar dilakukan oleh pemberi maklumat berdasarkan dengan izin, *good faith* dan *reasonable grounds* maka perlindungan pemberi maklumat patut dikekalkan.

Datuk Yang di-Pertua, apabila rakyat tidak lagi takut untuk mendedahkan salah laku, lebih banyak kes rasuah dan pelanggaran tata tertib dapat dibongkar. Ini merupakan langkah pertama dalam mereformasi sistem bagi membanteras jenayah, jenayah rasuah secara lebih berkesan. Memastikan tiada sesiapa yang kebal daripada tindakan undang-undang dan memperkukuh integriti dalam pentadbiran negara.

Adalah besar pengharapan Kerajaan MADANI bahawa dengan pindaan ini mekanisme perlindungan pemberi maklumat di negara ini dapat terus diperkukuh selaras dengan prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan pentadbiran awam.

Datuk Yang di-Pertua, pindaan ini merupakan langkah ke hadapan dalam memperkukuhkan perlindungan kepada pemberi maklumat serta menyokong usaha kerajaan dalam memerangi rasuah dan meningkatkan integriti dalam pentadbiran. Dengan adanya pindaan ini, lebih ramai pemberi maklumat boleh tampil ke hadapan. Oleh itu, saya menyeru sokongan semua Ahli Dewan Negara agar rang undang-undang ini dapat diluluskan demi memastikan Malaysia terus komited dalam memperkukuhkan integriti, memerangi rasuah dan melindungi pemberi maklumat yang bertindak demi kepentingan negara.

Secara keseluruhan Datuk Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan rang undang-undang ini bukan sekadar untuk memperkukuh undang-undang sedia ada, tetapi juga untuk melindungi pemberi maklumat dan sebagainya. Langkah-langkah ini bukan sahaja akan memperkukuh sistem perundangan negara tetapi juga memastikan bahawa negara Malaysia berada dalam landasan yang lebih teguh dalam memperjuangkan prinsip keadilan, ketelusan dan akauntabiliti.

Dengan meluaskan pindaan ini, kita menunjukkan komitmen bersama untuk melindungi mereka yang berani menegakkan kebenaran, sekali gus membina sebuah negara

yang lebih berintegriti dan berdaya tahan terhadap sebarang bentuk salah guna rasuah — kuasa dan rasuah. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pele Peter Tinggom: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Adam Adli Abd Halim]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Pele Peter Tinggom: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 10 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang. Dengan segala hormatnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

1.15 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya tadi saya dikatakan ucap berapi tetapi saya rasa, harap tidak salah sebab ini perbahasan, bukan perbincangan, okey. Saya terus pergi kepada isu perbahasan yang kita nak sama-sama bincangkan ini tentang isu *whistleblower* ataupun pemberi maklumat.

Tuan-tuan, saya ingin bawa satu hadis, satu firman Allah SWT dalam *Suratul Baqarah*, ayat 283. "*Jangan kamu menyembunyikan kesaksian, dan siapa yang menyembunyikannya maka sesungguhnya hatinya berdosa.*" Dan ada lagi dalam ayat yang seterusnya dia menyebutkan tentang siapa yang diminta untuk dipanggil menjadi saksi, dia tak datang, itu satu kesalahan. Itu dari segi hukum agama.

Tuan-tuan, *whistleblower* adalah sumber saksi awal sebab daripadanyalah bermulanya maklumat terawal dan kemudiannya dia dibawa untuk didakwakan dan dibawa ke mahkamah untuk diputuskan. Jadi, oleh kerana itu, saya harap supaya akta ini diteliti dengan lebih, lebih, lebih tepat supaya jangan sampai orang yang memberi maklumat itu dia berlepas diri dan dia dilindungi dengan perlepasan diri dia itu.

Saya ingin berkongsi sedikit Yang Berhormat Yang di-Pertua, bila kami pergi ke Hong Kong dalam meninjau pelaksanaan Ombudsman Hong Kong. Apa yang berlaku di Hong Kong, orang yang menjadi *whistleblower* dan kemudiannya orang yang membuat pendakwaan bukan sekadar dilindungi. Yang mendakwa ini ialah orang yang terawal dulu disiasat sebab kemungkinan besar ada sebab mereka mendakwa.

Antara sebabnya kerana dia tak puas hati. Yang keduanya, kerana dia dengki dan kerana banyak kes yang lain. Sebabnya, mungkin dulu dia pernah dapat tender, sekarang dia tak dapat tender. Maka orang yang mendapat tender menjadi, menjadi *competitor* dia dan ini satu laluan. Walhal dia dah mungkin dapat berapa lama dah dulu. Bila ini berlaku, di Hong

Kong dalam sistem Ombudsman Hong Kong, *whistleblower* ataupun pendakwa ini disiasat rapi dan kemudiannya dipastikan bahawa fakta dia betul. Kalau fakta dia salah, dia dulu yang dia ambil tindakan, bukan sekadar dilindungi.

Jadi, sebab itu perkara ini saya fikir harus memberi — diberi satu perhatian yang serius. Jangan sampai orang memanfaatkan ruang *whistleblower* yang dilindungi akhirnya *whistleblower* ini bermaharajalela. Walaupun tadi Yang Berhormat Menteri menyebut, “*Kita memastikan hatinya baik.*” Siapa boleh menentukan hatinya baik? Hati ini kerja Allah. Jadi, kalau kita nak kata “*Saya cakap ni, saya nak beri maklumat ni, hati saya baik.*” Betul ke dia hati baik? Memang orang cakap hati mahu baik *ber* tetapi *ber, ber, ber*, baik *ber* itu siapa yang boleh buktikan?

Okey, saya pergi yang kedua. Ada setengah masa lagi. Saya nak sebut contohlah, contoh. Ini, ini kerja yang sangat besar. Fenomena yang besar dalam-dalam isu kita. Itu, dulu, berapa-berapa bulan yang lepas, tahun yang lepas, bila cerita GISB, GISBH. Global Ikhwan? *[Dicelah]* Ya. Tuduhan yang dia buat daripada punca mana? Apakah dia merupakan suatu yang terus dibuat siasatan oleh pihak tertentu yang berautoriti dalam kerajaan? Atau dia berpunca daripada *whistleblower* contohnya. Dan apa yang berlaku, bila dia didakwa, dakwaan yang sangat jijik.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Betul.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tak tahu. Betul tak betul tetapi apa yang saya nak sebut, jijiknya dakwaan. Di situ menjadi tempat — bukan saja tempat diliwat, anak-anak diliwat, anak-anak dia dah ajar meliwat. Apa ini, akidah tak tepat, tak betul. Banyak kes yang dihubungkan. Lantaran daripada itu, sebahagian besarnya dipenjarakan. Anak dan mak, anak, mak, ayah dipisahkan. Perniagaan disita. Apa lagi? Maruah paling runtuh. Ekonomi yang bernilai mungkin, mungkin bilion, hancur. *Business* berada di seluruh dunia, mati. Tiba-tiba beberapa hari yang lepas, mahkamah saya difahamkan — betulkan saya kalau saya tersilap, mahkamah di sebuah negeri menyebutkan, dia dibebaskan.

■1320

Apa kesan kepada individu? Apa kesan kepada anak-anak? Apa kesan kepada perniagaan? Apa kesan kepada kelompok yang besar ini? Maruah tercalar, bukan tercalar saja, punah ranah. Berapa harga yang kita nak bayar?

Lepas itu, kalau tadi yang mendakwa, yang merosakkan imej, kalau berpunca daripada *whistleblower*, yang memulakan maklumat, apa harga yang dia patutnya kena bayar? Berapa banyak, berapa taubat perlu dibuat dalam pemusnahan besar yang berlaku? Sebab itu saya nak minta supaya teliti betul-betul, supaya *whistleblower* diberikan — boleh, sebab dalam Islam ini ada. Dalam surah yang selanjutnya menyebut bahawa orang yang apabila ada sesuatu benda yang membabitkan *masalah* besar, setengah minit. *Maslahah* besar, kena ke depan. Sebab itu kepentingan umum tetapi dalam kebebasan...

Tuan Manolan bin Mohamad: Boleh mencelah, YB?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh, minta tambah sebab masa.

Tuan Manolan bin Mohamad: Boleh? Satu minit saja.

Tuan Pele Peter Tinggom: Satu minit saja.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Okey.

Tuan Manolan bin Mohamad: Satu minit saja. Tak, saya dengar dengan *whistleblower* tadi, ramai orang tak berani ke depan sebab kadang kalau dia buat laporan, dia kena panggil turun naik mahkamah. Tapi YB setuju tak kalau *whistleblower* ini kita bagi dia penghargaan, *reward* supaya orang lebih ramai lagi, kalau kes tu betul. Setuju tak, YB? Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya pernah timbulkan ini dalam JKPK TIA dan salah seorang daripada yang datang itu memberitahu, kalau kita tak lindungi, nanti tak ada maklumatlah kita, kosong. Pendakwaan tak boleh dibuat. Saya kata, kalau tak ada pendakwaan, kosong. *Alhamdulillah*, bebaslah kita daripada mahkamah, daripada isu.

Jadi, jawapan daripada Yang Berhormat, saya setuju. Kalau boleh, betul *whistleblower* ini, pastikan dia sahih. Berikan dia *reward*, kalau dia betul-betul membuat satu pendedahan yang betul tapi jangan sampai kadang-kadang bukan sekadar *whistleblower*, dalam masyarakat kita mutakhir ini, yang dituduh sudah berlaku, maruah sudah sangat tercalar, keluarga juga rosak tapi *ending*-nya tak ada pun diambil tindakan.

Jadi, setengah minit itu, saya tak sempat nak habis Yang Berhormat. Tapi tak sempat nak sempurnakan tapi saya harap, apa maksud hati yang saya sebutkan ini, supaya tegakkanlah keadilan sebab keadilan itu lebih tepat dan lebih dekat kepada takwa. Manfaatkan *whistleblower* itu, supaya *whistleblower* itu adalah suara sebenar orang yang melihat kesalahan-kesalahan dan dia membuktikannya dengan betul.

Contoh dalam Islam ini, pendakwaan zina. *It is not simply you* nak kata kamu — orang ini sudah berzina. Dalam Islam menghendakkan empat orang saksi supaya dilihat perlakuan zina itu seperti, minta maaf, bahasa dalam undang-undang Islam, seperti kamu melihat pedang keluar daripada sarungnya. Bukan mudah sebab persaksian dan juga pendedahan maklumat adalah merupakan satu pertanggungjawaban amanah, bukan di dunia tapi kepada Allah SWT, membabitkan syurga dan neraka. Mohon supaya teliti betul-betul supaya kuat kuasa *whistleblower* baik tetapi dikawal dengan tepat dan tidak disalahgunakan semudahnya. Terima kasih, *assalamualaikum*.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin. Saya bermaksud baik bila saya cakap berapi-api Yang Berhormat Senator, di mana suara Yang Berhormat Senator ini lantang dan bernas. Kita di Dewan pun, Ahli-ahli Dewan pun tak ngantuk, Yang Berhormat Senator. Okey.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang.

1.23 tgh.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahas Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025. RUU ini merupakan komitmen Kerajaan MADANI untuk memperkukuhkan integriti, membanteras rasuah dan melindungi mereka yang berani untuk tampil kebenaran dengan melaporkan salah laku sesuatu organisasi.

Pindaan yang dibawa membawa lonjakan penting dengan menghapuskan proviso seksyen 6(1) yang sebelum ini menjadi penghalang utama kepada keberkesanan akta. Dengan pemansuhan ini, pemberi maklumat kini boleh dilindungi. Walaupun pendedahan yang dibuat mengandungi maklumat yang diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi iaitu OSA. Ini adalah perubahan yang sangat berani dan progresif. Selain itu, RUU ini juga mewujudkan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat dan membolehkan perlindungan diperluas melalui Akta Perlindungan Saksi 2009. Jelas sekali, RUU ini adalah satu langkah yang berkesan untuk membina persekitaran yang lebih selamat bagi siapa yang ingin mendedah salah laku.

Tuan Yang di-Pertua, inti pati RUU ini antaranya, saya ingin sentuh mengenai perluasan perlindungan melalui Akta Perlindungan Saksi 2009. Pindaan ini membenarkan perluasan perlindungan kepada pemberi maklumat yang menghadapi ancaman keselamatan selepas membuat pendedahan. Saya ingin tahu, sejauh mana perlindungan ini boleh dilaksanakan melalui Program Perlindungan Saksi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009? Sejauh mana perlindungan dari segi kewangan dan pemeliharaan fizikal diberi kepada pemberi maklumat yang kita boleh berikan? Adakah sudah ditetapkan tempoh perlindungan yang diberi kepada pemberi maklumat sekiranya kes di mahkamah berlanjutan beberapa tahun dan adakah sepanjang itu perlindungan diberi?

Selain dari itu, adakah RUU ini memperuntukkan perlindungan yang jelas? Pemberi maklumat masih perlu mendedahkan identiti mereka dan ini akan terus menjadi penghalang utama kerana ketakutan terhadap tindak balas oleh pihak yang dilaporkan melalui kesalahan. Adakah perlindungan yang ditawarkan masih di laksana secara menyeluruh? Ini kerana isu-isu praktikal seperti sokongan kewangan atau psikologi tidak disentuh, malah perkara ini sangat diperlukan oleh pemberi maklumat yang menghadapi tekanan hebat.

Saya juga ingin bertanya, adakah kerajaan perlu mewujudkan saluran pelaporan yang benar-benar *credible* dan selamat? Adakah kementerian juga perlu menggariskan peruntukan

untuk menyediakan sokongan holistik dan khidmat kaunseling bagi membantu pemberi maklumat menghadapi cabaran yang tidak dapat dielakkan? Pada pandangan saya, kita perlu mewujudkan satu mekanisme pelapor sehati yang mudah diakses dan mempunyai kerangka masa yang jelas bagi setiap tindakan atau setiap kes yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, RUU Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 adalah asas permulaan yang kukuh untuk memupuk budaya ketelusan dan kebertanggungjawaban di negara kita. Ini adalah bukti bahawa kita serius dalam melindungi mereka yang memilih jalan yang benar. Kejayaan jangka panjang RUU ini bergantung pada keberkesanan pelaksanaannya dan kesediaan kita untuk terus memperbaikinya. Ini adalah RUU dan ia akan menjamin masa depan negara yang lebih telus dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya pohon sedikit masa lagi. Ini kerana Mesyuarat ini merupakan Mesyuarat terakhir saya bagi penggal pertama saya sebagai Ahli Dewan Negara. Ini kerana penggal saya yang akan berakhir pada 25 September bulan ini, saya mohon sedikit masa...

Tuan Pele Peter Tinggom: Boleh, boleh.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Secara peribadi, saya tidak menyangka bahawa saya terpilih untuk bersama-sama dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di dalam Dewan yang mulia ini. Saya amat berbangga dan teruja kerana dapat berbahas, memberi pandangan dan cadangan kepada kerajaan yang secara langsung dan tidak langsung adalah penting untuk pembangunan negara.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed dan serta rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Senator sekalian kerana membantu saya, memberi tunjuk ajar dan panduan semasa saya menjalankan tugas dan tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tidak lupa juga terima kasih saya kepada Setiausaha Dewan Negara, Yang Berbahagia Tuan Muhd Sujairi Abdullah, Bahagian Pengurusan Dewan Negara, barisan Bentara Parlimen yang dikasihi dan seluruh warga Parlimen di atas budi dan jasa, membantu saya selama saya menjadi Senator Dewan Negara. Sebelum saya berundur, izinkan saya membaca serangkap, dua rangkap pantun.

*Bunga seroja di atas para,
Anak dusun pasang pelita;
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta.*

Di atas dahan burung tempua,

*Melihat rusa di tepi perigi;
Salam perpisahan untuk semua,
Lain masa bersua lagi.*

[Tepuk] Sekian, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat 2025. Terima kasih.

■1330

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang. Saya pun berharap Yang Berhormat Senator Dato' Ros akan bersama kita pada persidangan yang akan datang.

Okey, seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani. Dipersilakan.

1.30 tgh.

Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan RUU ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 711 iaitu Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 digubal sebagai satu instrumen penting bagi memastikan keberanian rakyat dalam menyalurkan maklumat mengenai salah laku, penyelewengan dan rasuah, mendapat perlindungan sewajarnya.

Rasional utama akta ini adalah untuk melindungi identiti serta keselamatan pemberi maklumat agar mereka tidak terdedah kepada ugutan, diskriminasi atau tindakan balas. Pada masa yang sama, akta ini berfungsi sebagai mekanisme berkesan dalam membanteras rasuah. Namun begitu, setelah lebih 10 tahun dilaksanakan, Akta 711 masih berdepan beberapa kelompongan yang memerlukan kepada pindaan untuk penambahbaikan.

Justeru, saya menyambut baik terhadap pindaan yang dilakukan ini. Antaranya, yang pertama, memasukkan tafsiran Menteri dalam seksyen 2 yang berkait dengan penubuhan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat dalam peruntukan baharu seksyen 5A. Ia merupakan satu langkah reformasi penting dengan mewujudkan badan khusus memantau pelaksanaan perlindungan yang akan menjadi mekanisme semak dan imbang antara agensi supaya setiap kes pemberi maklumat akan dilayan dengan segera dan adil.

Namun, keberkesanan jawatankuasa khas ini bergantung kepada komposisi ahli. Adakah ia nya bebas, profesional dan mewakili berbagai kepentingan? Oleh itu, laporan tahunan kepada Parlimen adalah satu jalan yang baik bagi memperkukuhkan ketelusan dan kawalan semak dan imbang.

Yang kedua, Bahagian III Akta 711 adalah berkenaan perlindungan pemberi maklumat. Namun, mereka tidak dilindungi jika pendedahan yang dibuat dilarang secara

khusus oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain seperti Akta Rahsia Rasmi atau Akta Perbankan seperti BAFIA dan lain-lain. Dengan pindaan terhadap seksyen 6 subseksyen (1), proviso sedia ada akan dipotong. Ia akan memberi perlindungan yang lebih luas kepada pemberi maklumat dan mereka akan dilindungi walaupun maklumat itu menyentuh dokumen sulit atau akta lain selagi laporan dibuat dengan niat baik ataupun *good faith*.

Namun, dengan ketiadaan proviso ini, individu boleh menggunakan alasan sebagai pemberi maklumat untuk mendedahkan maklumat sulit demi kepentingan politik ataupun peribadi. Isu niat baik pula sukar ditentukan sama ada pendedahan dibuat benar-benar untuk kepentingan awam atau ada agenda tersembunyi. Dalam hal ini, dicadangkan jawatankuasa khas di bawah seksyen 5A tadi dapat menilai kesahihan laporan dengan SOP dan garis panduan jelas untuk mengelakkan penyalahgunaan ini.

Yang ketiga, perlindungan pemberi maklumat agak terhad, hanya melibatkan kerahsiaan identiti, kekebalan daripada tindakan sivil ataupun jenayah tertentu. Tiada perlindungan fizikal jika keselamatan terancam. Selepas pindaan seksyen 7 subseksyen (3), ia memperluaskan lagi perlindungan jika nyawa dan keselamatan terancam dengan membolehkan pemberi maklumat turut menikmati perlindungan di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 ataupun Akta 696, antaranya, ia termasuk merahsiakan identiti, perlindungan fizikal ataupun penempatan semula, prosiding tertutup jika perlu, serta kerahsiaan dokumen. Cuma, cabaran sekarang ialah pelaksanaannya. Adakah agensi penguatkuasaan benar-benar menggunakan peruntukan ini dengan cepat dan berkesan apabila pemberi maklumat terancam?

Yang keempat, pindaan kepada seksyen 11 subseksyen (1)(a) dengan menambah perkataan “dengan sengaja” selepas perkataan “pemberi maklumat itu sendiri” adalah langkah baik kerana ia melindungi pemberi maklumat yang bertindak secara jujur walaupun maklumat yang diberi tidak 100 peratus tepat. Namun, terdapat kelemahan apabila isunya itu sukar dibuktikan dan berpotensi membuka ruang manipulasi.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya takrifan “dengan sengaja” diberikan secara jelas dalam akta, diwujudkan tahap kesalahan yang berbeza antara sengaja dan kecuaiian serta satu mekanisme panel bebas yang boleh menyemak laporan sebelum dikategorikan sebagai palsu. Yang penting, prinsip perlindungan kepada pemberi maklumat yang bertindak atas niat baik mesti dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan pindaan ini, keyakinan rakyat untuk tampil melaporkan salah laku dapat dipertingkatkan, seterusnya menyumbang kepada usaha negara membina pentadbiran yang bersih, berintegriti dan bebas daripada budaya korupsi. Saya dengan ingin menyokong.

*[Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Tiew Way Keng untuk membahaskan RUU ini.

1.36 tgh.

Puan Tiew Way Keng: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk membahaskan pada sesi ini mengenai Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025.

Saya menyokong penuh hasrat kerajaan memperkukuhkan perlindungan terhadap pemberi maklumat kerana mereka adalah barisan hadapan dalam menentang rasuah dan salah guna kuasa. Pindaan di peringkat jawatankuasa ini amat signifikan kerana ia memperhalusi beberapa aspek kritikal. Antaranya ialah memperluaskan definisi pemberi maklumat meliputi pekerja sektor swasta, kontraktor, pembekal dan pihak ketiga, dan menubuhkan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat serta memberi perlindungan jelas daripada tindakan balas dendam oleh majikan.

Dato' Yang di-Pertua, pada 8 September 2025, bekas Ketua Keselamatan *WhatsApp* iaitu Attaullah Baig telah mengambil tindakan mahkamah di US terhadap Meta atas masalah kebocoran maklumat pemegang-pemegang akaun *WhatsApp*, di mana mengikut dakwaannya, lebih kurang 1,500 pekerja-pekerja Meta diberi akses terhadap pemegang-pemegang akaun *WhatsApp*.

Saya menyambut baik atas pindaan merujuk kepada fasal 3 dengan menggariskan peruntukan penubuhan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat. Soalan saya ialah sama ada Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat ini ada akses kepada kesemua mana-mana agensi kerajaan ataupun swasta yang meliputi data-data yang penting. Sekiranya akses ini diberikan, apakah langkah-langkah akan diambil supaya tidak berlakunya kebocoran data pemberi maklumat yang boleh membawa risiko keselamatan mereka yang terancam?

Dato' Yang di-Pertua, statistik menunjukkan betapa pentingnya perlindungan ini. Menurut Laporan *Transparency International 2025*, dengan izin, Malaysia berada di tangga 57 dalam Indeks Persepsi Rasuah sama seperti tahun 2024. Namun, ramai masih takut tampil kerana bimbang keselamatan diri, kedudukan kerja dan stigma masyarakat.

Justeru, saya menyambut baik fasal 4 iaitu dengan memotong proviso di bawah seksyen 6(1) Akta 711 iaitu dengan memotong proviso syarat bahawa pendedahan sedemikian tidak dilarang secara khusus oleh mana-mana undang-undang bertulis, yang mana pemberi maklumat boleh mendedahkan maklumat tanpa terikat kepada mana-mana larangan undang-undang bertulis yang lain.

Kita tidak boleh juga lupa kes-kes besar seperti kes 1MDB yang hanya terbongkar kerana keberanian pemberi maklumat. Begitu juga dengan kes kartel projek kerajaan bernilai

RM3.8 bilion yang dibongkar oleh SPRM pada tahun 2021 yang turut mendapat maklumat awal daripada pihak dalam. Jika tidak ada orang berani melapor, kerugian negara mungkin jauh lebih besar.

Saya ingin merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan pada 16 Jun 2025 yang mengarahkan Public Bank untuk membayar RM90 juta kepada *National Feedlot Corporation* (NFCorp) akibat daripada pendedahan maklumat daripada bekas pekerjanya. Sekiranya insiden yang sama berlaku pada masa hadapan, adakah pemberi maklumat akan dilindungi di bawah akta ini?

Dalam konteks antarabangsa, *EU Whistleblower Directive* menetapkan setiap syarikat lebih 50 pekerja mesti ada mekanisme aduan dalaman yang selamat. Di negara Korea Selatan pula, pemberi maklumat kes rasuah diberi ganjaran kewangan sehingga 30 peratus daripada nilai yang dapat diselamatkan kerana membantu menjimatkan wang negara.

Malaysia tidak boleh ketinggalan. Kita mesti meletakkan pemberi maklumat sebagai wira integriti, bukan pengkhianat. Seorang pemberi maklumat memenangi pampasan lebih RM1 juta dalam kes #MeToo dalam hashtag yang melibatkan gangguan seksual kebelakangan ini.

Saya juga ingin meminta penjelasan pihak kerajaan dengan merujuk fasal 6 iaitu dengan menambahkan perkataan “dengan sengaja” di bawah perenggan 11(1)(a) Akta 711.

■1340

Bagaimanakah kita boleh membuktikan elemen ini sedangkan ada pemberi-pemberi maklumat berkemungkinan melibatkan diri khususnya dalam kes-kes yang melibatkan dakwaan rasuah dengan memberi rasuah seperti kes Albert Tei yang kini dikatakan tidak dilindungi di bawah Akta 711 bahkan telah didakwa di mahkamah. Saya menyokong cadangan pindaan ini malah ingin mencadangkan agar:

- (i) tribunal khas diwujudkan untuk rayuan pemberi maklumat yang mendakwa ditindas;
- (ii) ganjaran sewajarnya dipertimbangkan untuk pemberi maklumat yang membantu menyelamatkan wang negara; dan
- (iii) pendidikan kesedaran dilaksanakan secara meluas supaya rakyat yakin bahawa suara mereka dilindungi.

Akhirnya, izinkan saya menutup dengan serangkap pantun.

*Suara berani membawa cahaya,
Melawan rasuah tanpa gentar;
Pemberi maklumat wira negara,
Malaysia MADANI teguh dan segar.*

Dengan itu, saya menyokong pindaan rang undang-undang di peringkat jawatankuasa. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih, Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

1.41 tgh.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Saya singkat sahaja. Rang undang-undang ini memperkukuh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat dengan — iaitu memperluaskan skop perlindungan dan mekanisme pelaporan salah laku. Rang undang-undang ini pada pendapat saya mengemukakan tiga pindaan yang amat signifikan.

Yang pertama, pemansuhan proviso dalam seksyen 6(1). Pada masa sekarang, proviso tersebut melarang pendedahan dokumen, melarang dokumen — pendedahan maklumat yang dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis. Kita sedia maklum bahawa maklumat rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi dan maklumat yang diperolehi dalam melaksanakan tugas atau menjalankan fungsi adalah dilarang untuk didedahkan selaras dengan peruntukan seksyen 203A Kanun Keseksaan.

Jadi, pemansuhan proviso ini sekarang telah memansuhkan sekatan ke atas jenis maklumat yang boleh didedahkan oleh pemberi maklumat dan beliau boleh diberi perlindungan. Perlindungan telah melalui pindaan ini, perlindungan dipanjangkan kepada pemberi maklumat yang memberi maklumat yang berkaitan rahsia dan juga maklumat yang diperolehi semasa menjalankan tugas ataupun menjalankan fungsi beliau.

Dato' Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa maklumat yang sebegini boleh dikatakan sebagai *first grade* sebab ia mengukuhkan kredibiliti dan keseriusan maklumat tersebut. Kita tahu kalau ia bertaraf rahsia dan diperolehi semasa menjalankan tugas. Jadi, itu adalah pada pendapat saya adalah maklumat yang *credible*. Jadi, sepatutnya mendorong tindakan lanjut daripada pihak berkuasa.

Pemansuhan proviso tersebut berpotensi besar untuk menggalakkan lebih ramai pemberi maklumat tampil ke hadapan dan ini sudah tentu meningkatkan lagi keberkesanan usaha membanteras rasuah. Dan melalui pindaan kepada pemansuhan proviso kepada seksyen 6 ini, Malaysia melangkah menjadi sebuah negara yang menerima pakai amalan terbaik sepertimana di negara-negara yang lain, sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Yang kedua, pindaan yang signifikan adalah kepada seksyen 11(1) iaitu agensi penguat kuasa diberi budi bicara untuk mengekalkan perlindungan kepada seorang pemberi

maklumat meskipun pemberi maklumat tersebut telah dengan sengaja terlibat dalam perbuatan salah laku.

Jadi, pertimbangan akan diberi berdasarkan *case to case*. Mungkin penyertaan pemberi maklumat di dalam perbuatan salah laku adalah akibat daripada paksaan atau akibat daripada kejahilan tidak mengetahui bahawa salah laku — perkara yang dia sertai itu adalah salah laku. Jadi, biarlah pihak penguat kuasa, agensi penguat kuasa menentukan berdasarkan kepada *case to case*. Jadi, pindaan ini akan menggalakkan, sekali lagi akan menggalakkan lebih ramai lagi pemberi maklumat mendedahkan kelakuan tidak wajar.

Dato' Yang di-Pertua, saya sependapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas terdahulu daripada ini iaitu adalah penting untuk agensi penguat kuasa seperti SPRM untuk memperbaiki ataupun *governance* dan juga tadbir urus agensi supaya menentukan kesahihan maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat. Kita tak nak ia nya diberi akibat daripada dendam ataupun dan sebagainya bermotifkan politik dan sebagainya. Jadi, kesahihan itu adalah penting.

Ketiga Dato' Yang di-Pertua, peruntukan baharu 5A yang mewujudkan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat. Saya melihat agak ganjil sedikit fungsi ada diberi. Dua fungsi iaitu untuk menyelia pelaksanaan akta ini berhubungan dengan kuasa am agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 3 dan untuk memperolehi statistik dan data yang berhubungan dengan pendedahan dan aduan yang diterima oleh agensi penguatkuasaan mengikut akta.

Saya melihat fungsi jawatankuasa ini luas, menyelia pelaksanaan kuasa agensi penguatkuasaan. Jadi soalan saya, bagaimana kerajaan menentukan supaya tiada pertindihan fungsi di antara jawatankuasa ini dengan lima badan semak dan imbang yang sedia ada seperti Lembaga Penasihat Antirasuah, MACC, *Operations Review Panel*, *Complaints Committee*, adakah tidak ada — satu minit. Pertindihan fungsi nanti?

Dan saya lihat fungsi ini tetapi kuasa tidak dinyatakan di sini. Dan adakah jawatankuasa ini berbentuk lama ataupun adakah ia berbentuk sementara? Sekiranya sementara, saya syorkan supaya ada *sunset clause* diperuntukkan pada jawatankuasa ini. Itu saya, pada pendapat saya agak janggalah, bagaimana ada fungsi tetapi kuasa tidak diperuntukkan. Nak dikatakan ini badan semak dan imbang *but its* ada — agak kabur ya. Saya, mungkin nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan yang sewajarnya supaya kita faham apa sebenarnya tujuan jawatankuasa ini diwujudkan.

Jadi Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bukan sahaja melindungi pemberi maklumat malah ia adalah mencerminkan komitmen negara dalam membina budaya antirasuah dan tadbir urus yang telus. Apabila rakyat yakin bahawa mereka akan dilindungi jika mendedahkan penyelewengan, lebih banyak kes salah laku dibongkar dan ketelusan dalam sektor awam dan swasta dapat dipertingkatkan. Dalam jangka panjang ini akan

menyumbang kepada keyakinan pelabur, kestabilan ekonomi dan pengukuhan institusi negara.

Dato' Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong pindaan kepada undang-undang Akta Perlindungan Pemberi Maklumat. Terima kasih.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual.

1.47 tgh.

Puan Noorita binti Sual: *Kaansayan* dan salam sejahtera. Terima kasih, Dato' Speaker atas ruang perbahasan ini. Dato' Speaker, antara tonggak penting dalam membanteras rasuah, salah guna kuasa dan ketirisan tadbir urus negara ialah keberanian rakyat untuk tampil melaporkan salah laku. Namun, keberanian sahaja tidak memadai sekiranya pemberi maklumat tidak dilindungi. Realitinya mereka berdepan ancaman keselamatan, risiko kehilangan pekerjaan, sumber pendapatan, tekanan sosial malah ada yang diugut secara langsung.

Inilah sebabnya perlindungan undang-undang yang kukuh amat diperlukan. Justeru itu, atas asas ini, saya turut setuju dengan keperluan untuk meningkatkan lagi struktur perlindungan kepada pemberi maklumat melalui Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat ini. Saya percaya rang undang-undang ini adalah iltizam kerajaan untuk menjamin keselamatan, menegakkan keadilan dan memperkasakan suara rakyat yang berani mempertahankan kebenaran dan membanteras salah laku.

Dato' Speaker, namun dalam menyatakan sokongan, izinkan saya membawa perhatian Dewan kepada beberapa persoalan yang perlu diperjelaskan agar undang-undang ini benar-benar inklusif, adil dan selari dengan keperluan semasa.

Yang pertama menyentuh fasal 3. Peruntukan ini meletakkan tanggungjawab pelantikan anggota Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat sepenuhnya di tangan Menteri. Persoalan pokoknya ialah bagaimanakah rakyat boleh yakin jawatankuasa ini benar-benar bebas, telus dan adil tanpa campur tangan politik?

Pengalaman lalu membuktikan bahawa apabila kuasa pelantikan terlalu tertumpu kepada seorang individu, risiko salah guna kuasa tetap besar. Kita sudah melihat bagaimana beberapa institusi utama negara menjadi bahan kritikan kerana disoal kebebasannya. Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar proses pelantikan turut melibatkan semakan kehakiman yang bebas.

Selain itu, jawatankuasa ini wajar mengambil kira kepelbagaian geografi dan budaya negara dengan mengambil wakil dari Sabah dan Sarawak. Dengan cara ini, saya berpendapat keyakinan rakyat dapat diperkukuh bahawa jawatankuasa ini bukan alat politik, tetapi benar-benar berfungsi menjaga kepentingan rakyat.

■1350

Yang kedua, menyentuh tentang fasal 6. Saya menyambut baik kepada pindaan fasal 6 yang meminda seksyen 11(1)(a) dengan memasukkan perkataan “Dengan sengaja” dan juga pindaan dalam jawatankuasa yang dimasukkan selepas subseksyen 11(1), subseksyen (1A) yang memberi kebebasan kepada agensi penguat kuasa, kuasa sama ada mengekalkan atau tidak, perlindungan kepada pemberi maklumat.

Kita semua tahu video skandal rasuah yang melibatkan beberapa orang ahli politik Sabah yang terkait dengan rang undang-undang ini. Dengan pindaan ini, jelas akan menjawab persoalan, adakah pemberi maklumat yang turut sama terlibat dengan perlakuan tidak wajar boleh diberikan perlindungan di bawah akta ini? Kami tidak mahu undang-undang ini disalah guna sebagai jalan keluar untuk mengelakkan hukuman dan dalam situasi keadaan memerlukan maka agensi penguat kuasa boleh menggunakan kebebasan budi bicaranya.

Namun begitu, saya ingin tahu dengan lebih lanjut, apakah keadaan memerlukan yang dimaksudkan tersebut? Saya berpendapat perlindungan perlu diberikan secara bersyarat. Contohnya, mereka yang terlibat dalam perlakuan tidak wajar masih dilindungi dari segi identiti tetapi tidak boleh dikecualikan daripada proses undang-undang sekiranya terbukti bersalah. Perlindungan ini harus bertujuan untuk menggalakkan pendedahan maklumat, bukan untuk melindungi pesalah.

Yang ketiga fasal 6 juga, saya ingin penjelasan kedudukan pemberi maklumat yang bukan warganegara Malaysia. Sekiranya seorang pekerja asing sama ada berada secara sah atau tidak tetapi mempunyai maklumat penting tentang salah laku, adakah mereka akan turut dilindungi? Bagaimanakah pula sekiranya pemberi maklumat ialah bukan warganegara Malaysia yang berada di luar negara? Kita perlu mengakui bahawa dalam dunia global hari ini, banyak maklumat berkaitan rasuah dan penggubahan wang haram melibatkan pihak luar negara. Tanpa jaminan perlindungan, pemberi maklumat berpotensi enggan tampil dan akhirnya kesilapan besar tidak dapat dibongkar.

Maka, saya mengesyorkan agar rang undang-undang ini memberi garis panduan jelas berkaitan perlindungan kepada bukan warganegara serta warganegara Malaysia yang berada di luar negara. Akhir sekali Dato’ Speaker, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian dan terima kasih.

Dato’ Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar.

1.52 ptg.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih, Dato’ Yang di-Pertua. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat bagi pindaan 2025. Satu inisiatif yang sangat

bertepatan dengan semangat Malaysia MADANI khususnya dalam menjunjung nilai keadilan, akauntabiliti dan ihsan.

Dato' Yang di-Pertua, fasal 6 dalam rang undang-undang ini meminda seksyen 11 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dengan menambah kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk mengekalkan perlindungan kepada pemberi maklumat walaupun selepas mereka tampil atau siasatan sedang berjalan. Jika agensi tersebut berpendapat perlindungan masih diperlukan, mesti diberikan. Ini adalah langkah positif yang memberi ruang kepada agensi menggunakan budi bicara mereka dalam memastikan keselamatan pemberi maklumat terutamanya apabila risiko terhadap mereka masih wujud. Namun, satu persoalan yang penting yang timbul, apakah mekanisme dan tempoh perlindungan ini selepas siasatan selesai dan pemberi maklumat tidak lagi diperlukan secara rasmi?

Fasal 6 membenarkan perlindungan dikekalkan jika berdasarkan penyiasatan atau perjalanan penyiasatan. Namun, satu persoalan penting yang timbul ialah apakah mekanisme dan tempoh perlindungan ini selepas selesai dan pemberi maklumat tidak lagi diperlukan secara rasmi? Adakah perlindungan terhadap dirinya terhenti serta-merta? Situasi ini kritikal dalam banyak kes. Risiko kepada pemberi maklumat tidak berakhir hanya kerana siasatan selesai. Mereka mungkin masih terdedah kepada tekanan, ancaman ataupun tindakan balas yang boleh menjejaskan keselamatan mereka.

Adakah sistem kita mempunyai mekanisme untuk memastikan dia tidak menjadi mangsa tindakan balas selepas keluar daripada radar siasatan atau adakah beliau dibiarkan berhadapan dengan tekanan pengasingan sosial atau kehilangan kerja tanpa sebarang bentuk perlindungan lanjutan? Dato' Yang di-Pertua, amalan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, perlindungan terhadap pemberi maklumat tidak terhenti selepas siasatan selesai.

Di bawah *U.S. Securities and Exchange Commission* atau SEC, identiti pemberi maklumat dilindungi dan larangan terhadap tindak balas kekal berkuat kuasa, meskipun pendedahan tersebut tidak membawa kepada pendakwaan. *Occupational Safety and Health Administration* ataupun OSHA menyediakan saluran rasmi untuk pekerja yang menjadi mangsa tindakan balas susulan laporan keselamatan atau kesihatan tempat kerja.

Di Australia, undang-undang korporat melarang sebarang bentuk tindakan balas terhadap pemberi maklumat termasuk terhadap bekas pekerja. Manakala di New Zealand, perlindungan diberikan mengikut tahap risiko yang dihadapi bukan semata-mata bergantung kepada fasa siasatan. Persoalannya, adakah kita di Malaysia sudah bersedia menerima pendekatan yang lebih berasaskan risiko dan berterusan seperti ini?

Saya berpandangan bahawa perlindungan terhadap saksi tidak boleh dianggap tamat secara automatik hanya kerana keterangan tidak lagi diperlukan. Malah, itulah fasa yang di

mana banyak saksi menjadi paling rentan apabila perhatian undang-undang sudah beralih tetapi tekanan daripada persekitaran sebenarnya masih menekan.

Dato' Yang di-Pertua, oleh itu saya mencadangkan agar kementerian mempertimbangkan mekanisme perlindungan lanjutan automatik secara saksi atau pemberi maklumat tamat keterlibatan dalam siasatan. Mungkin untuk tempoh enam bulan hingga satu tahun mengikut tahap risiko. Sekurang-kurangnya satu proses penilaian akhir ataupun *exit assessment* perlu diwujudkan sebelum perlindungan ditamatkan bagi menilai keseimbangan dan mengemas kini dokumentasi perlindungan.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini dengan penuh harapan agar pelaksanaannya turut mengambil kira cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan demi melindungi bukan sahaja sistem tetapi juga insan yang kita pertahankan. Dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit untuk berbahas.

1.57 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya bangun menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 atau Akta 711.

Pertama, saya ingin menegaskan tentang kepentingan kerahsiaan pemberi maklumat. Mereka ini adalah individu yang tampil untuk mendedahkan salah laku, rasuah, penyelewengan dan pelanggaran undang-undang. Tanpa perlindungan kerahsiaan, mereka berisiko menghadapi tekanan, balas dendam ataupun dipinggirkan. Oleh itu, pindaan melalui fasal 3 yang menubuhkan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat sangat dialu-alukan, malah fasal ini memperuntukkan supaya maklumat sulit yang tidak boleh dikemukakan kepada jawatankuasa sebagai benteng tambahan melindungi identiti pemberi maklumat.

Yang kedua, soal keselamatan diri apabila kes sampai ke peringkat mahkamah. Pemberi maklumat kadangkala perlu tampil sebagai saksi. Risiko terhadap keselamatan mereka tinggi. Di sinilah pentingnya pindaan fasal 5 yang merujuk kepada Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696]. Dengan pindaan ini, pemberi maklumat akan menikmati perlindungan yang sama seperti saksi lain, termasuk perlindungan keselamatan, lokasi rahsia dan penyembunyian identiti jika perlu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di sini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Yang pertama, berapakah kes-kes besar yang telah berjaya diselesaikan atau dibongkar hasil daripada keberanian pemberi maklumat sejak akta ini mula diperkenalkan?

Yang kedua, apakah indikasi atau petunjuk yang kerajaan gunakan sama ada akta ini benar-benar diikuti berbanding dengan kes-kes yang sepatutnya dilaporkan, tetapi tidak dilaporkan akibat ketakutan yang mempunyai maklumat rasuah terhadap pelanggaran akibat daripada ketakutan ancaman terhadap diri.

■1400

Jawapan kepada persoalan-persoalan ini penting kerana ia menunjukkan keberkesanan Akta 711 ini dan memberi motivasi kepada rakyat untuk berani tampil sebagai pemberi maklumat.

Yang ketiga, cadangan saya kepada kerajaan, selain pindaan undang-undang, kerajaan juga perlu mempergiatkan kempen kesedaran awam bahawa rakyat boleh melaporkan salah laku dengan selamat tanpa takut identiti mereka terbongkar. Pemberi maklumat perlu dilihat sebagai wira negara yang membantu membersihkan pentadbiran, bukan sebagai pengkhianat.

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, pindaan ini adalah langkah-langkah besar yang memastikan kerahsiaan pemberi maklumat sentiasa dilindungi dan keselamatan mereka terjamin apabila kes sampai ke mahkamah. Saya menyokong rang undang-undang ini demi keberanian pemberi maklumat, demi integriti negara dan demi masa depan Malaysia yang lebih bersih.

Persoalan kita yang selalu kita hadapi masa ini adalah ketakutan kerana maklumat yang perlu dibongkarkan adalah maklumat yang sangat besar sama ada melibatkan juta ringgit ataupun — malah bilion. Jadi inilah yang menyebabkan kita perlu mengiktiraf pemberi maklumat ini sebagai orang yang benar-benar cintakan negara ataupun yang tidak mahu perkara-perkara yang tidak baik berlaku di negara ini. Jadi, justeru itu, saya mengakhiri dengan kata begini. Pemberi maklumat adalah wira keberanian, bukan pengkhianat. Lindungilah mereka, bersihkan negara kerana apabila ada pemberi maklumat yang benar-benar jujur dalam maklumat mereka, maka negara ini pasti akan bersih. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin untuk berbahas.

2.02 ptg.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Terbang helang tinggi di awan,
Nampak jelas dari kejauhan;
Perlindungan terhad membawa kesan,
Nanti tiada yang berani bawa kebenaran.*

Saya beri dua senario. Senario yang pertama adalah apabila pemberi maklumat adalah orang yang bersubahat dengan sesuatu kesalahan. Dia beri maklumat, tetapi dia adalah orang yang terlibat dalam 'kesubahatan' bagi melakukan kesalahan jenayah tersebut.

Yang kedua, pemberi maklumat adalah orang yang tiada kena mengena dengan kesalahan tersebut, tetapi apabila dia dituduh, identitinya sejauh mana ia nya dilindungi. Dua persoalan di bawah rang undang-undang ini yang perlu kita lihat sama ada ia nya mencakupi dua aspek ini.

Yang pertama, baru-baru ini kita dapat tahu bahawa ada satu kes yang mana dikatakan *whistleblower* telah pun dituduh di mahkamah. Beliau mengatakan bahawa beliau yang membawa maklumat kepada pihak autoriti supaya *perpetrator* yang sebenarnya *the principal offender*, dengan izin dituduh di mahkamah, tetapi sudahnya *principal offender* tidak dituduh, tetapi *the one whom gave the information* dengan izin dituduh di mahkamah tetapi apa yang dijelaskan daripada keterangan yang ada, bahawa *the informer* itu, yang memberikan maklumat itu juga terlibat di dalam kesalahan tersebut dan mungkin saya tidak pasti sejauh mana kebenarannya. Mungkin untuk mengelak dituduh, maka dia cuba mendapat perlindungan di bawah akta ini. Itu persoalan.

Jadi, adakah melalui pindaan rang undang-undang ini, perkara ini telah kita lihat? Adakah pihak kementerian, pihak kerajaan bersedia untuk menerima tohmahan yang mengatakan bahawa *the whistleblower* ataupun mereka yang bagi *information* itu sudahnya mereka dituduh? Sebab kita kena faham ya undang-undang ini kadang-kadang ada situasi bahawa *the principal offender* itu tiada keterangan yang jelas terhadap dia untuk dituduh di mahkamah. Mungkin tidak ada *prima facie case* untuk dia dituduh di mahkamah, tetapi ada keterangan yang agak jelas terhadap pemberi maklumat yang dikatakan bersubahat di dalam sesuatu kes.

Jadi, dalam senario sedemikian akan dikatakan bahawa kerajaan pilih *selective prosecution*. Mereka yang sepatutnya dilindungi telah pun diambil tindakan. Jadi saya percaya di bawah undang-undang ini, kalau sekiranya maklumat yang diberikan tersebut adalah maklumat yang palsu ataupun maklumat yang dia ada kepentingan, ia tidak dapat dilindungi di bawah akta ini, tetapi sejauh mana kita bersedia untuk menangani keadaan begini. Itu yang pertama.

Senario yang kedua. Dalam keadaan di mana seseorang yang memberi maklumat secara suci hati dan dia ada maklumat yang boleh mendedahkan satu kesalahan yang serius. Oleh — kalau antara satu dengan satu, mungkin tidak ada apa-apa masalah, tetapi kalau dia melibatkan individu yang berpengaruh, dia melibatkan satu organisasi yang besar, dia melibatkan lumpuhnya sesuatu organisasi yang terlibat secara langsung dalam penyelewengan wang kerajaan contohnya.

Jadi dalam keadaan sedemikian, sejauh manakah undang-undang ini dapat melindungi mereka ini? Kadang-kadang kita tahu, disebabkan ketirisan, disebabkan soal integriti, walaupun namanya sepatutnya dilindungi ketika dia memberikan keterangan kepada pihak autoriti, tetapi disebabkan integriti akhirnya nama ini bocor juga dan sampailah kepada pihak *perpetrator*. Akhirnya, beliau diugut, beliau di-*assault*, beliau diambil tindakan berbagai-bagai mengakibatkan kesan yang bukan kepada dia saja, kepada mereka yang *would be informer* tak berani lagi ke harapan untuk memberikan keterangan sebagai seorang saksi yang boleh dilindungi di bawah akta ini.

Jadi persoalannya, kalau kita lihat kepada undang-undang yang sedia ada, saya nampak memang ada peruntukan yang mengatakan bahawa dia dilindungi, rahsiannya, identitinya semua akan dilindungi, tetapi sejauh mana keberkesanannya? Dan adakah pihak kerajaan boleh memastikan, sebab dia ada dua undang-undang yang berkaitan. Kalau dia dilindungi, kalau nak dapat *protection* pihak polis, pihak autoriti, dia kena kaitkan juga, dia kena buat satu repot polis, dia kena buat aduan mengatakan bahawa dia diugut, nama dia akan didedahkan dan sebagainya, tetapi dia melibatkan dua akta yang berbeza, dua *enforcement* yang berbeza.

Adakah ini mencukupi? Adakah penglibatan dua jabatan yang boleh kita selaraskan supaya identiti saksi ini dapat kita lindungi? Aspek ini saya mohon penjelasan sedikit daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dan akhir sekali saya nak memberikan beberapa cadangan berkaitan dengan hal ini. Kalau kita lihat kepada akta ini, dia ada menyatakan bahawa ada diwujudkan satu jawatan kuasa sementara dalam menangani isu-isu berkaitan dengan peruntukan di bawah akta ini, tetapi sementara kita menunggu pembentukan ombudsman.

Ombudsman ini adalah satu cadangan yang telah kita bawakan. Malah Jawatankuasa Tatakelola juga telah mencadangkan penubuhan satu ombudsman yang *independent*. Ia nya akan lebih efektif, akan lebih menjaga kebajikan pemberi maklumat. Jadi ini juga pihak kerajaan perlu titikberatkan supaya ianya menjadi satu jalan penyelesaian yang tetap, yang pengakhirannya dan jawatan kuasa yang dibentuk di bawah rang undang-undang ini hanya bersifat sementara.

Dan akhir sekali, saya ingin mencadangkan supaya juga diberikan satu insentif. Seperti mana di negara-negara Eropah, EU, di United Kingdom, mereka memberikan insentif kepada pemberi maklumat supaya pemberi maklumat ini berani datang dan *justified* untuk mereka memberikan maklumat yang mana ia juga boleh menggugat keselamatan dan juga ekonomi mereka sendiri. Mungkin, Yang Berhormat Timbalan Menteri, dapat memberi pertimbangan cadangan saya tersebut. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Saya ingin menjawab pantun yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator.

*Terbang burung di Kuala Langat,
Hinggap di atas permaidani;
Rakyat berharap penuh semangat,
Agar tercapai Kerajaan MADANI.*

Terima kasih.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta, pembahas yang terakhir.

2.09 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang terakhir ya. Yang terakhir ini bolehlah sebut apa sahaja ya.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Selagi ada masa tambahan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Selain daripada apa yang disebut oleh pembahas sebelumnya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatullah.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

■1410

Pindaan ini saya rasa penuh bermakna dalam usaha untuk mewujudkan sebuah kawalan dalam kerajaan untuk membuktikan ia nya suatu kerajaan yang bersih, ya, *good governance* dan dapat menyelamatkan negara, menyelamatkan wang negara dan keselamatan negara.

Saya mendengar daripada Senator Dato' Setia tadi, tentang apa imbuhan kepada mereka yang bersedia menjadi pemberi maklumat, ya. Ini suatu perkara yang kita perlu fikirkan, Dato' Menteri, kerana masyarakat kita ini bukan semua mempunyai *level* kesedaran atau tanggungjawab sivil yang tinggi. Ada yang hanya ingin hidup macam biasa.

Walaupun nampak satu kesalahan depan mata dia, buat apa cari susah, ya? Buat apa cari susah? Jadi, kita tidak pula nak menjadikan, menjadi pemberi maklumat yang sebagai kerjaya untuk mendapatkan kewangan atau hasil ya. Buruk benarlah bunyinya, tetapi mesti ada satu keseimbangan, kalau kita mempunyai suatu kesedaran sebagai rakyat dan benda ini berlaku dalam pengetahuan kita, kita nak kan kebenaran kita nak kan keadilan berlaku, di sini kita akan mempunyai dilema.

Nak jadi saksi nanti, ya. Kita akan di-*exposed*-kan, ya. Saya bertanya kepada bekas AG Chamber punya orang tadi, bagaimana kita nak memberi kesaksian, ya. Mungkin di dalam mahkamah: *in camera* ya, peguam yang tertuduh pun akan tahu juga siapa yang memberi maklumat, ya. Jadi ini tidak memberikan satu penyelesaian kepada kita, kepada mereka yang

memberi maklumat. Jadi jaminan terhadap keselamatan, pemberi maklumat ini mesti cukup kukuh ya, *bulletproof*-lah supaya tidak terasa kegentarannya, ya.

Dan tadi kita sebut kalau ada kesaksian ataupun pemberi maklumat yang palsu ataupun yang tidak tepat, agak-agak saja, yang itu kena ada tindakan. Kerana kita nak rakyat kita sedar, tetapi mereka ada kesedaran tetapi tidak ada fakta yang lengkap. Berlaku di depan mata dia, dia nak juga menyumbang kepada *good governance* ini.

Jadi macam mana kita nak, itu kalau palsu itu memang salahlah, tapi kalau tidak tepat ya, sehingga kadang-kadang boleh menjejaskan orang yang tertuduh. Jadi saya menganggap pendidikan kepada rakyat dalam hal ini, kepada kakitangan awam misalnya, semasa mereka mengambil ikrar untuk menjadi kakitangan awam, perlu diberikan satu pendidikan yang betul-betul meyakinkan mereka bahawa berada di dalam sistem pentadbiran, ini kita mesti melakukan yang terbaik dengan jujur, dengan benar. Barulah kita boleh dapat mendedahkan kesalahan dengan tidak berasa gentar, ya.

Dan saya juga berkeyakinan, pindaan yang memberi jalan kepada pembentukan jawatankuasa yang menguruskan kes pemberi maklumat ini, juga memberikan suatu kuasa yang tinggi kepada suatu kumpulan. Oleh yang demikian, saya berasa kita tidak boleh menjadikan jawatankuasa ini satu jawatankuasa yang tetap.

Setiap kes, sepatutnya kita tubuhkan satu jawatankuasa dan dibubar setelah selesai. Dan kalau ada *simultaneous cases, different groups of people*, ya, duduk dalam jawatankuasa supaya ini tidak menjadi satu bebanan ataupun satu rasa *pride* ataupun bangga yang dia duduk di situ kerana kuasanya sangat besar, jawatankuasa ini.

Jadi kalau itu dapat kita lakukan, maka pindaan ini akan memberikan satu suasana baru. Apa yang berlaku Sabah mengajar kita, ya. Saya tak pasti, ya. Rang undang-undang ini dikemukakan selepas apa yang berlaku Sabah ataupun memang dah berangka sejak awal, tetapi yang kelihatan kepada kita, pemberi maklumat sekarang ini menjadi yang tertuduh. Yang dijangka dituduh tidak tertuduh.

Jadi, kita perlu memberikan jawapan yang tuntas. Saya tahu ada jawapan yang tuntas, ya, ada orang nak memberi maklumat tetapi dia *flopped* di tengah jalan, ya, kerana sebenarnya ada usaha untuk menyelamatkan diri sendiri, tetapi oleh kerana tuduhannya berat maka menyelamatkan diri ini menjadi satu cara yang sangat susah bagi orang yang mempunyai niat yang tidak betul.

Apa pun, Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Dengan ini, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

2.15 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson]: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

*Terbang merpati ke hujung desa,
Singgah sebentar di pohon ara;
Berani kerana benar hendaklah sentiasa,
Lindungi pemberi maklumat di negara tercinta... [Tepuk]*

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kesemua Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai sesi perbahasan Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat Pindaan 2025. Segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan berusaha sedaya untuk menjawab kesemua persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara lisan. Namun, andai masa tidak mengizinkan, saya memohon untuk memberikan jawapan secara bertulis.

Seramai sepuluh orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membahaskan rang undang-undang perkhidmatan, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang, Yang Berhormat Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani, Yang Berhormat Senator Puan Tiew Way Keng, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol, Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual, Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit, Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli dari Lumut.

Sebelum saya... *[Dice lah]* Dari Lekir ya? Dari Lekir, Pasir Panjang, Setiawan. Sekolah SCS ya beliau? *[Ketawa]* Sebelum saya mula menggulung pada hari ini, izinkan saya menegaskan bahawa kita bukan sekadar ingin memperkukuh undang-undang yang sedia, ada tetapi juga untuk memastikan perlindungan menyeluruh diberikan kepada pemberi maklumat, meningkatkan keberkesanan, penguatkuasaan, serta memastikan pendedahan kelakuan tidak wajar dapat disiasat sewajarnya.

Rang undang-undang ini diyakini akan memperkasa urus tadbir yang baik, meningkatkan keyakinan rakyat dalam membanteras rasuah secara menyeluruh dan seterusnya menyokong matlamat fungsi teras Ekonomi MADANI di bawah strategi tata kelola yang baik.

Dato' Yang di-Pertua, setelah mendengar perbahasan sebentar tadi, saya dapat merumuskan beberapa isu yang dibangkitkan seperti berikut:

- (i) isu perbaikan kerajaan kredibiliti pemberi maklumat dan perlindungan kepada pemberi maklumat;
- (ii) perlindungan kepada pemberi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009;
- (iii) pemotongan proviso seksyen 6 supaya perlindungan kepada pemberi maklumat tetap sah;
- (iv) memberi ganjaran kepada pemberi maklumat;
- (v) kaedah pelaporan berpusat;
- (vi) pembatalan perlindungan pemberi maklumat di bawah seksyen 11(1A);
- (vii) cadangan penubuhan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat;
- (viii) rasional terhadap cabaran yang dihadapi.

■1420

Yang Berhormat Senator Haji Hussin bin Ismail telah membangkitkan mengenai kredibiliti pemberi maklumat yang perlu diambil kira semasa pendedahan dibuat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pendedahan yang dibuat oleh pemberi maklumat, siasatan lanjut akan dibuat oleh agensi penguatkuasaan untuk memastikan pemberat bagi semua pendedahan kelakuan tidak wajar adalah relevan dan mengambil kira semua fakta konteks dan untuk kepentingan awam.

Perkara ini berkait rapat dengan pindaan di bawah seksyen 11(1A) di mana memberikan agensi penguatkuasaan melaksanakan siasatan dengan terperinci sebelum membuat keputusan untuk membatalkan perlindungan terhadap pemberi maklumat.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang telah bertanya mengenai dengan perlindungan di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009. Program Perlindungan Saksi yang dikendalikan oleh Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri dilaksanakan berdasarkan beberapa syarat yang ditetapkan di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 iaitu permohonan ke dalam program ini mesti dibuat secara sukarela oleh saksi dan agensi penguatkuasaan yang mewakili saksi.

Seterusnya, permohonan akan dinilai mengikut peruntukan seksyen 8 dan 9 akta tersebut bagi menentukan kelayakan untuk dimasukkan ke dalam program.

Fokus utama perlindungan ini adalah terhadap aspek keselamatan fizikal seperti penempatan semula dan kawalan identiti bagi mengelakkan sebarang ancaman dan ianya hanya diberikan selagi wujud ancaman terhadap keselamatan saksi. Walau bagaimanapun, dari sudut kerahsiaan identiti maklumat, perlindungan turut diperuntukkan secara jelas di bawah seksyen 7 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tempoh lima tahun terkini, seramai 621 orang pemberi maklumat telah diberikan perlindungan di bawah seksyen 7 [Akta 711].

Manakala, seramai 262 orang telah dipertimbangkan masuk dalam Program Perlindungan Saksi pada tahun 2024. Melalui Program Perlindungan Saksi ini, seksyen 13 [Akta 696] menyatakan bahawa antara contoh bentuk sokongan adalah melalui perlindungan dan bantuan seperti tempat tinggal yang selamat, bantuan kewangan untuk saksi menyara hidup, pertukaran identiti dan bantuan psikologi.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang dan Yang Berhormat Senator Puan Tiew Way Keng telah membangkitkan mengenai pemotongan proviso di bawah seksyen 6 [Akta 711]. Dengan pindaan terbaru yang membuang proviso dalam seksyen 6(1), seseorang yang membuat pendedahan berkaitan kelakuan tidak wajar termasuk pendedahan maklumat termasuk sebagai rahsia rasmi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (*Official Secrets Act*) dan seksyen 203 Kanun Keseksaan tetap boleh diiktiraf sebagai pemberi maklumat di bawah Akta 711. Sekiranya pendedahan tersebut di buat kepada agensi penguatkuasaan dan berasaskan kepercayaan yang munasabah terhadap wujudnya salah laku.

Oleh itu, dengan pembuangan proviso tersebut, pemberi maklumat yang menemui syarat di bawah seksyen 711 tetap dilindungi daripada sebarang tindakan walaupun maklumat yang didedahkan asalnya tertakluk di bawah undang-undang lain seperti *Official Secrets Act* melainkan perlindungan itu dibatalkan mengikut peruntukan seksyen 11.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail dan Yang Berhormat Senator Puan Tiew Way Keng mengenai pemberian ganjaran. Sebarang pelaksana ganjaran ini juga akan tertakluk kepada dasar perbelanjaan dan kedudukan fiskal negara. Pada masa yang sama, pemberian ganjaran ini juga tertakluk kepada jenis maklumat yang telah didedahkan sama ada maklumat tersebut berbentuk *monetary saving* kepada kerajaan. Sekiranya pendedahan tersebut dapat menyelamatkan dana negara, maka ia boleh dipertimbangkan dengan pemberian ganjaran.

Untuk makluman juga, nilai ganjaran yang diberikan pada tahun 2024 oleh agensi penguatkuasaan adalah sebanyak RM4,740,329.96. Bermakna lebih RM40 juta telah dibayar.

Seterusnya, cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang mengenai kaedah pelaporan berpusat pemberi maklumat bagi memudahkan penyelarasan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, cadangan pusat sehenti atau dengan izin, *one stop center* melalui penubuhan badan pemantau dan penyelaras Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [Akta 711] di bawah Ombudsman Malaysia yang dijangka akan dimuktamadkan pada penghujung tahun 2025 nanti.

Antara fungsi badan pemantau dan penyelaras Akta 711 ini, mengarahkan agensi penguatkuasaan menjalankan siasatan bagi mendedahkan kelakuan tidak wajar, memberikan — menarik balik perlindungan kepada pemberi maklumat, menjalankan siasatan lengkap terhadap tindakan yang memudaratkan dan mengeluarkan arahan pembetulan bagi semua

pendedahan kelakuan tidak wajar dan aduan tindakan yang memudaratkan oleh pemberi maklumat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator-Senator, Senator — pindaan ini memperkenalkan subseksyen baharu 11(1A) yang memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk mengekalkan perlindungan kepada pemberi maklumat walaupun mereka terlibat dalam kelakuan tidak wajar didedahkan jika agensi berpendapat perlindungan itu perlu diberikan berdasarkan siasatan dan demi kepentingan awam. Dengan kata lain, agensi boleh menggunakan budi bicara, mengambil kira semua fakta, konteks dan kepentingan awam dalam menentukan sama ada perlindungan wajar dikekalkan.

Pindaan ini akan membuka ruang untuk agensi penguatkuasaan melaksanakan siasatan dengan terperinci sebelum membuat keputusan untuk membatalkan perlindungan terhadap pemberi maklumat. Selain itu, pindaan ini juga adalah selaras dengan izin, *spirit* pengubalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat iaitu menggalakkan lebih ramai orang tampil ke hadapan untuk memberi maklumat.

Yang Berhormat Puan Tiew Way Keng, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol dan Yang Berhormat Senator Puan Noorita telah membangkitkan kerisauan mengenai kerahsiaan dokumen sekiranya pendedahan dibuat oleh pemberi maklumat dan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat ini merupakan satu langkah proaktif kerajaan untuk menubuhkan satu platform pusat bagi memantau perlindungan pemberi maklumat tanpa sebarang pendedahan dibuat. Jawatankuasa ini juga tidak mengambil alih tugas agensi penguatkuasaan tetapi bertindak sebagai badan pemantau yang memastikan perlindungan kepada pemberi maklumat dilaksanakan dengan berkesan. Sebaran statistik data atau maklumat yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat tidak boleh mengandungi maklumat sulit yang dilindungi di bawah seksyen 8 [Akta 711]. Ini bertujuan untuk mengekalkan kerahsiaan pemberi maklumat dan memastikan keselamatan serta perlindungan mereka tidak berjejas.

Selain itu, kerajaan terima baik cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekali pun supaya pihak yang menganggotai badan adalah bebas dari konflik kepentingan dan benar-benar berkaliber. Antara anggota-anggota yang dicadangkan akan terdiri daripada pihak-pihak yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam aspek perlindungan pemberi maklumat termasuk NGO, CSO serta pakar akademik dalam aspek perlindungan kepada pemberi maklumat.

■1430

Ini akan memastikan kebebasan, ketulusan tanpa konflik kepentingan semak dan imbang dalam pelaksanaan jawatankuasa. Kerajaan menyambut baik Senator — Yang

Berhormat Senator Puan Tiew Way Keng berkaitan dengan keperluan untuk akta ini mengiktiraf mekanisme dalaman syarikat dalam proses penerimaan aduan di bawah akta ini. Perkara ini sedang diperhalusi oleh kerajaan sedang dalam usaha untuk mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai industri terutamanya syarikat swasta di Malaysia untuk menentukan mekanisme terbaik dalam menguruskan pendedahan yang diterima dari sektor swasta. Ini termasuklah mengambil kira cadangan mengenai mekanisme aduan dalaman turut dilaksanakan di peringkat global.

Dato' Yang di-Pertua, untuk perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan jika saya tidak menjawab perkara-perkara yang khusus, saya memberi aku janji perkara-perkara yang dibangkit akan diberi secara tulis kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan sebagai mengakhiri penggulungan ini...

Datuk Linggu @Edward bin Bukut: Speaker, boleh saya mencelah sedikit?

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Boleh, boleh.

Datuk Linggu @Edward bin Bukut: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin bertanya untuk maksud meningkatkan keyakinan pemberi maklumat dan orang ramai khususnya sama ada, ada cadangan daripada Kementerian untuk membuat satu sesi libat urus dengan masyarakat atau berbentuk taklimat kah? *So that, they are in the know what is their right and so on and so forth. So that, they will be more willing to memberi maklumat.* Terima kasih, Timbalan Menteri.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson: Saya berterima kasih dan terima baik cadangan Yang Berhormat. Sebenarnya banyak libat urus, libat urus pun telah dibuat, tetapi *this*, walaupun itu *on going* sebelum akta ini dibawa hari ini, kita akan buat lebih dari ini dan sebagai Yang Berhormat Senator, perkara-perkara ini juga boleh dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator-Senator supaya esok hari ini kita boleh mengambil lebih peluang untuk berbincang dan sebagainya.

It's a showcase around the country, bukan sahaja di sini yang habis. Terima kasih atas pandangan dan input, input yang dikongsikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan ini. Bagi soalan-soalan serta isu yang saya tidak sempat beri jawapan, saya akan berikan secara bertulis kelak. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara (Puan Saraswathy a/p Kandasami) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG RACUN 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.36. ptg.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang untuk meminda Akta Racun 1952 [Akta 366] dibaca kali kedua sekarang.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Malaysia MADANI. Tuan Yang di-Pertua, Akta Racun 1952 [Akta 366] digubal untuk mengawal pengimportan, pemilikan, pengilangan, penyebatian, penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan racun dan bahan-bahan psikotropik. Dalam konteks akta ini, istilah racun adalah merujuk kepada bahan yang disenarai di bawah senarai racun Jadual Pertama Akta 366. Racun yang disenaraikan merupakan bahan kimia yang biasanya digunakan bagi tujuan perubatan atau farmaseutikal serta turut mempunyai kegunaan dalam industri tertentu.

Manakala, bahan psikotropik merupakan racun khusus yang disenaraikan di bawah Jadual Ketiga Akta 366, di mana selain daripada digunakan dalam rawatan perubatan, bahan psikotropik ini mempunyai sifat psikoaktif yang berpotensi tinggi untuk disalahgunakan kerana kesannya yang boleh menyebabkan ketagihan atau kebergantungan. Sehingga hari ini terdapat 1,780 bahan disenaraikan di bawah senarai racun Jadual Pertama Akta 366. Sebagai racun berbanding 140 bahan semasa, Akta 366 ini mula dikuatkuasakan pada tahun 1952.

Penambahan racun baharu adalah berdasarkan bahan kimia yang baharu muncul dan memberi risiko kepada masyarakat sekiranya tidak dikawal. Justeru, Akta 366 ini tidak

sekadar mengawal penggunaan racun dan bahan psikotropik untuk tujuan sah, malah menetapkan kawal selia yang ketat untuk memastikan racun bahan psikotropik tidak disalahgunakan bagi maksud jenayah atau aktiviti yang boleh mengancam kesihatan awam dan keselamatan negara.

Bagi melaksanakan penguatkuasaan Akta 366, memperuntukkan tiga pihak yang diberi kuasa atau *authorised officer* iaitu pegawai penguat kuasa dadah iaitu Pegawai Farmasi dalam perkhidmatan awam yang dilantik oleh pegawai pelesenan, Pegawai Polis berpangkat tidak kurang daripada Inspektor dan Pegawai Kanan Kastam. Secara pelaksanaannya, pihak-pihak yang diberi kuasa ini menjalankan penguatkuasaan Akta 366 berdasarkan kepada skop dan fungsi jabatan masing-masing, di mana pegawai penguat kuasa dadah memberi fokus bagi memastikan pengendalian racun dan bahan psikotropik terutamanya yang melibatkan produk ubat dan kimia industri bagi tujuan yang sah.

[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pegawai Polis memantau dan mengambil tindakan ke atas aktiviti-aktiviti haram seperti penyalahgunaan dan pemesanan bahan-bahan kawalan seperti ketum atau pil-pil psikotropik dan Pegawai Kastam menjalankan kawalan pengimportan dan pengeksportan racun dan bahan psikotropik di pintu masuk negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli Dewan, penggunaan racun dan bahan psikotropik secara tidak sah boleh membawa implikasi yang serius kepada penyalahgunaan dadah dan bahan kawalan. Sebagai contoh, racun *pseudoephedrine* merupakan bahan *precursor* yang boleh digunakan untuk menghasilkan dadah, *methamphetamine* atau syabu. Manakala, bahan psikotropik terutamanya *mitragynine* atau ketum pula berpotensi menyebabkan kesan ketagihan sekiranya digunakan tanpa kawalan dan dicampurkan dengan bahan lain seperti ubat batuk.

■1440

Berdasarkan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan kesalahan berkaitan racun dan bahan psikotropik. Statistik kes yang disiasat adalah seperti berikut:

- (i) 4,737 kes pada tahun 2021;
- (ii) 6,872 kes pada tahun 2022;
- (iii) 7,251 kes pada tahun 2023; dan
- (iv) 7,395 kes pada tahun 2024.

Selain itu, daripada segi rampasan ketum dan bahan psikotropik, data PDRM dari tahun 2015 sehingga kini menunjukkan jumlah membimbangkan iaitu:

- (i) 1,092,335 liter bagi cecair ketum;
- (ii) 1,300,666 kilogram bagi daun ketum; dan
- (iii) 53 kilogram bagi pil-pil psikotropik.

Akta 366 sedia ada memperuntukkan kuasa penguatkuasaan hanya kepada Pegawai Polis berpangkat inspektor ke atas. Statistik perjawatan Pegawai Polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik menunjukkan bahawa hanya 19 peratus pegawai merupakan Pegawai Kanan Polis berpangkat Inspektor dan ke atas. Manakala, 81 peratus adalah Pegawai Rendah Polis.

Ini menunjukkan bilangan pegawai kanan adalah jauh lebih kecil berbanding Pegawai Rendah Polis. Keadaan ini secara tidak langsung menambah beban kepada Pegawai Polis berpangkat Inspektor ke atas yang perlu mengendali dan menyiasat kes-kes lebih serius dan kompleks. Tambahan, tugas pemantauan serta tindakan penguatkuasaan di lapangan lazimnya dilaksanakan oleh Pegawai Polis berpangkat rendah seperti Konstabel dan Koperal. Justeru, kuasa yang terhad diberikan kepada Pegawai Polis ini boleh mengekang keberkesanan penguatkuasaan oleh pihak polis dalam menangani jenayah penyalahgunaan racun dan bahan psikotropik.

Oleh demikian, Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 yang saya bantangkan di hadapan Dewan yang mulia ini adalah bertujuan untuk meminda Akta 366 bagi memperkukuhkan penguatkuasaan akta ini terhadap penyalahgunaan racun dan bahan psikotropik.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan fasal-fasal yang sebagaimana diperincikan dalam naskhah biru RUU ini telah diedar kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator. Rang undang-undang ini mengandungi lima fasal yang melibatkan empat seksyen di bawah Akta 366.

Cadangan pindaan yang pertama adalah pindaan berhubung kuasa Pegawai Polis. Bagi melancarkan tindakan penguatkuasaan Akta 366 oleh PDRM, kuasa polis dipinda dengan memperuntukkan kuasa kepada mana-mana Pegawai Polis tanpa mengira pangkat. Ini melibatkan pindaan takrif *authorized officer* di bawah seksyen 2 daripada Pegawai Polis berpangkat tidak kurang daripada Inspektor kepada mana-mana Pegawai Polis yang ditakrif di bawah Akta Polis 1967 atau Akta 344.

Pindaan akta ini dijangka dapat memperluaskan keberkesanan pelaksanaan penguatkuasaan secara menyeluruh dengan memberikan kejelasan dan perluasan kuasa kepada mana-mana Pegawai Polis yang ditakrif di bawah Akta Polis 1967. Ini akan memperkasakan tindakan, pemeriksaan dan siasatan terhadap kes-kes penyalahgunaan bahan seperti ketum dan psikotropik.

Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan ini tidak melibatkan sebarang perubahan mekanisme kawalan sedia ada ke atas ahli farmasi, pengamal perubatan dan pengamal pergigian yang menjalankan amalan di fasiliti yang sah seperti premis farmasi, klinik dan hospital. Kawalan masih kekal di bawah kawal selia pegawai penguat kuasa dadah di Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan.

Peranan PDRM dalam konteks ini adalah untuk memantau serta mengambil tindakan ke atas aktiviti-aktiviti haram yang melibatkan penyalahgunaan racun dan bahan psikotropik terutamanya ketum iaitu bahan psikotropik di bawah Akta 366. Kawasan tumpuan adalah lokasi berisiko tinggi seperti kawasan terpencil yang sering digunakan bagi pengedaran dadah, kelab malam serta kawasan industri terbiar yang berpotensi menjadi makmal haram.

Walaupun pindaan ini memperkukuhkan kuasa penguatkuasaan PDRM, pembahagian peranan antara agensi kekal jelas dan terikat kepada bidang kuasa serta fungsi masing-masing. Oleh itu, pindaan ini tidak menjejaskan mekanisme penguatkuasaan sedia ada, sebaliknya memperkukuhkan kerjasama antara agensi dalam memastikan kawalan racun dan bahan psikotropik yang lebih menyeluruh.

Selain itu, dalam pelaksanaan tugasnya nanti, setiap Pegawai Polis masih tertakluk kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah Akta 593, Perintah Tetap Ketua Polis Negara di bawah seksyen 97 Akta 344 dan Garis Panduan serta Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh PDRM.

Seterusnya, cadangan pindaan yang kedua adalah untuk memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kesihatan untuk melantik mana-mana orang, *authorized officer*, di bawah Akta 366 melalui peruntukan seksyen baharu iaitu seksyen 31A. Sehubungan itu, takrif *authorized officer* di bawah seksyen 2 turut dipinda dengan menambah orang yang dilantik oleh Menteri Kesihatan di bawah seksyen 31A. Bagi pelantikan sebagai *authorized officer* di bawah seksyen 31A, Menteri Kesihatan boleh melantik mana-mana orang sebagai *authorized officer* berdasarkan keperluan tertentu, khususnya kawasan yang tidak mempunyai kehadiran *authorized officer* sedia ada secara tetap atau kekal yang mana di kawasan tersebut dikenal pasti berlaku pelanggaran Akta 366.

Dalam mempertimbangkan pelantikan tersebut, Kementerian Kesihatan akan menjalankan penilaian menyeluruh yang merangkumi aspek berikut:

- (i) keperluan dan kepentingan perkhidmatan;
- (ii) kebolehlaksanaan penyertaan;
- (iii) tahap kelayakan yang bersesuaian dengan fungsi yang bakal dilaksanakan;
- (iv) kesediaan sumber manusia termasuk latihan serta penyediaan *facilities* dan keperluan logistik yang mencukupi; dan
- (v) aspek teknikal dan operasi berkaitan.

Pelantikan hanya dimuktamadkan setelah terdapat ketetapan dasar bersama antara semua kementerian dan agensi yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan tersebut tersusun, teratur serta mengelakkan pertindihan fungsi antara agensi.

Seterusnya, cadangan pindaan yang akhir adalah untuk meminda takrif premis. Pada masa ini, terdapat dua seksyen yang memperuntukkan takrif ini iaitu di bawah seksyen 2 dan subseksyen 31B(1). Pindaan ini adalah bertujuan untuk menyeragamkan kedua-dua takrifan tersebut agar hanya satu takrif tunggal diguna dalam keseluruhan akta ini.

Oleh itu, takrif di bawah seksyen 2 akan dipinda dengan menggunakan takrif di bawah subseksyen 31B(1). Manakala, subseksyen 31B(1) akan digugurkan. Justeru, pindaan ini tidak menjejaskan kuasa penguat kuasa sedia ada, sebaliknya mengelakkan pertindihan taksiran dan mengukuhkan kejelasan undang-undang.

Pemakaian takrif ini khusus bagi tujuan pelaksanaan kuasa-kuasa penguatkuasaan di bawah Akta 366. Ia tidak membawa sebarang perluasan kuasa baharu atau perubahan substantif kepada kawalan yang telah wujud sebelum ini. Takrif premis yang luas tidak wajar ditafsirkan sebagai lesen terbuka kepada penguatkuasaan tanpa batasan. Sebaliknya, tafsiran ini diperuntukkan secara luas agar tidak ada ruang kelompondan undang-undang yang boleh dieksploitasi. Walaupun takrif ini merangkumi pelbagai bentuk lokasi termasuk rumah kediaman, premis kecil, bot atau kenderaan, pelaksanaan penguatkuasaan tetap terikat kepada prosedur undang-undang dan *standard operating procedure* (SOP) yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan pindaan Akta Racun 1952 Akta 366 dibuat bagi memperkukuhkan kuasa penguatkuasaan sejajar dengan teras keyakinan di bawah Kerajaan Malaysia MADANI, bagi memastikan undang-undang dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan. Pindaan ini juga mendukung teras kesejahteraan melalui jaminan keselamatan dan kesihatan awam serta mencerminkan nilai ihsan dalam melindungi masyarakat daripada bahaya penyalahgunaan racun dan bahan psikotropik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Racun 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat, di hadapan saya seramai empat orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

■1450

2.50 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama turut serta dalam membahas Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025.

Saya secara peribadi menyambut baik pembentangan RUU ini kerana ia memberi isyarat bahawa kerajaan perlu peka terhadap isu keselamatan dan ancaman kesihatan terhadap rakyat, khususnya dengan trend kes jenayah melibatkan racun dan bahan psikotropik yang meningkat dan berleluasa ini. Lebih-lebih lagi dengan penggunaan *vape* yang sukar dibendung kini, yang melibatkan pelajar-pelajar, yang menggunakan cecair sintetik, yang menyebabkan ketagihan dan mengancam kesihatan. Persoalan saya yang pertama adalah, adakah bahan-bahan kimia yang disalah guna menggunakan *vape* juga akan bakal dimasukkan dalam senarai bahan terlarang dalam senarai Akta Racun?

Dato' Yang di-Pertua, kekuatan pihak yang menguatkuasa Akta 366 wajar diperluaskan agar tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan efisien untuk membanteras gejala penyalahgunaan bahan ini. Undang-undang induk yang digubal sejak tahun 1952 ini sudah tentu memerlukan nafas baru agar kekal relevan dengan cabaran semasa.

Pindaan ini melibatkan dua aspek penting yang menjadi teras kepada usaha kerajaan. Pertama, peluasan definisi *authorized officer* supaya kuasa penguatkuasaan tidak terhad kepada pegawai sedia ada, tetapi turut merangkumi semua anggota polis dan juga individu yang boleh dilantik oleh Menteri Kesihatan.

Dan yang keduanya, peluasan takrif *premises* yang kini mencakupi pelbagai bentuk lokasi, termasuk kenderaan, struktur terapung dan platform luar pesisir. Kedua-dua pindaan ini amat signifikan kerana ia menutup kelemahan undang-undang yang boleh dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong perluasan kuasa ini, namun saya ingin mengingatkan bahawa kuasa besar yang diberikan kepada Menteri untuk melantik individu sebagai pegawai diberi kuasa, perlu diurus dengan penuh integriti. Kita tidak mahu ia menjadi ruang untuk melantik individu yang tidak layak atau yang tidak mempunyai latihan yang mencukupi. Justeru, saya mencadangkan supaya kerajaan menggubal garis panduan

pelantikan yang jelas, mewajibkan latihan asas penguatkuasaan, serta memastikan ada mekanisme semak bebas terhadap setiap pelantikan.

Selain itu, aspek keupayaan pelaksanaan di lapangan perlu diberi penekanan. Definisi undang-undang boleh diperluaskan sejauh mana sekalipun tetapi tanpa pegawai penguat kuasa yang cukup terlatih dan berkelengkapan moden, undang-undang ini hanya akan kekal di atas kertas. Saya mencadangkan agar kerajaan memperuntukkan bajet latihan khusus kepada pegawai lantikan serta mewujudkan unit penguatkuasaan khas di bawah Kementerian Kesihatan yang boleh bekerjasama erat dengan Polis Diraja Malaysia, Kastam dan pihak berkuasa tempatan.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Adakah sesi libat urus dilibatkan Persatuan Perubatan Malaysia dan juga NGO, NGO yang berkaitan? Kerana saya dimaklumkan, mereka tidak mendapat maklumat tentang pindaan yang akan dilaksanakan ke atas Akta Racun 1952 ini. Kerana kegusaran mereka, kesan kepada premis, terutamanya di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga kesannya kepada perkhidmatan kesihatan di seluruh negara kita.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga melihat perlunya kerajaan memanfaatkan teknologi dalam menguatkuasakan undang-undang racun ini. Contohnya, penggunaan sistem pengesanan digital, pangkalan data bersepadu dan aplikasi mudah alih boleh membantu dalam merekod, mengesan dan menjejak pergerakan racun serta bahan kimia berbahaya dan dari satu lokasi ke lokasi lain. Dengan cara ini, sebarang aktiviti mencurigakan dapat dikesan lebih awal sebelum ia menimbulkan risiko lebih besar kepada keselamatan negara.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bukan sekadar pindaan teknikal tetapi merupakan perisai undang-undang yang kita letakkan untuk melindungi rakyat. Saya percaya jika ia dilaksanakan dengan telus, berintegriti dan disokong dengan penguatkuasaan yang mantap, ia mampu menjadi benteng utama negara dalam menghadapi ancaman penyalahgunaan racun dan bahan kimia berbahaya. Dengan penuh keyakinan, saya menyokong RUU Racun (Pindaan) 2025 ini dengan harapan ia benar-benar dapat memberi kesan positif kepada keselamatan negara dan juga kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dr. Hajah Wan Martina. Seterusnya, saya persilakan YB Senator Tuan Haji Baharuddin.

2.55 ptg.

Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas peluang kepada saya untuk turut berbahas Akta Racun (Pindaan) 2025 ataupun Akta 366 ini.

Jadi, berdasarkan kepada penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, akta ini memang sesuai untuk dipinda, sudah tiba masanya. Berdasarkan kepada kes-

kes yang telah disebutkan tadi, sebanyak 4,327 pada tahun 2021, meningkat kepada 7,395 pada tahun 2024. Bermaknanya, peningkatan yang agak drastiklah terhadap kes-kes pelanggaran akta ini. Dan pindaan ini memang dilihat sebagai memberi - memperkasakan dari segi penguatkuasaan sama ada *authorized person* dan juga takrif mula pada premis tadi, memudahkan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan dari pihak berkenaan.

Cuma saya ingin sentuh di sini berkaitan dengan ketum. Sebab ketum ini, khususnya di negeri Perlis lah, penggunaan — penyalahgunaan ketum ini sangat - orang kata, macam signifikan. Kita nampak sangat penyalahgunaan bila kita – ramai remaja-remaja, boleh kata tiap-tiap isi rumah, kalau tidak sekurang-kurangnya seorang yang terlibat dalam penyalahgunaan ketum ini. Dan ketum ini, adakah daun ketum itu sendiri ditakrifkan sebagai di bawah Akta Racun ataupun daun ketum yang diproses menjadi minuman yang ketagih – yang menyebabkan ketagihan? Minuman yang telah dicampur dengan berbagai-bagai perisa sama ada *Coke* ataupun berkarbonat dan dicampur dengan bahan-bahan racun lain seperti ubat batuk dan juga ubat nyamuk untuk menambah dia punya ketagihan.

Jadi, adakah penanaman pokok ketum itu juga menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun? Dan adakah sekadar ataupun minuman itu sahaja yang ditakrif sebagai salah di bawah Akta Racun? Dan saya berharap dengan pindaan ini, dapat pihak kementerian mengambil tindakan yang lebih serius, yang lebih berkesan. Bukan untuk mengurangkan, tapi untuk menghapuskan ataupun membanteraskan keseluruhannya pengambilan ataupun penagihan air ketum ini, khususnya di kalangan remaja. Kerana berdasarkan pada pengalaman saya, satu kes seorang remaja yang terlibat dengan kemalangan dan dirawat di hospital.

Pada waktu malam, dia bising dan dia bertempik dan gelisah, dia nak jalan tak boleh sebab dia cedera, rupanya dia ketagih ketum. Dan keluarga dia bawa satu botol air ketum dan setelah dia minum, dia boleh tidurlah. Jadi, itulah kesan yang sangat besar kepada penagih ketum ini. Bagi mereka yang terlibat dengan nelayan, bila mereka sampai ke laut, selepas ditebarkan pukut, minum satu botol air ketum, tidur. Lepas dua jam, bangun, baru sambung kerja memukat di laut. Begitulah kesannya daun ketum ini.

Yang keduanya, saya ingin bertanya berkaitan dengan pengimportan bahan-bahan makanan, khasnya sayur-sayuran dan buah-buahan daripada negara jiran, khususnya Thailand. Adakah penguatkuasaan dilakukan oleh pihak sama ada Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Pertanian sahaja untuk mengesan bahan-bahan makanan yang mengandungi kadar racun yang berlebihan, yang menyalahi Akta Racun? Kerana hampir keseluruhan sayur-sayuran yang dijual, di pasaran di negeri Perlis adalah diimport daripada Thailand.

Saya berharap pihak kementerian dapat mengambil tindakan yang berkesanlah untuk mengesan sama ada makanan itu, sayur-sayuran itu ataupun buah-buahan itu mengandungi

kadar racun yang diluluskan ataupun melebihi kadar yang diluluskan. Dan saya berharap dengan terlaksananya akta baharu ini, tindakan yang lebih berkesan dan lebih baik dan lebih mempermudah pihak berkuasa untuk bertindak ke atas pelanggaran Akta 366, Akta Racun ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB Tuan Haji Baharuddin. Seterusnya, saya persilakan YB Senator Dr. Lingesh.

■1500

3.00 ptg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Memandangkan kita hanya ada empat pembahas, saya minta dua minit tambahan, Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh, YB. Silakan.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Saya bangkit untuk menyokong Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pindaan ini adalah satu langkah yang amat penting dan proaktif dalam menangani ancaman penyalahgunaan racun dan bahan psikotropik yang semakin berleluasa di negara ini.

Dato' Yang di-Pertua, kita tidak boleh berdiam diri melihat peningkatan kes jenayah berkaitan dadah dan bahan terkawal. Statistik yang telah dibentangkan oleh PDRM menunjukkan peningkatan yang ketara, hampir 56 peratus dalam tiga tahun ini. Ini bukan sekadar angka tetapi mencerminkan betapa seriusnya krisis sosial yang berlaku di hadapan mata kita.

Pindaan ini sangat diperlukan kerana ia memperluaskan kuasa penguat kuasa kepada semua anggota PDRM tanpa mengira pangkat. Ini adalah realiti di lapangan di mana pegawai rendah polis adalah barisan hadapan yang paling kerap bertembung dengan pesalah. Dengan pindaan ini, kita mempercepatkan rangkaian tindakan dan menjadikan penguatkuasaan lebih cekap dan menyeluruh. Ini bukan sahaja akan membantu mengekang penyalahgunaan bahan terkawal, malah dapat memperkukuhkan keselamatan awam dan melindungi generasi masa hadapan daripada ancaman ini.

Bercerita tentang isu pegawai penguat kuasa, saya ingin membangkitkan sekali lagi tentang isu KPSL Pembantu Kesihatan Awam ke Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran iaitu pegawai penguat kuasa di KKM sendiri. Hampir setiap sidang Dewan Negara ini saya telah membangkitkan isu ini, tetapi sampai sekarang tiada jalan penyelesaian. Mereka telah lulus KPSL hampir empat, lima tahun dah, tetapi masih tidak diberi peluang untuk kenaikan pangkat.

Ini adalah peluang saya untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status mereka? Lagi lambat mereka dilantik, lagi lamalah peluang mereka untuk diberi

kenaikan pangkat seterusnya iaitu selepas 13 tahun. Janganlah kita terus memberi harapan palsu kepada mereka. Tunailah hajat dan hargailah usaha murni mereka untuk menyambungkan pelajaran demi memperbaiki kehidupan mereka.

Dato' Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Baharuddin telah menyatakan tentang kebimbangan tentang ketum, soalan saya adalah — pertama, saya ingin menanya tentang isu penanaman ketum, Yang Berhormat. Akta ini masih gagal menangani isu secara menyeluruh. Kita maklum bahawa Akta Racun hanya menghukum mereka yang memproses, mengedar, menggunakan, tetapi tidak mempunyai peruntukan yang jelas yang melarang penanaman ketum. Kalau tak ada peruntukan yang jelas, sudah pasti ramai yang akan ambil kesempatan kelompongan dalam akta ini.

Saya ingin mengimbas kembali kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada waktu itu, pada tahun 2019, Datuk Seri Dzulkefly sewaktu beliau memegang jawatan sebagai Menteri Kesihatan, menyatakan bahawa Akta Racun akan dipinda yang merangkumi kawalan ke atas tumbuhan psikoaktif termasuk penanaman. Yang Berhormat sendiri telah melihat berapa seriusnya masalah ketum sekarang.

Jadi, persoalan saya, Dato' Yang di-Pertua, mengapa isu ini yang pernah dijanjikan belum diselesaikan? Seolah-olahnya Menteri Kesihatan telah lupa tentang janji yang telah dilakukan pada tahun 2019. Adakah kita akan terus membiarkan sindiket ketum mengeksploitasikan jurang undang-undang ini, Dato' Yang di-Pertua?

Kedua, hukuman yang tidak cukup menghalang, *non-deterrent penalty*, dengan izin. Ini mendorong sindiket jenayah untuk terus beroperasi kerana mereka menganggap hukuman ringan tersebut adalah sebagai kos risiko yang kecil berbanding dengan keuntungan besar yang mereka perolehi. Sebagai contohnya, bagi sindiket yang mengedar air ketum secara besar-besaran dengan keuntungan mencecah puluhan ribu sehari, hukuman sedia ada tidak memberi sebarang kesan yang berat. Hukuman ringan ini bukan sahaja gagal menghalang perbuatan jenayah, malah tidak adil berbanding bahaya yang ditimbulkan kepada masyarakat.

Dato' yang di-Pertua, walaupun saya menyokong penuh pindaan ini, saya tidak dapat menahan diri daripada menimbulkan soalan kritikal mengapa kita tidak mengambil pendekatan yang lebih serius terhadap *etomidate*. Negara jiran *Singapore* telah melaporkan bahawa satu daripada tiga cecair *vape* yang diuji mengandungi *etomidate*. Mereka juga telah mengaitkan penggunaan bahan ini dengan kemalangan jalan raya yang maut. Sebagai tindakan balas, *Singapore* telah bertindak drastik dengan mengklasifikasikan *etomidate* sebagai dadah terkawal kelas C di bawah akta penyalahgunaan dadah mereka berkuat kuasa 1 September 2025.

Namun, bahan ini masih di bawah Akta Racun 1992. Mengapa? Adakah kita menunggu insiden tragis serupa berlaku di Malaysia sebelum bertindak? Saya menggesa Kementerian Kesihatan dengan segera mengkaji semula status *etomidate* dan

mengklasifikasikan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Kita tidak boleh memandang ringan bahaya yang dibawa oleh Kpods ini, terutamanya di kalangan golongan muda.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini adalah ke arah langkah yang betul, namun saya juga berharap kerajaan tidak akan berhenti di sini. Kita perlu melihat isu ini secara holistik dan juga komprehensif. Saya mohon agar semua kebimbangan yang saya telah nyatakan tadi, Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB Dr. Lingeshwaran.

Seterusnya, pembahas terakhir, saya jemput YB Senator Datuk Edward Linggu.

3.06 ptg.

Datuk Edward @Linggu bin Bukut: Terima kasih, Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kerana juga turut diberi peluang untuk turut membahas Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025.

Yang di-Pertua, pada hemat saya, RUU ini bukan sahaja amat penting kerana dia bukan sekadar soal teknikal kawalan ubat dan racun, tetapi menyentuh soal kesihatan awam, keselamatan negara serta masa depan generasi muda.

Pertama, saya ingin kongsi sedikit data. Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan polis Sabah, kes di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 meningkat kepada 16,831 kes pada tahun 2024 berbanding dengan 14,713 kes pada 2023 yang lalu. Peningkatan sebanyak 14.5 peratus. Tangkapan juga meningkat daripada 15,509 orang pada 2023 kepada 17,486 orang pada 2024, iaitu naik 12.8 *percent*. Nilai rampasan dadah pula mencecah RM6.98 juta pada 2024, sedikit lebih tinggi berbanding RM6.96 juta pada tahun sebelumnya. Angka-angka ini menunjukkan betapa serius isu dadah dan penyalahgunaan bahan terkawal di Sabah, apatah lagi dengan kedudukan Sabah yang bersempadan dengan Kalimantan.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat global, kajian menunjukkan keracunan farmaseutikal menyumbang kepada kira-kira 190,000 kematian setiap tahun dan memberi tekanan besar terhadap sistem penjagaan kesihatan terutama di negara berpendapatan sederhana rendah. Ini memberi gambaran bahawa isu racun dan ubat terkawal bukan sekadar masalah domestik tetapi sebahagian daripada cabaran global.

Kedua, mengenai dengan kos dan implikasi kepada negara. Kita harus sedar bahawa setiap kes penyalahgunaan atau keracunan membawa beban kepada sistem kesihatan awam dan produktiviti negara. Selain kos rawatan, kita juga kehilangan tenaga kerja produktif, keluarga berpecah belah dan masyarakat yang terjejas akibat jenayah berkaitan dadah.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, cadangan penambahbaikan. Saya ingin mencadangkan beberapa langkah konkrit yang boleh menyokong pindaan ini. Pertama, sistem e-preskripsi nasional. Semua preskripsi ubat terkawal perlu direkod secara digital untuk menutup ruang

doktor *shopping*, di mana pesakit berpura-pura mendapatkan ubat sama dari banyak klinik. Model ini sudah berjaya dilaksanakan di Korea Selatan dan Singapura.

■1510

Kedua, jejak rantaian bekalan secara digital. Ubat terkawal mesti dilabel dan dijejak dari kilang hingga farmasi. Sekiranya berlaku kehilangan dalam rantaian, sistem akan kesan serta merta. Ketiga, penguatkuasaan di CIQS di sempadan Sabah-Kalimantan. Pintu masuk kecil seperti Nunukan, Tawau dan Serudong, Kalabakan wajar dilengkapi teknologi AI *scanning* kerana di sinilah kita difahamkan majoriti pil *Yaba* diseludup masuk.

Dan keempat, Tuan Yang di-Pertua, latihan pakar farmasi luar bandar. Kawalan yang terlalu ketat, jangan sampai menyusahkan hospital daerah atau klinik pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak. Pesakit kronik memerlukan akses yang konsisten kepada ubat terkawal yang sah.

Dan yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang tidak mencukupi tanpa pendidikan. Saya menggesa kerajaan melaksanakan program penerangan menyeluruh mengenai risiko penyalahgunaan ubat terkawal, sama ada melalui sekolah, IPT, media, arus perdana mahupun media sosial agar masyarakat lebih celik mengenai bahaya bahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit masa lagi. Soalan saya, saya ingin mengeluarkan beberapa soalan juga kepada Yang Berhormat Menteri, iaitu apakah jaminan kerajaan bahawa pindaan ini akan disertai dengan sistem digital kawalan preskripsi, supaya masalah *doctor shopping* dapat ditangani? Apakah kerajaan juga bersedia memperkukuhkan kerjasama perisikan bersama CIQS di sempadan Sabah-Kalimantan memandangkan lebih kurang 60 peratus rampasan pil *Yaba* datang dari pintu masuk tersebut?

Dan ketiga, adakah KKM bercadang menambah sistem digital ataupun e-preskripsi bagi menggalakkan pengesanan cepat penyalahgunaan ataupun preskripsi berulang oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab?

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan menyokong penuh RUU Racun (Pindaan) 2025 ini dengan harapan ia benar-benar memperkukuh sistem kawalan negara, melindungi rakyat daripada bahaya penyalahgunaan dan pada masa yang sama memastikan akses adil kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Edward Linggu. Maka, tamatlah sesi perbahasan oleh para Senator bagi Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.13 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada semua Ahli-ahli Senator. Pertama sekali,

saya ingin mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Racun (Pindaan) 2025 iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran dan juga Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Senator Datuk Edward Linggu. Pandangan dan soalan yang dikemukakan adalah penting untuk memperkukuhkan pemahaman kita dalam bersama mengenai keperluan dan matlamat pindaan ini.

Sekali lagi ingin saya tekankan bahawa rang undang-undang ini disediakan untuk tujuan yang jelas untuk memperkukuhkan penguatkuasaan terhadap aktiviti haram yang melibatkan penyalahgunaan racun dan bahan psikotropik dan seterusnya meningkatkan keberkesanan serta kelancaran tindakan agensi penguat kuasa yang berkaitan khususnya PDRM serta kesejahteraan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penggulungan ini saya akan menjawab isu-isu utama yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dengan membahagikan kepada beberapa fokus utama iaitu antaranya mekanisme pelantikan dan kelayakan untuk dilantik sebagai *authorised officer* oleh Yang Berhormat Menteri, sesi-sesi libat urus yang telah wujud, penyenaraian bahan kimia di dalam *vape* dan juga beberapa perkara yang agak menarik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Edward Linggu sebentar tadi.

Menjawab terus kepada Yang Berhormat Senator Datuk Edward, berkenaan tentang gejala *doctor shopping* ini. Ini adalah merupakan mungkin perkara yang tidak difahami oleh kita semua. *Doctor shopping* ini adalah aktiviti-aktiviti pesakit yang melawat ataupun menziarahi pelbagai klinik untuk mendapatkan rawatan dan juga untuk mendapatkan bekalan ubat dan juga untuk tujuan penyalahgunaan dan juga ataupun mendapatkan ubat-ubat ini untuk dipasarkan semula kepada orang-orang yang memerlukan.

Antara solusi-solusi yang pernah difikirkan mengenai tentang gejala *doctor shopping* ini adalah di mana di bawah Kementerian Kesihatan atas kepimpinan Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri yang ingin mewujudkan sistem kesihatan awam — sistem pendigitalan sistem kesihatan di mana kita ingin memperkenalkan *electronic medical record*. Di mana *electronic medical record* ini bukan hanya sekadar kita perkenalkan di premis-premis awam ataupun klinik kesihatan awam dan juga hospital, tetapi akan diperluaskan juga ke klinik-klinik swasta dan juga hospital swasta.

Melalui *electronic medical record* inilah kita akan dapat mengenal pasti trend-trend di mana di dalam rekod digital tersebut terdapat sesuatu yang luar biasa, pembelian ubat-ubat ke klinik-klinik, GP-GP swasta ataupun di mana-mana premis yang menjual perubatan. Itu adalah merupakan salah satu mekanisme yang kita dapat lihat untuk mengelak *doctor shopping* ini berlaku.

Dan juga penggunaan AI. Itu adalah merupakan salah satu kajian yang sedang giat dilakukan oleh pihak industri dan juga pihak-pihak pengkaji di dalam KKM untuk melihat apakah kaedah AI yang dapat membantu untuk kita mengenal pasti kemasukan dadah-dadah ataupun bahan-bahan psikotropik masuk dan juga keluar ke Malaysia. Dan juga,4 kita memfokuskan kepada gejala-gejala aktiviti yang baru di mana kita dapat melihat kemampuan. Bukan kita melihat bahawa masyarakat ataupun pakar-pakar ataupun rakyat Malaysia ini semakin bijak pandai, di mana kita dapat melihat bahawa kemungkinan ada kewujudan makmal-makmal untuk memasak bahan-bahan yang boleh membahayakan terutama sekali dadah.

Untuk menjawab persoalan pertama yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina sebentar tadi. Berkenaan tentang mekanisme ataupun garis panduan pelantikan kelayakan pegawai untuk dilantik sebagai *authorised officer*. Menteri Kesihatan boleh melantik mana-mana orang sebagai *authorised officer* berdasarkan keperluan tertentu. Sudah pasti *authorised officer* itu adalah di kalangan orang yang mempunyai kepakaran di dalam bidang tersebut di kawasan yang juga berisiko tinggi atau lokasi yang telah dikenal pasti berlaku pelanggaran Akta 366, khususnya kawasan yang tidak mempunyai kehadiran *authorised officer* tersebut.

Akta spesifik di bawah kementerian, agensi terlibat termasuk yang bakal digubal tidak mencukupi untuk memberi kuasa kepada pihak yang berkaitan untuk mengambil tindakan ke apa-apa aktiviti yang melanggar Akta 366. Walaupun demikian, saya juga akur kepada pandangan Yang Berhormat Senator berkenaan tentang pelantikan dan juga pemilihan *authorised officer* ini bukanlah hanya sekadar untuk suka-suka ataupun lantikan yang dikatakan lantikan politiklah, tetapi lantikan yang menjurus kepada untuk menyelesaikan masalah-masalah di mana kita tidak mempunyai perundangan yang baik bagi menempatkan pegawai-pegawai di lokasi-lokasi yang tertentu.

Dalam mempertimbangkan pelantikan tersebut, Kementerian Kesihatan akan menjalankan penilaian menyeluruh yang merangkumi aspek berikut:

- (i) keperluan dan kepentingan di dalam perkhidmatan;
- (ii) kebolehlaksanaan penguatkuasaan;
- (iii) keupayaan mengawal serta memastikan integriti rantai dan keterangan;
- (iv) tahap kelayakan yang bersesuaian dengan fungsi yang bakal dilaksanakan;
- (v) kesediaan sumber manusia termasuk latihan serta penyediaan *facilities* dan keperluan logistik yang mencukupi; dan
- (vi) aspek teknikal dan juga operasi yang berkaitan.

Pelantikan hanya akan dimuktamadkan setelah terdapat ketetapan dasar bersama antara semua kementerian dan agensi yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan kuasa tersebut tersusun, teratur serta mengelakkan pertindihan fungsi antara satu sama dan lain. Saya bersetuju garis panduan berkaitan akan diteliti dan boleh disediakan di peringkat agensi atau kementerian berkenaan tertakluk kepada keperluan semasa.

Menjawab berkenaan tentang sesi libat urus, di mana terdapat — dibangkitkan ketiadaan sesi libat urus di kalangan profesional di mana rang undang-undang ini — cadangan pindaan tersebut sebenarnya telah pun, telah mendapat pengecualian daripada menjalani proses *regulatory impact analysis* (RIA) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

■1520

Namun begitu, terdapat beberapa siri libat urus dengan pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dengan penguatkuasaan di bawah akta ini. Termasuk pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya PDRM, Kastam Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pertahanan telah diadakan.

Kami mengakui bahawa tiada sesi libat urus diadakan dengan kumpulan profesional perubatan seperti ahli farmasi, pengamal perubatan dan pengamal pergigian kerana pindaan ini tidak melibatkan sebarang perubahan terhadap pelaksanaan kuasa penguatkuasaan ke atas kumpulan ini. Kuasa pemantauan dan pengawasan ke atas kumpulan ini kekal di bawah pelaksanaan pegawai penguasa dadah di bawah kawal selia Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan.

Walaupun demikian juga, kita mengguna pakai sesi libat urus bersama Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan Parlimen telah pun mengadakan sesi libat urus pada 22 Oktober 2024 dan JKPK telah bersetuju untuk cadangan pindaan tersebut.

Mengenai adakah bahan kimia yang disalah guna digunakan dalam *vape* akan disenaraikan sebagai bahan larangan? Penyenaraian racun di bawah Akta Racun 1952 adalah berdasarkan bahan kimia baharu yang muncul dan memberi risiko kepada masyarakat sekiranya tidak dikawal. Sekiranya didapati ada bahan-bahan yang ditemui yang wajar dikawal sebagai racun, bahan itu boleh diteliti dan boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan sebagai racun.

Walau bagaimanapun, dalam konteks kawalan *vape*, hanya nikotin sahaja yang dikecualikan penggunaan dalam *vape*. Di mana Yang Berhormat Dr. Lingesh telah pun membangkitkan isu tersebut. Kita akan mengambil maklum dan juga memang kita tidak ingin sesuatu perkara baru berlaku, baru kita mengambil tindakan.

Dan juga berkenaan tentang keperluan audit dan juga pelaporan kepada Parlimen, orang awam mengenai aktiviti penguatkuasaan lantikan pegawai. Setiap badan kerajaan tertakluk kepada mekanisme semak imbang yang sedia ada, termasuk proses pengauditan

oleh Jabatan Audit Negara. Mekanisme ini memastikan akauntabiliti, ketelusan serta tadbir urus yang baik dalam pelaksanaan fungsi penguatkuasaan.

Laporan Ketua Audit Negara akan diterbitkan dan boleh dicapai oleh pihak umum. Semua agensi penguasaan turut tertakluk kepada pemantauan berterusan oleh agensi kawal selia integriti termasuk SPRM dan juga Suruhanjaya Integriti Agensi Penguasa (EAIC) di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguasaan 2009.

Dan juga berkenaan tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran di Malaysia berkenaan tentang *etomidate* tidak dikategorikan sebagai dadah bahaya di bawah Akta Berbahaya 1992. Walau bagaimanapun, bahan ini dikawal sebagai racun di bawah Akta Racun 1952, Akta 366. *Etomidate* telah disenarai sebagai Racun Kumpulan B di mana penggunaannya tertakluk kepada kawalan yang ketat.

Penjualan atau pembekalan secara runcit hanya dibenarkan untuk tujuan rawatan perubatan, pergigian, haiwan oleh pengamal perubatan berdaftar, pengamal pergigian berdaftar atau doktor veterinar berdaftar, serta ahli farmasi berdaftar berdasarkan preskripsi sah daripada pengamal-pengamal tersebut. Sebarang ketidakpatuhan peruntukan Akta 366 merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang. Hukuman yang diperuntukkan termasuk denda sehingga 50,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Berkenaan isu yang dibangkitkan tentang ketum. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat berkenaan tentang ketum. Di Dewan Rakyat juga Tuan Yang di-Pertua, dibangkitkan apakah status ketum dan terima kasih kepada Dr. Lingesh juga. Sebenarnya beliau telah pun menjawab persoalan yang sebenarnya menjadi permasalahan tentang isu ketum di mana Akta 366 tidak mempunyai kuasa untuk menanam isu-isu yang berkaitan tentang peruntukan berkaitan tentang penanaman ketum.

Dan juga saya juga menyemak isu yang dibangkitkan berkenaan tentang komitmen Yang Berhormat Menteri berkenaan tentang isu yang berkaitan ketum ini. Pihak Kementerian Kesihatan pernah mencadangkan kawalan ketum di bawah Akta Racun 1952 melalui rancang Rang Undang-undang Racun Pindaan 2019. Namun, RUU Racun Pindaan 2019 telah ditarik balik daripada pembentangan di Parlimen pada 4 November 2020, setelah mengambil kira bahawa perbincangan lanjut diperlukan untuk memperhaluskan cadangan kawalan merangkumi aspek penguatkuasaan, kajian saintifik dan juga komersial.

Bagi memperhalusi cadangan kawalan ketum ini, Jawatankuasa Induk Kajian Kebolehgunaan Kanabis dan Ketum untuk tujuan perubatan telah ditubuhkan. Jawatan induk ini dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal Kajian Kebolehgunaan Kanabis dan Ketum untuk tujuan perubatan yang diterajui oleh MARDI. Kajian dalam Jawatankuasa Teknikal telah selesai dilaksanakan dan dalam peringkat pemurnian penyediaan laporan akhir sebelum dapat dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk.

Sehubungan itu, kawalan berkaitan ketum hanya akan dimuktamadkan setelah hasil kajian ini diputuskan. Dan juga daun ketum ini mengandungi alkaloid, mitragyna yang merupakan bahan yang dikawal oleh sebagai Racun Kumpulan A dan juga Racun Kumpulan D yang mengandungi mitragyna untuk kegunaan makmal di bawah Jadual Pertama Akta Racun 1952 dan bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga akta yang sama. Bermaksud Yang Berhormat Senator, kita masih lagi boleh menggunakan penguatkuasaan. Dan di situlah kita perlu.

Saya bersetuju bahawa sesi libat urus yang lebih komprehensif perlu diadakan bagi melatih penguat kuasa-penguat kuasa ataupun *authorised officers* yang akan kita lantik supaya mempunyai pengetahuan yang lebih komprehensif. Dan juga berkenaan tentang kempen-kempen berkenaan penyalahgunaan racun-racun. Kami akan mempergiatkan lagi kempen-kempen ataupun literasi dan juga *educations* dengan izin program-program literasi.

Dan juga akan mungkin mengadakan kerjasama bersama dengan Kementerian Pendidikan agar perkenalan kepada racun-racun bahaya ini dapat disebarluaskan pengetahuannya kepada kanak-kanak, remaja dan juga pelajar-pelajar mahupun di peringkat rendah, atas dan juga di peringkat tinggi. Satu kerjasama yang perlu di antara semua kementerian dan kami di Kementerian Kesihatan tidak boleh bekerja secara *silo*.

Bagi persoalan-persoalan yang khusus mengenai tentang *vape*. Isu berkenaan tentang *vape* ini akan ditangani secara menyeluruh melalui penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] yang berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024. Akta ini mengawal semua produk merokok termasuk rokok konvensional dan rokok elektronik secara setara.

Dan juga saya mengucapkan sangat-sangat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan pandangan bahawa saya sangat gembira respons daripada wakil-wakil rakyat di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Di mana kesedaran untuk mengharamkan *vape* itu semakin meningkat. Berbanding ketika pada mula-mula Kementerian Kesihatan ingin membentangkan satu rang undang-undang berkaitan dengan *generational end-game*. Di mana ketika itu ramai di kalangan wakil-wakil rakyat masih kabur berkenaan tentang pengharaman *vape* ini.

Kita telah pun melihatkan kesan. Walaupun demikian, kesan *vape* dan juga racun-racun yang terkandung di dalam *vape* ini memerlukan satu kajian yang komprehensif. Pihak PDRM, pihak KKM dan juga agensi-agensi berkaitan akan memberikan jawapan secara teknikal berkenaan adakah keperluan untuk kita mengharamkan *vape* pada masa yang akan datang. Senario ini sedang dikaji dengan teliti dan juga Yang Berhormat Menteri telah pun mengeluarkan satu kenyataan beberapa kali di dalam sidang media di mana isu-isu berkaitan tentang *vape* ini akan ditelitikan dan juga akan dibawa ke kertas cadangan kepada Kabinet pada masa yang akan datang.

Dan juga selain daripada itu, mana-mana persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan dan tidak dijawab oleh saya, kami akan menelitikan soalan-soalan tersebut dan juga akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan menyuarakan pandangan terhadap rang undang-undang ini.

Keseluruhan cadangan pindaan terhadap Akta Racun 1952 [Akta 366] ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengukuhkan keupayaan penguatkuasaan negara dalam menangani penyalahgunaan racun dan bahan psikotropik yang kian meningkat, tanpa menjejaskan amalan profesional serta fungsi agensi sedia ada. Kawalan racun dan bahan psikotropik yang berkesan bukan sahaja melindungi nyawa dan kesihatan masyarakat, malah mengukuhkan sistem perundangan, ekonomi dan keselamatan negara.

Pindaan Akta 366 ini akan memberikan kesan positif seperti tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan dan teratur dalam mengekang penyalahgunaan racun dan bahan psikotropik, pemerkasaan aktiviti penguatkuasaan di lapangan dan memberi kuasa kepada agensi kerajaan yang terlibat untuk bertindak pantas terhadap pelanggaran undang-undang serta menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat dari risiko penyalahgunaan bahan yang boleh menggugat kestabilan sistem kesihatan awam.

■1530

Kementerian ini sentiasa komited untuk memastikan sebarang pelaksanaan kuasa di bawah Akta 366 dibuat secara bertanggungjawab, berintegriti dan berlandaskan perundangan yang jelas serta garis panduan dan prosedur operasi standard yang teratur. Keseimbangan antara keperluan penguatkuasaan dan jaminan terhadap hak serta kepakaran profesion kesihatan akan terus menjadi keutamaan dalam pelaksanaan pindaan ini.

Sebelum saya menamatkan penggulungan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam sesi soalan-soalan lisan, yang mengemukakan soalan-soalan kepada Kementerian Kesihatan dan kami sedar bahawa kami mempunyai tanggungjawab yang besar.

Juga, kita akan melaksanakan transformasi, reformasi kesihatan bagi memberikan kesenangan dan juga rasa sedap ataupun nyamanlah, orang Sarawak cakap, kepada rakyat di negara ini, di mana Kerajaan MADANI memberikan komitmen yang besar untuk memastikan rakyat-rakyat kita sihat dan juga mendukung falsafah Malaysia MADANI.

Juga, saya ingin mengambil kesempatan kepada semua Yang Berhormat Senator, saya ingin menyampaikan salam Selamat Hari Malaysia dan juga saya sendiri berpegang kepada hari ini kita Malaysia, semalam kita Malaysia, esok pun kita Malaysia dan kita akan

jaga Malaysia secara baik-baik. *[Tepuk]* Sekian, terima kasih. Sekian sahaja penggulungan saya pada hari ini.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Ekonomi (Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk memberikan ucapan. Saya nampak Timbalan Menteri pun ada hari ini. Dua-dua yang ada. Terima kasih.

3.35 ptg.

Menteri Pendidikan [Puan Fadhlina binti Sidek]: Ada Tuan Speaker. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, *it takes a village to raise a child*. Dalam konteks hari ini, *it takes a MADANI to raise a child*. Dalam semangat Malaysia MADANI yang mengangkat nilai

kemanusiaan, keadilan dan tanggungjawab sosial, Kementerian Pendidikan Malaysia tampil dengan satu langkah yang berani dan berpandangan jauh melalui cadangan pindaan kepada Akta Pendidikan 1996 iaitu Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 berhubung pelanjutan dasar pendidikan wajib dari pendidikan rendah hingga pendidikan menengah.

Untuk makluman, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] telah melalui beberapa siri pindaan sejak ia mula dikuatkuasakan. Setakat ini, akta ini telah dipinda sebanyak tiga kali. Pindaan pertama dibuat pada tahun 2003 yang memperkenalkan pelaksanaan pendidikan rendah sebagai pendidikan wajib melalui seksyen 29A. Pindaan kedua pula dilaksanakan pada tahun 2009 yang melibatkan penstrukturan semula, institut pendidikan guru serta penambahbaikan kurikulum prasekolah. Manakala pindaan ketiga pada tahun 2015 adalah selaras dengan Dasar Transformasi Pendidikan Vokasional yang dizahirkan melalui penjenamaan semula sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pendidikan wajib bukanlah satu dasar baru. Ia telah mula dilaksanakan pada 1 Januari 2003 melalui seksyen 29A, Akta Pendidikan yang mewajibkan pendidikan formal bagi kanak-kanak. Namun, pelaksanaannya hanya meliputi peringkat pendidikan rendah. Sejak pelaksanaan dasar ini pada tahun 2003, kita telah menyaksikan peningkatan enrolmen yang ketara. Kadar penyertaan murid pada tahun 2003 berada pada 92.9 peratus dan telah melonjak kepada 99.39 peratus pada tahun 2024, melepasi secara enrolmen sejagat yang ditetapkan oleh UNESCO. Ini adalah pencapaian hasil iltizam dan kesungguhan seluruh warga pendidikan serta sokongan masyarakat.

Namun, enrolmen pendidikan menengah masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Berdasarkan data semasa, kadar enrolmen menengah rendah ialah 96.31 peratus, manakala menengah atas hanya 92.6 peratus. Ini menunjukkan bahawa masih ada anak-anak kita yang tercicir daripada sistem pendidikan selepas tamat persekolahan di Tahun 6. Murid yang tidak meneruskan pendidikan menengah berdepan dengan kekangan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana ketiadaan Sijil Pelajaran Malaysia atau sijil yang setara. Keadaan ini bukan saja menjejaskan prospek kerjaya mereka, malah meningkatkan risiko keterlibatan dalam masalah sosial dan salah laku jenayah.

Jika kita melihat dari sudut perbandingan antarabangsa, tempoh pendidikan wajib di negara lain adalah antara enam hingga 13 tahun. Malaysia yang menetapkan hanya enam tahun pendidikan wajib berada pada tahap paling minimum. Maka, sudah tiba masanya kita melangkah ke hadapan dan menyelaraskan dasar ini dengan keperluan semasa serta amalan terbaik antarabangsa.

Pindaan terhadap Akta Pendidikan 1996 ini membawa satu perubahan yang amat signifikan dalam landskap pendidikan negara. Dengan menetapkan pendidikan menengah sebagai pendidikan wajib, kita membuka ruang yang lebih luas untuk anak-anak kita meneruskan pembelajaran sehingga tamat pendidikan di Tingkatan 5. Langkah ini bukan

sahaja memperkukuh peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, tetapi juga menyediakan asas yang kukuh untuk memasuki alam pekerjaan dengan lebih berdaya saing. Ini kerana pendidikan menengah adalah fasa penting dalam pembentukan jati diri, kemahiran dan pemikiran kritis yang diperlukan dalam alam dewasa.

Pelanjutan dasar ini juga membawa harapan besar dalam menangani isu sosial yang semakin meruncing. Apabila murid kekal berada dalam sistem persekolahan, kita dapat mengurangkan dan menangani isu keciciran, menangani isu perkahwinan bawah umur dan pelbagai gejala sosial lain yang berpunca dari ketiadaan akses kepada pendidikan. Walaupun kadar enrolmen pendidikan rendah telah mencapai 99.39 peratus, enrolmen pendidikan menengah secara keseluruhan masih berada di bawah paras sejagat iaitu 94.86 peratus. Ini adalah cabaran yang perlu diberikan perhatian serius. Justeru itu, sebagai salah satu mekanisme untuk menangani isu keciciran, KPM bertekad untuk mewajibkan pendidikan menengah.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin barangkali menyentuh bagaimana inisiatif ini sangat penting bahawa dalam konteks melihat kepada bahagian yang dipinda dalam rang undang-undang ini, fasal 1 hingga 4.

Rang Undang-undang Pendidikan 2025 berhubung pelanjutan dasar pendidikan wajib dari pendidikan rendah hingga pendidikan menengah yang dibentangkan hari ini mengandungi empat fasal utama yang bertujuan untuk melanjutkan pelaksanaan dasar pendidikan wajib daripada peringkat rendah ke peringkat menengah.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 Akta 550 dengan menggantikan takrif pendidikan wajib supaya ia merangkumi pendidikan menengah selaras dengan hasrat pindaan ini.

Fasal 3 pula meminda subseksyen 29A(2) bagi menekankan kedudukan kanak-kanak warganegara sebagai pihak pemegang taruh terpenting dalam agenda pemerkasaan pendidikan negara.

Fasal 4 adalah fasal yang signifikan dalam pindaan ini. Ia memperkenalkan seksyen baharu 32A yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan pendidikan menengah sebagai pendidikan wajib. Seksyen ini juga memperuntukkan mekanisme pengecualian kuasa membuat peraturan pelaksanaan serta tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan anak mereka didaftarkan dan kekal sebagai murid di institusi pendidikan menengah. Turut dimasukkan ialah peruntukan penalti bagi pelanggaran subseksyen 32A(2) yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga memberikan penegasan penting dalam soal pindaan ini. Semangat pindaan ini bukan terletak pada hukuman, tetapi melalui pendidikan dan kesedaran yang berterusan. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperkukuh tanggungjawab bersama dalam memastikan anak-anak kita tidak tercicir daripada sistem pendidikan. Ini adalah langkah reformasi yang menyantuni realiti, berpandangan jauh dan berpaksikan nilai ihsan.

Nilai ihsan di bawah rangkuman rukun MADANI menjadi paling dan rukun dan tunggak utama dalam menggerakkan pindaan rang undang-undang ini. Ihsan dalam kaca mata memandang anak-anak ini dengan kasih sayang. Ihsan sebagai kerajaan yang sentiasa mengutamakan keperluan rakyat khususnya dalam bidang pendidikan. Ihsan dalam memastikan tiada anak-anak yang berpinggir dalam arus pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, pelanjutan dasar pendidikan wajib ke peringkat menengah bukan sekadar pindaan perundangan. Ia adalah satu langkah reformasi yang menuntut pelaksanaan yang menyeluruh, bersepadu dan berterusan. Justeru, KPM komited untuk memastikan pelaksanaan pindaan ini disokong oleh dasar, program dan pendekatan yang menyantuni realiti masyarakat.

Pelanjutan dasar pendidikan wajib ke peringkat menengah adalah antara langkah awal yang memperkukuh asas kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2026-2035 yang sedang digarap oleh KPM. Ia mencerminkan kesungguhan KPM untuk memastikan pendidikan bukan sahaja bersifat menyeluruh, tetapi juga responsif terhadap cabaran masa depan termasuklah perubahan demografi, keperluan tenaga kerja dan pembangunan modal insan yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2020 ini bukan sekadar satu usaha pentadbiran, ia adalah manifestasi tekad Kementerian Pendidikan untuk memperkukuh sistem pendidikan negara, menjamin hak-hak anak-anak kita dan membina masa depan yang lebih cerah untuk Malaysia.

Kementerian Pendidikan dengan rendah hati dan penuh harapan menyeru agar pindaan ini diterima baik oleh semua pihak, Ahli Yang Berhormat Senator sekalian, ibu bapa, masyarakat dan seluruh pihak berkepentingan dalam ekosistem pendidikan negara. Marilah kita bersama-sama menjayakan usaha ini demi memastikan setiap anak Malaysia mendapat hak pendidikan yang dijanjikan dan demi masa depan negara yang lebih sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan agar Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 berhubung pelanjutan dasar pendidikan wajib dari pendidikan rendah hingga pendidikan menengah disokong dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 15 orang ahli yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan di sini bahawa masa yang diberikan adalah selama 5 minit seorang. Untuk itu, saya persilakan pembahas yang pertama, YB Senator Dato' Sivaraj Chandran: 5 minit ya YB.

3.45 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan berhubung dengan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 iaitu satu pindaan yang kelihatan ringkas dari segi teks, tetapi amat besar dari segi falsafah, implikasi dan hala tuju negara.

Pertama sekali, izinkan saya tegaskan bahawa pendidikan bukan sekadar soal menambah bilangan sekolah atau memanjangkan tahun persekolahan. Pendidikan adalah soal membentuk manusia, insan yang berfikir, berdisiplin, bermoral, berilmu dan akhirnya mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Pindaan ini memberi kuasa kepada Menteri untuk menjadikan pendidikan menengah sebagai pendidikan wajib. Dari segi prinsip, hasrat ini adalah baik. Tiada siapa yang boleh menolak kepentingan memastikan setiap anak Malaysia mendapat peluang pendidikan sekurang-kurangnya sehingga peringkat menengah, tetapi sebagaimana yang pernah diingatkan oleh seorang negarawan kita, pendidikan bukan hanya tentang masuk sekolah, tetapi tentang apa yang keluar daripada sekolah itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada empat perkara yang perlu kita renungkan secara kritikal dalam RUU ini. Yang pertamanya apakah kita sudah benar-benar bersedia? Sekolah rendah pun masih ada masalah, murid keciciran, kemudahan asas yang tidak seragam, jurang antara bandar dan luar bandar yang ketara, mutu pengajaran yang berbeza-beza. Jika sekolah rendah pun masih gagal menyelamatkan sebagai anak bangsa daripada buta huruf, maka menjadikan sekolah menengah sebagai wajib tanpa persediaan menyeluruh boleh menjadi sekadar beban undang-undang.

Yang kedua, kualiti lebih penting daripada kuantiti dengan izin, *we don't just want people who can read and write, we want people who can think*. Kalau kita paksa anak-anak pergi ke sekolah menengah, tetapi mereka keluar tanpa kemahiran berfikir, tanpa disiplin, tanpa kemampuan untuk hidup dalam dunia moden, maka kita hanya menipu diri sendiri.

Ketiga, impak terhadap masyarakat. Denda dan hukuman terhadap ibu bapa yang gagal menghantar anak ke sekolah menengah perlu diteliti dengan bijaksana. Jangan sampai undang-undang ini menghukum golongan miskin yang sebenarnya bukan tidak mahu menghantar anak ke sekolah, tetapi terhalang oleh masalah sosioekonomi mereka. Sebelum menghukum, kita wajib menyokong.

Dan keempat, pendidikan teknikal dan vokasional. Tidak semua anak-anak akan berjaya dalam aliran akademik. Kita jangan terus-menerus menekankan akademik semata-mata. Negara maju seperti Jerman, Jepun, Korea membina kekuatan mereka melalui pendidikan teknikal dan latihan vokasional. Sekiranya kita hanya paksa masuk sekolah menengah aliran akademik tanpa laluan vokasional yang kuat, kita hanya melahirkan graduan yang kecewa, bukan kerana kerja yang produktif.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti rang undang-undang ini secara holistik, saya ingin membawa beberapa cadangan konstruktif supaya kerajaan dapat melaksanakannya semasa pelaksanaan penuh akta ini.

Pertamanya, sebelum pendidikan menengah dijadikan wajib, kerajaan perlu memastikan asas pendidikan rendah benar-benar kukuh. Tidak ada keciciran, tidak ada sekolah yang cukup guru, tidak ada murid yang tamat Darjah 6, tetapi masih tidak mampu membaca dengan baik.

Kedua, jika pendidikan menengah dijadikan wajib biarlah ia berbentuk pelbagai laluan. Akademik, teknikal, vokasional, pertanian, industri kreatif, malah latihan keusahawanan. Anak-anak kita tidak sama, janganlah kita paksa mereka semua melalui pintu yang sama.

Ketiga, kerajaan mesti mengikat pindaan ini dengan satu komitmen jangka panjang iaitu menyediakan bajet pendidikan yang cukup, melatih guru dengan lebih baik, memperkukuhkan kurikulum dan membina sistem sokongan supaya tiada anak tercicir hanya kerana faktor kemiskinan atau lokasi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan pendidikan adalah pelaburan terpenting negara kita. Kita boleh bina lebuh raya, bangunan pencakar langit, pelabuhan moden tetapi semua itu tidak akan berguna jika manusia yang menggunakannya tidak berilmu, tidak berdisiplin dan tidak berakhlak. Pindaan ini tidak salah tetapi pindaan ini hanya akan bermakna jika ia dilaksanakan dengan kesedaran bahawa pendidikan bukanlah urusan pentadbiran semata-mata tetapi urusan membina tamadun bangsa.

Seorang negarawan pernah mengingatkan kita, bangsa yang lemah tidak akan dihormati. Bangsa yang berilmu, berdisiplin, bermaruah akan dihormati walaupun kecil sekalipun.

Maka marilah kita menyokong pindaan ini dengan penuh tanggungjawab sambil memastikan bahawa undang-undang ini tidak menjadi beban di atas kertas, tetapi benar-

benar menjadi pemangkin untuk melahirkan generasi yang mampu membawa Malaysia ke hadapan. Terima kasih.

■1550

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dato' Sivaraj. Tepat kepada isu. Terima kasih.

Seterusnya, saya jemput YB Senator Dr. Lingeshwaran.

3.50 ptg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini hari ini untuk menyokong Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 yang amat penting. RUU ini merupakan satu pelaburan besar untuk masa depan setiap anak-anak kita demi memastikan tiada seorang pun yang tercicir dalam pendidikan.

Akta Pendidikan 1996 sedia ada hanya mewajibkan pendidikan di peringkat rendah sahaja. Ini bermakna bahawa undang-undang sekarang setiap ibu bapa bertanggungjawab memastikan anak mereka bersekolah sehingga Tahun 6. Seksyen 29A akta tersebut jelas memperuntukkan bahawa ibu bapa yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-dua sekali.

RUU Pendidikan (Pindaan) 2025 ini mengambil langkah yang lebih jauh. Ini bukan sahaja memperkukuhkan kewajipan pendidikan rendah, tetapi juga mewajibkan pendidikan menengah. Ini bermakna ibu bapa yang gagal mendaftarkan atau menghantar anak ke sekolah menengah kini boleh dikenakan hukuman.

Kita sedia maklum bahawa sejak tahun 2003, Malaysia sudah pun mempunyai undang-undang yang mewajibkan pendidikan rendah. Malah, kadar penyertaan pelajar di sekolah rendah belum mencapai 100 peratus. Namun begitu sehingga hari ini, tidak ada rekod kes ke atas ibu bapa yang tidak menghantar anak-anak ke sekolah.

Persoalan saya kepada Menteri, apa gunanya ada undang-undang jika pelaksanaan hanya sekadar simbolik dan tidak pernah dikuatkuasakan? Undang-undang Pendidikan Sekolah Rendah itu wujud hanya untuk hiasan dalam buku undang-undang tanpa sebarang tindakan yang konkrit. Sekarang kerajaan mencadangkan pula untuk mewajibkan pendidikan menengah. Apakah jaminan bahawa ia tidak akan menjadi undang-undang yang hanya indah di atas kertas? Sekadar mengugut ibu bapa dengan denda RM5,000 atau penjara enam bulan tetapi akhirnya tidak dilaksanakan.

Realitinya, masalah keciciran murid menengah bukanlah semata-mata kerana ibu bapa tidak mahu menghantar anak-anak ke sekolah. Ada faktor lain seperti kemiskinan, keperluan bekerja awal, kecenderungan terhadap TVET, isu sosial keluarga, lokasi pedalaman dan motivasi murid sendiri.

Jika ada mekanisme baru yang akan memastikan masalah keciciran ditangani secara menyeluruh dan bukan sekadar meletakkan kesalahan di atas ibu bapa. Adakah kerajaan mempunyai pelan intervensi selain daripada hukuman? Contohnya bantuan pengangkutan, biasiswa, program motivasi, laluan fleksibel TVET, sekolah alternatif atau bekerjasama dengan NGO supaya pelaksanaan pendidikan menengah wajib ini benar-benar realistik.

Soalan saya kepada Menteri. Bolehkah Menteri nyatakan berapa sekolah menengah baru akan dibina khusus bagi menampung pelaksanaan pendidikan menengah wajib ini dan bila ia akan siap? Bagaimana pula dengan kerajaan menangani isu kekurangan guru terutamanya dalam mata pelajaran kritikal dan di kawasan luar bandar seperti Sabah dan juga Sarawak?

Dato Yang di-Pertua, walaupun saya membangkitkan persoalan, kebimbangan dan isu pelaksanaan saya tetap menyokong RUU ini kerana pendidikan menengah wajib adalah langkah penting untuk masa depan negara kita. RUU ini membuktikan komitmen Kerajaan MADANI yang tidak hanya bercakap, tetapi melaksanakan dasar berani demi memastikan setiap anak Malaysia mendapat peluang pendidikan yang adil.

Apa yang kita harapkan ialah undang-undang yang ini dikuatkuasakan dengan tegas sambil menangani masalah asas seperti kemiskinan, akses sekolah di pedalaman dan laluan pendidikan kemahiran. Terima kasih, Dato' Seri.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dr. Lingeshwaran.

Seterusnya, saya persilakan YB Senator Tuan Mohd Hasbie.

3.54 ptg.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum* dan selamat petang. Terima kasih untuk Dato Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama membahaskan RUU ini. Pertama kali izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada kerajaan atas keprihatinan untuk membawa RUU Pendidikan (Pindaan) 2025 ini.

Pindaan ini bukan sahaja menggambarkan iltizam kerajaan dalam memperkukuhkan sistem pendidikan negara bahkan melambangkan kesungguhan untuk menegakkan prinsip keadilan sosial dalam pendidikan. Keputusan ini bukanlah suatu yang kecil, tapi satu langkah besar yang akan membentuk wajah masa depan anak-anak kita dan sekali gus mencorakkan arah tuju negara.

Langkah menjadikan pendidikan menengah sebagai wajib adalah satu keputusan yang progresif. Selama ini kita hanya meletakkan pendidikan rendah sebagai wajib. Namun, dunia hari ini menuntut lebih daripada itu. Ilmu pengetahuan dan kemahiran asas tidak lagi memadai pada tahap rendah semata-mata. Sebaliknya, pendidikan menengah perlu menjadi tapak kukuh untuk melahirkan generasi yang mampu bersaing.

Anak petani di kampung, anak pekerja kilang di bandar atau anak nelayan di pesisiran pantai semuanya berhak menikmati akses pendidikan yang setara. Inilah wajah sebenar keadilan pendidikan yang menzahirkan roh perlembagaan serta aspirasi negara bangsa yang menekankan perpaduan dan mobiliti sosial.

Sehubungan dengan itu, seksyen baharu 32A yang dimasukkan dalam akta ini amat penting kerana ia memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan pendidikan menengah sebagai suatu yang wajib.

Kuasa ini bukan sekadar untuk menguatkuasakan undang-undang, tetapi juga untuk memastikan tiada anak yang terpinggir, tetapi dalam undang-undang ini yang kita nampak ialah mewajibkan ibu bapa itu untuk mendaftarkan dan mengekalkan anak itu untuk terus belajar. Cuma soalan saya ialah adakah tindakan ini akan diambil kepada ibu bapa yang tidak mendaftarkan sahaja ataupun ibu bapa yang mendaftarkan, tapi anak tak datang sepanjang sekolah kan? Jadi, adakah itu kita telah teliti dengan sebaiknya?

Kemudian ada disebut oleh rakan tadi tentang dari segi enrolmen. Kita nampak bahawa ada peningkatan. Sekolah rendah meningkat, menengah juga ada peningkatan, tetapi kita tahu mereka yang tak pergi ke sekolah ini yang tak mendaftar ini salah satu faktornya juga ialah masalah kewangan ataupun pendapatan keluarga. Kebetulan saya dalam soalan bertulis ini, Menteri memberikan jawapan yang sangat lengkap dan daripada jawapan ini, kerajaan sebenarnya telah menyediakan 18 jenis bantuan persekolahan untuk pelajar kita.

Satu jumlah yang besar dan angkanya saya difahamkan tahun lepas sahaja kita lebih RM1 bilion untuk bantuan pendidikan kepada anak-anak kita. Tahun ini juga jumlah yang sama. Saya mencadangkan bahawa kita menunjukkan satu pertambahan yang sangat progresif dalam pemberian subsidi ataupun pemberian bantuan tunai STR.

SARA juga kita beri bantuan tambahan RM2 juta kepada bukan hanya pada mereka yang layak, tetapi kepada semua. Saya mencadangkan kalau kita ada kelebihan dari segi kewangan, kita tumpukan pendidikan. Kita tumpukan daripada RM1 bilion untuk bantuan pelajar miskin ini kepada RM2 bilion ataupun RM3 bilion. Kerana kita tahu bantuan-bantuan tunai inilah satu bentuk bayaran pindahan. Ianya bukan satu bayaran yang produktif, tetapi kalau kita tumpu kepada pendidikan anak-anak, ini akan membantu meningkatkan enrolmen pelajar-pelajar kita bukan hanya di peringkat sekolah menengah, tetapi juga selepas SPM itu. Cuma, saya nak mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula dari segi syarat.

Sekarang ini kelayakan untuk anak-anak yang mendapat Biasiswa Kecil Persekutuan, saya difahamkan dah dinaikkan daripada RM1,300, RM1,400 kepada RM2,500 lebih, tetapi saya mencadangkan sebab gaji minimum kita sekarang RM1,700. Kalau mak dia RM1,700, ayah RM1,700 dah RM3,400. Jadi, saya mencadangkan ada kriteria bagi pelajar yang dalam kategori miskin tegar jumlahnya mungkin lebih besar diberikan bantuan. Bagi mereka yang berpendapatan RM3,400 ke bawah juga mestilah layak untuk mendapat Bantuan Kecil

Persekutuan ini supaya dapat membantu mereka untuk pergi ke sekolah membiayai belanja sepanjang berada di sekolah itu.

Oh, dah habis Dato Yang di-Pertua. Saya hari ini ada empat RUU. Saya tak ambil RUU yang tiga lagi. Harapannya dapat lebih dekat sinilah. Sebab ada sedikit lagi.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Kita ada 5 minit, tapi saya tambah bagi tambahan 1 minit.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Tambahan okey. Dato Yang di-Pertua, dalam menjunjung prinsip keadilan ini, kita juga jangan melupakan murid berkeperluan khas. Kita faham memang tumpuan oleh kementerian sangat baik. Saya pergi ke beberapa sekolah, kemudahan itu sangat baik. Ada TV dan sebagainya, tetapi kita harus terus mempertimbangkan mungkin keperluan-keperluan tambahan kerana mereka ini berbeza. Ada yang lebih sesuai mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi. Ada yang memerlukan pusat intervensi khas dan sebagainya. Panjang saya ingat masa kita. Satu lagi yang saya rasa menarik yang perlu kerajaan teliti juga ialah kita punya sekolah model khas komprehensif kita, K9, K11.

■1600

Saya ucap terima kasih kepada Menteri, beri tumpuan untuk — saya ingat Pulau Redang, yang baru-baru ini Pulau Redang. Ramai anak-anak, ibu bapa *WhatsApp* ucap terima kasih kerana mereka tak perlu lagi fikir untuk nak ulang-alik daripada pulau ke tanah besar. Mereka akan dalam masa yang terdekat akan dapat. Cuma saya cadangkan model K9 itu kita *complete*-kan terus kepada K11.

Maknanya dia boleh terus belajar sehingga ke Tingkatan 5. Dia tak perlu berhenti sehingga ke Tingkatan 3 dan pergi ke tanah besar untuk sambung pelajaran. Apa pun, saya ucap tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas perubahan, reformasi pendidikan yang sangat progresif dan Dato' Yang di-Pertua saya menyokong RUU ini.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Tuan Hasbie. Nampak begitu padat perbahasannya. Seterusnya, saya menjemput YB Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Semua Dr. berhujah banyak rang undang-undang yang dia berhujah hari ini. Silakan.

4.01 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahirrahmanirrahim*. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Pertamanya saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak kerajaan atas pembentangan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 yang membawa maksud besar kepada masa depan anak-anak Malaysia. Pindaan ini adalah satu langkah yang bersejarah kerana buat pertama kalinya pendidikan menengah turut diangkat sebagai

pendidikan wajib, melengkapkan falsafah bahawa pendidikan rendah sahaja tidak mencukupi dalam menghadapi cabaran abad yang ke-21.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyambut baik hasrat untuk menambah baik definisi pendidikan wajib yang kini meliputi pendidikan rendah dan menengah. Hal ini sejajar dengan keperluan zaman di mana pasaran kerja, kemahiran hidup dan tuntutan pembangunan negara memerlukan rakyat sekurang-kurangnya tamat pendidikan menengah. Kita tidak mahu ada generasi yang terputus pendidikan di pertengahan jalan lalu menghadapi kesukaran dalam mencari pekerjaan yang bermaruah.

Pindaan melalui seksyen baharu 32A memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan pendidikan menengah sebagai wajib, di samping memberi kuasa budi bicara untuk pengecualian tertentu. Saya melihat pindaan ini sebagai usaha baik untuk memastikan fleksibiliti misalnya bagi murid berkeperluan khas atau yang terlibat dalam aliran pendidikan alternatif.

Namun demikian Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengumumkan beberapa pandangan. Pertama, pindaan ini membawa implikasi besar pada kerajaan dari segi perbelanjaan. Apabila pendidikan menengah diwajibkan, maka kerajaan perlu bersedia dengan kapasiti tambahan dari segi sekolah, kelas, guru, kemudahan asrama, kemudahan sokongan, serta perkhidmatan kaunseling. Jika tidak, pendidikan wajib ini hanya akan menambah tekanan kepada sistem yang sedia ada, khususnya di kawasan bandar yang sudah sesak dan di kawasan luar bandar yang masih kurang kemudahan.

Kedua, walaupun terdapat peruntukan denda sehingga RM5,000 atau penjara kepada ibu bapa yang gagal memastikan anak mereka bersekolah menengah, kita harus berhati-hati. Undang-undang tidak boleh dilihat menghukum golongan miskin ataupun ibu bapa yang berdepan masalah sosioekonomi. Sebaliknya, kerajaan perlu terlebih dahulu memperkukuh jaringan sokongan seperti bantuan kewangan, program intervensi sekolah, pengangkutan percuma atau penyediaan peralatan pembelajaran asas.

Ketiga, saya ingin menyentuh soal pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). Jika pendidikan menengah diwajibkan, kita mesti memperluaskan pilihan aliran agar tidak semua murid dipaksa menyesuaikan diri di dalam sistem akademik konvensional. Ramai anak-anak kita mungkin lebih cenderung kepada kemahiran praktikal. Justeru, pendidikan menengah wajib haruslah bersifat inklusif dengan laluan akademik, vokasional dan teknikal yang sama-sama diiktiraf.

Suka saya nak berkongsi Dato' Yang di-Pertua, kebetulan saya diberi peluang oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan Dewan Negara pada sesi yang lepas, kita telah membuat kunjungan hormat kepada Menteri Pendidikan Negara Finland. Dan salah satu natijah apabila pendidikan diwajibkan sehingga berumur 18 tahun adalah pendidikan TVET ini menerima permintaan yang sangat tinggi.

Pada asasnya dalam sistem pendidikan mereka, akademik, aliran akademik, pada permulaannya hanya 80 peratus, TVET 20 peratus, tetapi selepas akta ini dikuatkuasa di negara mereka, permintaannya menjadi seimbang 50 peratus, 50 peratus. Jadi, pohon pihak kementerian mengambil pengalaman ini untuk kita membuat persiapan bagi mungkin permintaan peningkatan aliran TVET.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat keperluan kerajaan menambah baik aspek pendidikan digital dalam kerangka pendidikan menengah wajib ini. Kita tidak boleh sekadar mewajibkan kehadiran murid ke sekolah, tetapi mesti memastikan kurikulum yang disediakan benar-benar relevan dengan dunia pekerjaan masa depan termasuk literasi digital, keusahawanan, kemahiran komunikasi dan juga pemikiran kritis.

Akhir sekali, saya menyeru agar pelaksanaan pendidikan menengah wajib diiringi dengan pemantauan yang teliti dan berperingkat, jangan tergesa-gesa mewajibkan tanpa memastikan kapasiti mencukupi. Kerajaan boleh melaksanakan secara fasa contohnya bermula dengan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dahulu sebelum diperluas ke sekolah menengah atas.

Dato' Yang di-Pertua, dengan pindaan ini diharapkan Malaysia akan melangkah ke hadapan dalam memperkukuhkan agenda pembangunan modal insan. Saya percaya jika dilaksanakan dengan teliti, adil dan inklusif, pendidikan menengah wajib ini akan menjadi pelaburan jangka masa panjang negara untuk melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan berdaya saing.

Dan untuk akhir sekali — sebab ini dah *last* dah berbahas, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Malaysia kepada semua warga rakyat Malaysia, dan juga saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua peserta Sumud Flotilla seluruh dunia. Kalian semua berada dalam doa kami dan solat hajat kami. [*Bersedih*] Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dr. Hajah Wan Martina. Seterusnya, saya persilakan YB Senator Datuk Anna Bell.

4.07 ptg.

Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas ruang peluang untuk saya turut serta menyertai perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 ialah satu langkah reformasi yang sangat signifikan dalam memperkukuhkan ekosistem pendidikan negara. Pindaan ini mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk membentuk masyarakat berilmu, berdaya saing dan inklusif.

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas keberanian politik dan komitmen profesional dalam membawa pindaan ini ke Dewan mulia ini. Ini bukan sekadar satu perubahan dari sudut pentadbiran semata-mata,

tetapi satu inisiatif menyeluruh yang mencerminkan iltizam negara dan menjadikan pendidikan sebagai pemangkin keadilan sosial dan alat pembebasan daripada belenggu kemiskinan.

Pendidikan bukan hanya satu hak asasi yang dijamin oleh undang-undang, tetapi ia adalah tanggungjawab kenegaraan yang mesti dipikul secara kolektif. Pengalaman negara-negara seperti Finland dan Korea Selatan menunjukkan bahawa kemajuan dan daya saing nasional bermula dengan pelaburan yang serius dan menyeluruh dalam sistem pendidikan termasuk di peringkat menengah. Maka, usaha kerajaan untuk mewajibkan pendidikan menengah merupakan langkah yang wajar dan tepat pada masanya. Namun pelaksanaannya perlu bersifat terancang, lestari dan saksama agar ia benar-benar menyentuh semua kelompok masyarakat termasuk mereka yang berada di kawasan pedalaman dan marginal.

Dato' Yang di-Pertua, isu keciciran pelajar khususnya di Sabah dan Sarawak adalah realiti menyakitkan yang telah lama menghantui sistem pendidikan negara kita. Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun 2024, seramai 11,713 pelajar telah tercicir daripada sistem pendidikan dan lebih 60 peratus daripada jumlah ini datang daripada Sabah dan Sarawak.

Di Sabah khususnya, daerah-daerah seperti Nabawan, Tongod, Pensiangan dan Paitan mencatat kadar keciciran yang membimbangkan melebihi 14 peratus dan peralihan Tahun 6 hingga ke Tingkatan 1. Keciciran ini berlaku bukan hanya kerana pelajar atau ibu bapa cuai, tetapi akibat faktor yang jauh lebih kompleks, antaranya punca termasuklah kemiskinan, ketiadaan pengangkutan tetap, jarak sekolah yang terlalu jauh, serta jurang besar dalam akses terhadap infrastruktur asas pendidikan. Realiti ini perlu difahami dalam rangka sosioekonomi yang menekan. Maka, dalam memperkenalkan dasar pendidikan, pendidikan menengah wajib, kerajaan juga perlu memastikan bahawa sistem sokongan yang holistik juga turut disediakan.

■1610

Dato' Yang di-Pertua, sebagai langkah ke hadapan saya ingin mengemukakan beberapa cadangan dasar ini agar lebih inklusif. Pertama, Rancangan Makanan Tambahan (RMT) perlu diperluaskan kepada pelajar daripada keluarga B40 tanpa sebarang syarat. Menurut kajian UNICEF pada tahun 2020 menunjukkan bahawa kekurangan nutrisi juga merupakan punca utama ketidakhadiran dan prestasi akademik rendah di kalangan pelajar miskin.

Pelaksanaan ini boleh dilaksanakan melalui integrasi dengan sistem PADU dan eKasih bagi pengesahan automatik dan peruntukan sedia ada dalam Belanjawan 2024 sebanyak RM777 juta wajar ditambah sekurang-kurangnya 20 peratus untuk turut meliputi pelajar sekolah menengah. Pemantauan pula perlu dibuat melalui papan pemuka digital di bawah pengawasan KPM.

Kedua, pemberian Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) perlu diperluas dan di selaras secara automatik di mana Laporan Audit Negara pada tahun 2023 menunjukkan hanya 23 peratus pelajar miskin tegar menerima BKP walaupun layak akibat sistem permohonan manual yang kurang mesra pengguna. Saya mencadangkan agar sistem automatik dinamakan MyBPV diperkenalkan, disepadukan dengan data daripada eKasih dan LHDN. Kelulusan boleh diberikan tanpa keperluan permohonan manual maka audit tahunan oleh Jabatan Akauntan juga perlu dijalankan bagi memastikan ketelusan agihan.

Ketiga, kerajaan wajar memperkenalkan Elaun Kehadiran Sekolah (EKS) bagi pelajar luar bandar dan pendalaman. Menurut kajian MIER dalam tahun 2023 membuktikan bahawa inisiatif kewangan boleh meningkatkan kehadiran pelajar luar bandar sebanyak 60 — sebanyak 26 peratus. Elaun antara RM50 hingga RM80 sebulan boleh disalurkan melalui platform eTunai kepada murid atau penjaga. Dengan syarat kehadiran melebihi 90 peratus. Seperti yang direkodkan dalam sistem APDM. Projek rintis ini boleh dimulakan di kawasan daerah-daerah seperti Nabawan, Beluran, bahagian kepulauan dan mana-mana kawasan yang dikenal pasti.

Dato' Yang di-Pertua, salah satu isu penting dalam pindaan ini ialah peruntukan undang-undang yang membenarkan ibu bapa didenda sehingga RM5,000 — mohon tambahan masa, Yang Berhormat?

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Satu minit.

Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Mohon tambahan masa?

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Saya benarkan satu minit.

Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Terima kasih. Pada prinsipnya saya bersetuju bahawa ibu bapa yang tidak boleh bersikap sambil lewa terhadap pendidikan kanak-kanak namun pendekatan ini menghukum perlu diseimbangkan dengan pendekatan memulih. Saya mencadangkan agar pendekatan dua fasa digunakan iaitu fasa pertama melibatkan intervensi awal seperti sesi kaunseling bersama kaunselor bertaualiah, lawatan ziarah cakna oleh guru dan komuniti serta bantuan kebajikan agensi seperti JKM. Hanya jika intervensi awal ini gagal dan terdapat bukti jelas bahawa ibu bapa sengaja mengabaikan tanggungjawab mereka maka undang-undang boleh diambil dalam fasa kedua.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan penuh terhadap semangat dan matlamat Rang Undang-undang Pendidikan 2025 ini namun saya tegaskan pelaksanaannya mestilah telus, adil dan berpaksikan realiti setempat. Kita tidak mahu dasar ini menjadi beban tambahan kepada golongan miskin tetapi sebaliknya menjadi jambatan membantu mereka menyeberangi jurang kemiskinan melalui pendidikan. Sebagaimana dalam kata peribahasa ini.

*Pohon tinggi berbuah lebat,
Daun merimbun teduh berseri.
Anak bangsa jangan disekat,
Didik mereka setulus hati.*

Sekian. Saya mohon menyokong.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Datuk Anna Bell. Seterusnya saya mempersilakan YB Senator Puan Tiew.

4.13 ptg.

Puan Tiew Way Keng: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua atas memberi ruang untuk saya berbahas. Tiba masa kini RUU ini dipinda supaya mewajibkan anak-anak kita pergi ke sekolah bukan hanya sekadar sekolah rendah tetapi ke sekolah menengah. Selaras dengan Bab 7 – Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025, di mana tahniah diucapkan kepada Menteri dan Timbalan Menteri dan semua warga KPM bukan hanya menggariskan dasar pelan tindakan di atas kertas semata-mata, tetapi mengambil langkah-langkah merealisasikannya.

Saya ingin berkongsi dengan kisah benar yang berlaku di negeri Selangor dan Sabah di mana jurang akses yang perlu ditutup. Negeri Selangor merupakan negeri yang mencapai bilangan pelajar sekolah yang tertinggi masih menghadapi masalah sekolah sesak di mana berlakunya masalah kekurangan bilik darjah sehingga ada sekolah masih beroperasi dua sesi.

Masalah sekolah sesak sebegini sudah pasti menjejaskan kualiti pembelajaran pelajar sekolah. Semoga kerajaan memberi peruntukan yang secukupnya untuk membina sekolah-sekolah yang mencukupi. Nama Veveonah Mosibin yang mengingatkan kita betapa beratnya akses pendidikan bagi anak-anak yang tinggal di kawasan pedalaman. Pernah memanjat pokok demi capaian internet untuk peperiksaan kini beliau telah meluluskan pengajian perubatan. Di Sabah ada murid menumpang buat ke sekolah dan guru menyelamatkan murid selepas jeti roboh di Semporna.

Pindaan kita mesti menutup jurang fizikal digital ini melalui peruntukan infrastruktur dan keselamatan laluan ke sekolah bukan sahaja retorik. Saya ingin membuat perbandingan antarabangsa bagi tempoh pendidikan wajib bagi negara Jerman, Perancis, Austria dan Filipina ialah 13 tahun. Negara US dan Belgium pula ialah 12 tahun dan selain daripada Australia, Finland, Switzerland dan UK ialah selama 11 tahun.

Maka sudah tiba masanya kita harus menaikkan tempoh pendidikan wajib melalui pindaan RUU ini. Saya ingin membuat cadangan pindaan dan pelaksanaan dari segi asasi, literasi dan numerasi. Saya mencadangkan supaya kita dapat menetapkan KPI Nasional Pemulihan 3M berasaskan data PISA dan PIMSS dengan mewajibkan intervensi berperingkat

iaitu daripada Tier 1 hingga 3 dengan penilaian saringan berkala supaya memastikan daya saingan yang tidak di kompromi.

Dari segi profesionalisme guru saya mencadangkan supaya kita harus menaik taraf standard latihan pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan mencontohi amalan negara maju dan juga mewujudkan insentif kerjaya untuk guru cemerlang di kawasan sukar luar bandar supaya menggalakkan mereka untuk menceburi ataupun mengajar mendidik anak-anak kita di kawasan pendalaman ataupun luar bandar serta memastikan setiap guru yang terlatih dapat dihantar untuk berkhidmat di sekolah yang sesuai secepat mungkin daripada di biar begitu sahaja selepas latihan dijalankan.

Saya juga mencadangkan supaya kerajaan dapat memperuntukkan belanjawan yang cukup dan khusus untuk sambungan internet stabil, peranti untuk setiap murid khususnya murid-murid daripada golongan B40 dan keselamatan akses fizikal sama ada laluan air ataupun jeti dengan SOP yang jelas khususnya di kawasan pendalaman supaya tidak ada mana-mana anak kita yang tertinggal, dengan izin, *no one left behind*.

Dato' Yang di-Pertua, saya mengakhiri perbahasan saya dengan pantun berikut.

*Bersatu hati membina bangsa,
Ilmu jadi tonggak utama;
Sekolah menengah wadah perkasa,
Membawa Malaysia ke puncak ternama.*

Saya menyokong RUU (Pindaan) bagi Pendidikan 2025 ini dengan penekanan kuat kepada pelaksanaan berasaskan data dan kesaksamaan serata. Sekian. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Semakin pandai YB Senator Puan Tiew berpantun.

Puan Tiew Way Keng: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Setiap kali dia berbahas dia mesti berpantun. Tahniah, terima kasih, YB Senator Puan Tiew Way Keng.

Seterusnya saya menjemput YB Senator Datuk Seri Profesor Emeritus Datuk Dr. Awang Sariyan.

4.18 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya pun seperti Yang Berhormat Tuan Mohd Hasbie menyimpan tenaga tak membahaskan tiga rang undang-undang sebelum ini untuk memberikan perhatian kepada RUU ini dengan harapan diberikan waktu andai kata terlebih. *[Ketawa]*

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Kita tengok dahulu. *[Ketawa]*

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih, biarlah saya awali perbahasan ini dengan terlebih dahulu dengan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mengemukakan rang undang-undang berkaitan dengan inti patinya untuk mewajibkan pendidikan pada anak-anak negara kita hingga peringkat sekolah menengah. Dalam rangka untuk melonjakkan pembangunan negara dengan penyediaan modal insan yang lengkap bukan sahaja pembangunan fizikal bahkan pembangunan bersepadu dengan aspek kerohanian.

Harapan daripada usul ataupun rang undang-undang ini yang *insya-Allah* akan didaftar ialah agar terpenuhi segala idealisme yang selama ini kita rencanakan untuk menjadikan pendidikan sebagai landasan teras dalam pembinaan negara melalui pembinaan modal insan itu tadi. Yang paling penting pada hemat saya ialah soal pengisian harapan daripada usul ataupun kewajiban anak-anak kita hingga peringkat sekolah menengah agar proses yang dikatakan proses kemenjadian itu benar-benar menjadi.

Iaitu dalam konteks 11 tahun kita harapkan bukan sahaja kita dapat melahirkan generasi yang cekap, terampil dalam soal-soal teknologi, TVET itu kita sokong penuh, tetapi jangan dialpakan soal penerusan yang sering kali saya timbulkan di sini iaitu idealisme yang telah dibina khususnya melalui Reformasi Pendidikan 1998.

■1620

Yang mengimpikan kelahiran generasi muda yang seimbang, yang bersepadu dalam soal kesepaduan ilmu, kemahiran ke soal apatifnya yang ternyata sekarang masih membelenggu sebahagian anak-anak kita dalam soal timbulnya kes buli yang melampau. Itu pun sebahagian daripada barangkali dikatakan sedikit kelemahan dalam soal pengisian falsafah pendidikan kebangsaan kita.

Selain itu Dato' Seri Yang di-Pertua, soal impian kita untuk melahirkan generasi yang terampil, bukan sahaja soal akademik, tetapi juga soal insaniah. Saya bersyukur, dalam beberapa hari yang lepas kita bercakap tentang soal akademi bahas Malaysia. Itu satu aspek dalam melahirkan generasi muda yang bukan sahaja mahir dalam soal akademik, tetapi terampil dalam soal pengucapan awam, sebagai contoh. Suatu keperluan bukan sahaja untuk pemimpin, bahkan untuk semua profesional dalam bidang masing-masing. Ini suatu yang kita dapati agak lemah dalam kalangan generasi muda kita.

Mudah-mudahan akademi bahasa itu dapat betul-betul menjelmakan generasi yang terampil dalam konteks menzahirkan pemikiran dan buah fikiran yang dapat membantu melahirkan pemikir. Ini juga satu aspek yang saya kira sangat perlu ditekankan. Kita bukan hanya nak melahirkan teknokrat, birokrat dan sebagainya tetapi pemikir yang dapat membuat penyelesaian masalah atas keupayaan pemikiran tinggi.

Ia terkait dengan ini juga saya kira, soal KBAT. Sejauh mana KBAT itu sudah tercapai ataupun masih lagi pada tahap kemahiran aras rendah. Ini juga saya kira harus dinilai dalam soal pelaksanaannya.

Yang ketiga Dato' Seri Yang di-Pertua ialah saya juga bersetuju perlu ada suatu bentuk pengenaan hukuman. Tetapi sekali lagi juga seperti yang disebut oleh rakan-rakan Senator lain, ini harus ada kaedah pelaksanaan yang merentas masyarakat. Kerana adanya *variable*, adanya angkubah, kelainan dalam soal strata sosial, dalam soal sosioekonomi. Kerana tidak semua yang dapat dihukum itu kerana ada perbezaan dalam soal-soal yang saya sebut tadi. Maka, harus dilakukan suatu siasatan yang rapi dan teliti sebelum dikenakan hukuman, khususnya kepada golongan yang menghadapi masalah ekonomi, menghadapi masalah akses kepada soal sistem yang berada dalam masyarakat. Jadi dalam soal ini, saya kira harus diberi perhatian yang berat iaitu kaedah pelaksanaan hukuman yang mengambil kira ataupun mempertimbangkan soal adanya pelbagai angkubah ataupun *variable* dalam masyarakat itu.

Yang terakhir sebelum... *[Ketawa]*

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Tak apa, saya benarkan satu minit.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: *Alhamdulillah*. Saya itu memancing sahaja.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: *[Ketawa]* Buat rumusan ya.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Saya juga melihat satu kes, sebagai contoh. Mudah-mudahan usaha kita mewajibkan pendidikan ke peringkat menengah ini akan dapat meningkatkan kemahiran yang mungkin satu daripada penanda aras ialah pencapaian dalam PISA, dalam program penilaian antarabangsa pelajar-pelajar yang menurut laporan pada tahun 2022 ternyata merosot. Yang negara kita merosot ke kedudukan misalnya untuk literasi bacaan ke tempat 60. Literasi matematik ke-54 dan literasi saintifik ke-52. Dan ini saya kira juga teringat penegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang terkesan kata beliau dengan kemerosotan itu.

Jadi, ini juga saya kira kesempatan baik untuk kita meningkatkan literasi anak-anak kita. Dato' Seri Yang di-Pertua, saya kira demikianlah perbincangan saya pada petang ini. Dan saya dengan ini memberikan sokongan padu kepada pindaan ataupun pada cadangan untuk mewajibkan pendidikan pada anak-anak hingga peringkat menengah. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullah*.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB. Datuk Seri Awang. Sebenarnya saya perlu mengucapkan terima kasih juga kepada semua YB. Senator dalam Dewan ini yang sentiasa patuh kepada ketetapan yang telah ditetapkan. *[Tepuk]* Lima minit, lima minitlah. Tambah satu minit, satu minitlah. Terima kasih, senang saya nak mengawalinya.

Seterusnya, saya menjemput YB. Senator Dato' Prof. Mohammad Redzuan bin Othman. Silakan.

4.25 ptg.

Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Terima kasih Dato' Seri Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya membahaskan RUU Pendidikan (Pindaan) 2025.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana menganjurkan sesi libat urus dan pameran yang memberikan kefahaman menyeluruh berkaitan pindaan yang dilakukan. Pada kesempatan ini juga Dato' Seri, saya ingin mengucapkan tahniah kepada KPM kerana jarang-jarang dalam pembentangan RUU ini, Menteri dan Timbalan sama-sama hadir. Kita ucapkan tahniah kepada kedua-duanya.
[Tepuk]

Tan Sri Yang di-Pertua, saya yakin semua pihak yang rasional sudah pasti menyokong penuh pindaan akta dalam rangka reformasi pendidikan yang berhasrat mewajibkan setiap warganegara Malaysia yang dilahirkan berhak mendapat pendidikan sehingga peringkat menengah. Menepati perkara yang sama seperti yang diamalkan di negara-negara maju seperti Australia, Finland, Switzerland dan United Kingdom yang mewajibkan tempoh pendidikan sehingga 11 tahun.

Tan Sri Yang di-Pertua, melihat kepada peratus pelajar yang memasuki sekolah menengah yang berjumlah 94.86 peratus sepertimana yang diumumkan sebentar tadi, berbanding 99.39 peratus yang memasuki sekolah rendah pada tahun 2024 iaitu kekurangan sebanyak 4.53 peratus pelajar sekolah rendah memasuki sekolah menengah. Jumlah ini bolehlah dianggap masih kecil dan tidaklah sampai ke peringkat terlalu kritikal. Walau bagaimanapun, jumlah ini masih tetap menjadi keprihatinan jika dianalisis secara kumulatif untuk satu-satu tempoh. Ini disebabkan mereka yang tercicir ini dikhuatiri boleh mencetuskan pelbagai masalah pada masa akan datang.

Tan Sri Yang di-Pertua, saya yakin bahawa matlamat pendemokrasian pendidikan yang didukung oleh Kerajaan MADANI bukan sekadar berhasrat pelajar-pelajar ini menamatkan pengajian setakat SPM. Sebaliknya, pelajar-pelajar ini sepatutnya melanjutkan pengajian sehingga sekurang-kurangnya ke peringkat diploma dan ijazah. Kajian yang pernah dilakukan oleh DOSM menunjukkan bahawa 72 peratus lepasan SPM tidak berminat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Jumlah ini membimbangkan kerana berkait rapat dengan pembangunan modal insan. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, Malaysia amat memerlukan tenaga muda yang berpendidikan dan berkemahiran.

Tan Sri Yang di-Pertua, saya yakin KPM sudah mengambil kira perkara seperti penyediaan prasarana yang kondusif, kurikulum yang dinamik, pengawalan terhadap elemen

negatif seperti apa juga bentuk elemen buli, apa juga bentuk diskriminasi dan sebagainya. Selain itu, intervensi awal juga perlu dilakukan bagi mengenal pasti pelajar yang berpotensi tercicir seperti masalah kemiskinan, masalah kesihatan, masalah perpecahan dalam keluarga, masalah dengan rakan sebaya, ketagihan gajet dan sebagainya. KPM mungkin boleh menjelaskan, apakah pendekatan intervensi awal yang sudah dirangka bagi mengenal pasti kemungkinan berlaku keciciran pada peringkat awal dalam usaha memastikan sebolehnya mencapai keciciran sifar pelajar yang tidak meneruskan dan menamatkan pengajian sehingga peringkat sekolah menengah.

Dato' Seri Yang di-Pertua, sudah tentu pengalaman PDP ketika berada di sekolah rendah mempengaruhi kecenderungan untuk melanjutkan dan menamatkan pengajian ke peringkat sekolah menengah. Banyak perkara yang berkaitan dengan PDP sudah dibahasakan dan matlamatnya bukan sekadar melaksanakan penguatkuasaan pelajar bagi menamatkan pengajian hingga ke peringkat sekolah menengah sebagaimana yang dicadangkan oleh akta tetapi pada waktu yang sama, melahirkan pelajar dengan nilai-nilai holistik.

Gagasan pemikiran yang dikemukakan oleh Almarhum Prof. Dato' Dr. Siddiq Fadzil, iaitu seorang penerima Anugerah Maal Hijrah Tahun 1440 Hijrah (2018) dalam bukunya yang bertajuk, "Pendidikan Al-Hikmah dan Misi Pencerahan" boleh dijadikan rujukan bagi membina karakter dalam kerangka melahirkan pelajar yang mempunyai karakter insan holistik yang dihasratkan oleh penguatkuasaan akta ini. Saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah biasalah dengan buku ini ya?

Saya yakin KPM sudah bersedia menggalas tanggungjawab bagi memastikan pelajar menamatkan pengajian hingga ke peringkat sekolah menengah. Selain memenuhi matlamat ini, pelajar juga perlu diberi panduan, inspirasi dan motivasi supaya mereka ditanamkan dengan minat untuk melanjutkan pengajian yang lebih tinggi selepas menamatkan pendidikan di peringkat SPM. Kerjasama dengan kementerian yang lain seperti KPT, KESUMA dan sebagainya mampu meningkatkan lagi minat pelajar bagi melanjutkan pengajian yang lebih tinggi setelah menamatkan pengajian di peringkat SPM yang diyakini mampu memberikan impak positif kepada pembangunan dan perkembangan negara.

■1630

Bagi merealisasikan pendemokrasian pendidikan yang memberikan pendidikan kepada semua, saya menyokong RUU Pendidikan (Pindaan) 2025. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih. YB Senator Dato' Prof. Mohammad Redzuan ini bukan calang-calang orang. Orang lama dalam pendidikan juga. Terima kasih, YB. Seterusnya, saya mempersilakan YB Senator Datuk Bobbey Ah Fang.

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan: Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan kerana diberi peluang untuk turut sama dalam perbahasan berhubung Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025.

Rang undang-undang ini, pada saya, bermatlamat baik kerana bertujuan menjadikan pendidikan menengah wajib kepada semua anak Malaysia. Sebentar tadi saya mendengar rakan saya Datuk Anna Bell balik-balik sebut kawasan saya iaitu Pensiangan, di mana saya ingat Menteri pun tahu kawasan ini yang termundur sekali, dan juga rakan-rakan yang terdahulu berucap balik-balik sebut juga Sabah. Namun pada saya, cuma merasa bimbang sedikit jika sebilangan rakyat di pedalaman ini dapat menerima sepenuhnya pindaan ini dalam bentuk yang sedia ada melihat kepada realiti sosioekonomi, infrastruktur dan keadilan sosial khususnya di wilayah Sabah ini.

Pertama, saya petik sahaja sedikit apa yang— supaya saya tidak *repeat* apa telah dikatakan oleh rakan-rakan tadi. Iaitu beban hukuman ke atas ibu bapa miskin. Rang undang-undang ini memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau penjara enam bulan kepada ibu bapa yang gagal memastikan anak mereka melanjutkan pendidikan menengah. Jadi, ini realitinya, Dato' Yang di-Pertua. Kadar kemiskinan mutlak Sabah pada 2022 adalah 19.5 peratus, tertinggi di Malaysia. Jadi, ini kita harus fikir. Dari segi, kedua, infrastruktur sekolah yang daif dan akses tidak sama rata di Malaysia ini. Menurut data Kementerian Pendidikan, lebih 1,000 sekolah daif masih wujud di Sabah dan Sarawak pada tahun 2024 walaupun RM1 bilion telah diperuntukkan.

Dan juga, ketiga, faktor sosial dan keluarga. Ini satu cabaran iaitu kos sara hidup. Isu besar yang dihadapi keluarga miskin ialah kos sara hidup yang semakin menekan. Menurut Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2023, perbelanjaan isi rumah untuk pendidikan di Sabah meningkat hampir 12 peratus setahun termasuk kos pengangkutan, makanan, uniform dan buku. Ramai keluarga di pedalaman terpaksa memilih menghantar anak-anak ke sekolah — walaupun ada bantuan seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini diagih-agihkan di sekolah-sekolah tetapi apabila menerima bantuan-bantuan ini, ibu bapa ini memilih sama ada untuk dibelanjakan untuk kanak-kanak ataupun membeli barang-barang keperluan di rumah. Jadi, ini adalah satu masalah.

Dan, Dato' Yang di-Pertua, saya cuma mengingatkan kita dalam Dewan yang mulia ini supaya dalam mana-mana pindaan rang undang-undang yang membebaskan ataupun menghukum rakyat yang lemah ini atau mereka yang kekurangan terutama yang susah dalam kehidupan seharian, kita kena hati-hati kerana di kampung-kampung ini, di hulu-hulu ini, *no one is born with a silver spoon*. Jadi, saya fikir kalaulah Kerajaan Malaysia ini benar-benar mengambil langkah dan memberi jaminan untuk membantu mereka yang susah ini dan juga mengambil kira apa yang saya katakan tadi, maka saya menyokong rang undang-undang ini.

Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey. Seterusnya, saya persilakan YB Senator Tuan Michael Mujah Lihan.

4.36 ptg.

Tuan Michael Mujah Lihan: Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 ini. Saya menyokong hasrat mulia pindaan RUU ini dalam menjadikan pendidikan menengah sebagai pendidikan wajib bagi menangani isu keciciran pembelajaran peringkat menengah dan seterusnya membina generasi Malaysia yang berilmu, berdaya saing, berketerampilan dan mempunyai nilai-nilai karamah insaniah sebagaimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Oleh yang demikian, saya terus kepada persoalan-persoalan terutama berkaitan keciciran pelajar di kawasan pedalaman khususnya selepas tamat Darjah 6. Mereka terpaksa melanjutkan pelajar ke sekolah menengah yang terletak jauh dari kampung. Keadaan ini ternyata menjadi penghalang besar bagi anak-anak tersebut untuk meneruskan persekolahan mereka.

Selain faktor tersebut, saya juga melihat faktor lain yang menjurus ke arah keciciran pelajar ini ialah keadaan ekonomi keluarga yang memaksa kanak-kanak untuk bekerja bagi menyara keluarga masing-masing, selain mentaliti segelintir ibu bapa yang masih menganggap menghantar anak ke sekolah adalah satu bebanan buat mereka. Selain itu, masalah perkahwinan di awal usia dalam kalangan remaja dan isu dokumen pengenalan diri yang tidak lengkap turut memburukkan lagi keadaan.

Justeru, persoalan besar yang ingin saya bangkitkan ialah sejauh manakah kepekaan kementerian terhadap isu-isu asas di kawasan pedalaman seperti ini? Apakah penyelesaian konkrit yang dirancang kementerian untuk menyelesaikan isu dokumentasi para pelajar ini agar mereka tidak tercicir daripada sistem pendidikan?

Dalam konteks pindaan RUU Pendidikan ini, saya percaya kita tidak boleh hanya melihat pada aspek perundangan semata-mata. Maka, antara cadangan penyelesaian yang perlu diberikan perhatian serius oleh kementerian adalah penyediaan peluang pekerjaan untuk keluarga masyarakat di kawasan pedalaman dan keperluan membina sekolah baharu di zon pedalaman untuk mengurangkan kebergantungan kepada sekolah bandar dan mengelakkan keciciran pelajar akibat faktor jarak yang jauh.

Selain itu, kementerian juga disarankan untuk mewujudkan program kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan pendidikan buat anak-anak di kawasan pedalaman, di samping mengadakan kerjasama rentas kementerian bersama dalam pemantauan aktiviti perkahwinan di bawah umur serta memudah cara pendaftaran dokumentasi anak-anak peribumi oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Dan mungkin perkara yang boleh dipertimbangkan oleh kementerian ialah menambah Bantuan Awal Persekolahan dan diberikan secara bersasar kepada pelajar yang miskin untuk membantu mereka membeli pakaian sekolah, buku, alat tulis dan sebagainya serta penawaran biasiswa khas kepada pelajar berprestasi di kalangan keluarga miskin secara bulanan.

■1640

Seterusnya, kita juga tidak boleh mengabaikan nasib pelajar yang tergolong dalam kumpulan marginal dan tiada dokumen. Persoalannya, adakah pertimbangan kementerian untuk melancarkan program khusus bagi anak-anak tanpa dokumen, seperti anak-anak nelayan, asing, pelarian, komuniti *stateless*, bagi memastikan kumpulan ini tidak tergelincir dari menerima akses pendidikan yang adil.

Dato' Yang di-Pertua, isu pendidikan ini adalah isu masa depan generasi. Jika pindaan ini benar-benar ingin memberi, keadilan dan peluang yang saksama kepada masyarakat di seluruh negara tidak boleh dipinggirkan. Pendidikan adalah hak setiap anak Malaysia dan tanggungjawab kita adalah memastikan tiada seorang pun yang tercicir daripada hak tersebut. Dengan ini, saya menyokong pindaan RUU Pendidikan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, Tuan YB Senator Tuan Michael Mujah. Seterusnya, saya persilakan YB Senator Dr. Jufitri bin Joha.

4.41 ptg.

Dr. Jufitri bin Joha: Terima kasih Dato' Setia Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Falsafah Pendidikan Negara yang sering dilupakan menekankan pembangunan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. RUU Pendidikan (Pindaan) 2025 yang bertujuan memastikan pendidikan menengah secara wajib ini perlu terus mengangkat Falsafah Pendidikan Negara.

Dan apa yang disebutkan dalam Al-Quran. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Itu mengangkat darjat kemanusiaan. Bukan hanya semata-mata kepada ilmu tetapi lebih penting pada penghayatannya. Malah maksud falsafah pendidikan dalam rumusan Nabi Muhammad SAW. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Itu melatih mendidik adab dan akhlak generasi muda.

Oleh itu, timbul persoalan sama ada pindaan ini secara langsung mahupun tidak langsung mencerminkan falsafah dan roh sebenar kepada pendidikan. Ya, kita boleh mewajibkan pendidikan rendah, malahan pendidikan menengah. Namun adakah para pelajar kita, ibu bapa kita, masyarakat faham erti sebenar kepada pendidikan dan falsafah pendidikan?

“You can lead a horse to water, but you can't make it drink”, dengan izin. Matlamat unggul pendidikan menurut Profesor Diraja Terpuji, Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas adalah melahirkan insan beradab bukan sekadar menjadi warganegara ataupun pekerja yang baik.

Dato' Setia Speaker, saya menyambut baik jika hasrat RUU ini mempunyai hasrat yang luhur bagi memastikan bahawa setiap rakyat layak untuk mendapat hak berpendidikan di dalam negara ini. Kita harus memastikan pelbagai usaha untuk memastikan anak-anak muda kita mendapat pendidikan wajib. Kita tidak mampu untuk terus melihat murid-murid tercicir di lengkok pendidikan menengah.

Di kawasan saya di Rembau menyaksikan ada 32 orang murid sekolah menengah yang tercicir pada tahun 2024, melibatkan 18 lelaki dan 14 perempuan di enam buah sekolah atas pelbagai sebab seperti dibuang sekolah ataupun berminat untuk meneruskan pekerjaan, tidak berminat ke sekolah dan masalah keluarga. Peratusan keciciran murid di Negeri Sembilan berjumlah 0.01 peratus. Walaupun jumlah dan peratusan relatifnya rendah, namun seorang anak muda tercicir merupakan satu kehilangan besar kepada aset negara bahkan merupakan malapetaka besar kepada negara. Segelintir anak-anak muda dilanda gejala pemikiran *short-termism* dengan izin, tidak sanggup menanggungkan kepuasan kerana melihat ghanimah, ganjaran segera berbanding melaburkan diri dan masa dalam pendidikan.

Pengalaman saya, Dato' Setia Speaker, membuat libat urus kerjasama jangka panjang menangani keciciran di Negeri Sembilan bersama dengan rakan-rakan di MGKK ataupun Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan, mendapati wang segera dek kerana pemikiran *short-termism* ini antara penyebab kepada keciciran.

Saya juga yakin Kementerian Pendidikan telah mengkaji faktor-faktor dan *special case* dengan izin, keciciran pendidikan menengah khususnya berkaitan dengan kemiskinan dan terima kasih saya ucapkan kepada KPM yang telah menyediakan 18 jenis bantuan persekolahan sebagai solusi kepada permasalahan ini.

Dato' Setia Speaker, di kesempatan perbahasan ini, saya ingin menarik perhatian dan mengesyorkan kepada YB, kepada satu *special case* di mana pelajar ataupun belia yang terpaksa menjaga adik-beradik, mengambil peranan ibu bapa selepas kematian ibu bapa. Pelajar ataupun belia dalam kes ini perlu kepada dua fokus. Pertama, mewujudkan persekitaran yang selamat serta menyokong emosi untuk kesedihan. Dan yang kedua, menyediakan sokongan praktikal untuk menguruskan cabaran dinamik serta kewangan keluarga baharu.

Di negara yang terkenal dengan kerja belia profesional, kerja belia profesional banyak mendukung pelajar atau belia yang terpaksa menjaga adik-beradik kerana kematian ibu bapa bagi memastikan mereka terus berada di ranah pendidikan menengah. Kerja belia profesional

berada dalam bidang pendidikan tidak formal. Pendidikan tidak formal sangat penting menjadi *feeder* dengan izin, kepada pendidikan formal.

Justeru, saya mencadangkan KPM bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan bagi menggandingkan pendidikan formal dan pendidikan tidak formal, khususnya dalam menangani pelbagai isu-isu pelajar, belia, generasi muda kita, termasuk dalam kes ini, keciciran murid kerana agenda kerja belia profesional jatuh di bawah bidang keutamaan Kementerian Belia dan Sukan.

Saya juga yakin dengan pindaan ini juga akan memberikan tekanan mesra kepada segelintir kecil ibu bapa yang acuh tidak acuh kepada pendidikan, memberikan perhatian serius kepada pendidikan anak-anak. Walaupun tidak ada sejarah ibu bapa yang dijatuhkan hukuman kerana kewajipan pendidikan rendah sebelum ini, namun sekurang-kurangnya hukuman dalam undang-undang ini memberikan unsur pendidikan.

Secara *khulash*-nya, apa-apa pindaan yang dibuat terhadap Akta Pendidikan harus kembali berteraskan visi falsafah pendidikan negara bagi melahirkan insan seimbang, harmonis dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Kita tidak mampu melahirkan pelajar berijazah tanpa berilmu, berbudaya tanpa beradab. Oleh itu, saya mencadangkan Dato' Setia Speaker agar RUU ini didukung dengan sepenuh-penuhnya. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dr. Jufitri ya. Satu dimensi baharu, perspektif baharu dalam perbahasan. Terima kasih.

Seterusnya, saya persilakan YB Senator Datuk Rosni binti Sohar.

4.47 ptg.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih Dato' Seri Setia, selaku Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kerana kita dapat sama diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan undang-undang bagi pendidikan pindaan 2025 ini.

Secara dasarnya, saya menyokong hasrat kerajaan untuk memperluas takrif pendidikan wajib. Merangkumi pendidikan menengah, ini adalah satu langkah yang penting dalam memperkukuhkan tahap literasi dan mobiliti sosial generasi muda negara. Namun begitu, pindaan ini masih meninggalkan beberapa persoalan yang harus kita teliti secara serius.

Yang pertama, takrifan "pendidikan wajib" dalam seksyen 2. Pindaan kepada seksyen 2 memperluaskan takrifan "pendidikan wajib" kepada dua tahap. Pendidikan rendah, seksyen 29A(1) dan pendidikan menengah, seksyen ke 32A(1). Walaupun ini satu perluasan yang positif, ia tidak menjelaskan sebarang bentuk institusi pendidikan yang termasuk dalam kategori ini.

Soalannya, adakah pendidikan wajib hanya merujuk kepada institusi pendidikan formal, seperti sekolah, kerajaan dan swasta yang berdaftar? Atau turut merangkumi pendidikan alternatif seperti *homeschooling* dan program pembelajaran fleksibel? Tanpa takrifan yang jelas, ramai ibu bapa yang memilih pendidikan alternatif, mungkin akan terdedah dengan risiko tindakan undang-undang walaupun anak mereka menerima pendidikan yang setara atau lebih baik.

Kerisauan kita juga bagi pendidikan rendah wajib pindaan seksyen 29A(2), pindaan pada seksyen 29A(2) menukar syarat daripada ibu bapa yang warganegara kepada anak yang warganegara dan tinggal di Malaysia. Ini selari dengan prinsip hak kanak-kanak tetapi pelaksanaannya perlu mengambil kira realiti masyarakat, terutamanya keluarga miskin bandar, luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Apakah bentuk sokongan atau intervensi sosial yang disediakan sebelum ibu bapa ini dihukum kerana gagal mematuhi kewajipan tersebut? Adakah sistem amaran, bantuan kaunseling atau pengesanan awal akan diwujudkan?

Soalan seterusnya, pendidikan menengah wajib. Seksyen baharu 32A. Pengenalan seksyen 32A adalah elemen terpenting dalam RUU ini. Seksyen ini menetapkan bahawa pendidikan menengah adalah wajib selain mewajibkan ibu bapa memastikan anak mendaftar dan kekal di institusi pendidikan menengah sepanjang tempoh persekolahan seperti diperuntukkan dalam seksyen 32A(2).

■1650

Saya ingin bertanya, apakah unjuran peningkatan enrolmen pelajar menengah selepas kuatkuasa seksyen ini? Selepas diberi kuatkuasa seksyen ini? Dan apakah pelan kementerian untuk menampung keperluan itu dari segi guru, infrastruktur dan sokongan psikososial. Tanpa pelan pelaksanaan yang teliti, saya bimbang akan berlaku kepadatan kelas, kekurangan guru dan akhirnya menjejaskan kualiti pendidikan itu sendiri.

Seterusnya, kuasa pengecualian oleh Menteri dalam seksyen 32A(iii). Seksyen 32A(iii) memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana murid daripada kewajipan pendidikan menengah secara mutlak atau bersyarat. Walaupun kuasa ini penting untuk kes luar biasa, saya bimbang ia terlalu luas dan tidak terkawal. Saya mohon agar garis panduan khusus disediakan termasuk syarat pengecualian, proses permohonan dan saluran rayuan. Ini penting agar tidak timbul kekeliruan atau diskriminasi dalam pelaksanaan peruntukkan ini.

Dan seterusnya, penalti kepada ibu bapa dalam seksyen 32A(iv). Seksyen ini memperuntukkan bahawa ibu bapa yang gagal memastikan anak menghadiri pendidikan menengah boleh didenda sehingga RM5,000 atau dipenjara enam bulan atau kedua-duanya sekali. Saya menggesa agar kementerian mempertimbangkan model pematuhan bertahap yang dimulakan dengan pendekatan mendidik dan menyantuni, bukan terus menghukum. Kita

tidak mahu undang-undang ini akhirnya menghukum keluarga yang sudah pun bergelut dengan pelbagai kekangan hidup.

Dato' Setia di-Pertua, saya mohon kementerian mengambil perhatian serius terhadap semua persoalan yang telah saya bangkitkan agar rang undang-undang ini bersifat lebih menyeluruh, adil dan saksama. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB Senator Datuk Rosni. Seterusnya, saya menjemput YB Senator Tuan Isaiah.

4.52 ptg.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 pada hari ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pendidikan adalah hak asasi setiap warganegara tanpa mengira latar belakang, agama, bangsa mahupun keupayaan fizikal dan mental. Dalam konteks ini, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada nasib dan masa depan anak-anak murid berkeperluan pendidikan khas di negara kita.

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mulakan dengan isu paling asas iaitu fasiliti dan prasarana pendidikan khas. Walaupun kerajaan telah mewujudkan program pendidikan khas integrasi di sekolah-sekolah harian, namun, masih banyak sekolah menghadapi kekangan. Sebagai contoh, ada sekolah yang menempatkan sehingga 50 hingga 60 orang murid tetapi hanya diberikan dua atau tiga bilik darjah sahaja. Keadaan ini menyebabkan murid-murid belajar dalam suasana yang sesak, kurang kondusif malah ada yang terpaksa digabung mengikut umur dan tahap keupayaan yang berbeza.

Situasi ini jelas tidak membantu perkembangan mereka. Selain itu, banyak sekolah tidak mempunyai kemudahan asas seperti bilik terapi, bilik sensori, makmal komputer mesra OKU, laluan kerusi roda yang selamat serta tandas khas. Ini adalah sekolah-sekolah sebelum RMK12. Sedangkan pelajar-pelajar pendidikan khas bukan sahaja memerlukan pendidikan akademik tetapi juga latihan intervensi, terapi pemulihan dan pembangunan kemahiran hidup. Saya ingin tegaskan, isu ini bukan sekadar soal keselesaan tetapi soal hak dan kesaksamaan dalam pendidikan.

Dato' Seri Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah kekurangan guru pendidikan khas yang terlatih. Guru-guru pendidikan khas sering dibebankan dengan bilangan murid yang ramai serta tahap keperluan murid yang berbagai. Ada yang autisme, ada yang *down syndrome*, ada yang masalah pembelajaran malah ada yang juga fizikalnya terhad. Tanpa bilangan guru yang mencukupi, kualiti pendidikan yang sepatutnya diterima pelajar pendidikan khas menjadi terjejas. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan menambah pengambilan guru pendidikan khas secara besar-besaran, latihan semula (*retraining*)

diberikan kepada guru sedia ada supaya mereka lebih peka terhadap pendekatan pengajaran inklusif, penempatan kaunselor dan pegawai psikologi pendidikan khas diwajibkan di sekolah yang mempunyai murid-murid pendidikan khas.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Seri Yang di-Pertua, selain isu prasaran, satu perkara yang amat membimbangkan ialah kes buli terhadap murid OKU di sekolah. Kita tidak boleh menafikan bahawa pelajar-pelajar pendidikan khas sering menjadi mangsa ejekan, diskriminasi dan buli. Ada yang dipanggil dengan gelaran yang menghina, ada yang disisihkan daripada aktiviti kelas malah ada juga kes melibatkan penderaan fizikal. Kesan buli terhadap pelajar-pelajar pendidikan khas amatlah mendalam. Mereka boleh hilang keyakinan diri, mengalami trauma emosi, enggan hadir ke sekolah dan akhirnya tercicir daripada sistem pendidikan. Ini bercanggah sama sekali dengan prinsip pendidikan inklusif yang kita perjuangkan.

Justeru, saya mencadangkan agar pindaan RUU Pendidikan ini memasukkan klausa khas khusus mengenai perlindungan pelajar pendidikan khas daripada buli termasuk dasar anti-buli yang tegas dan jelas di semua sekolah. Program kesedaran inklusif untuk murid-murid arus perdana supaya mereka belajar menghormati dan menyokong golongan OKU, melaporkan wajib kepada pihak berkuasa pendidikan dan polisi bagi kes buli serius melibatkan murid OKU. Minta sedikit masa lagi, satu minit. Tindakan tatatertib terhadap pihak sekolah yang gagal melindungi pelajar-pelajar OKU di bawah bidang kuasa undang-undang.

Dato Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya pindaan RUU ini menegaskan beberapa perkara antaranya, setiap sekolah yang menempatkan pelajar pendidikan khas mesti diwajibkan menyediakan bilik darjah yang secukupnya, peruntukan kewangan khas disediakan bagi menaik taraf fasiliti pendidikan khas termasuk bilik terapi, bilik sensori, makmal mesra OKU dan tandas khas. Pengambilan guru pendidikan khas dan kaunselor perlu dipertingkatkan dengan segera, dasar perlindungan anti-buli terhadap pelajar-pelajar OKU diwujudkan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan negara.

Dato Yang di-Pertua, pendidikan adalah jambatan masa depan. Jika anak-anak warga OKU kita terus belajar dalam keadaan prasarana yang tidak lengkap, guru yang tidak mencukupi serta berisiko dibuli dan diskriminasi, maka kita sebenarnya menafikan hak mereka untuk mendapatkan pendidikan yang adil. Sebagai sebuah negara yang menjunjung aspirasi Malaysia MADANI, kita mesti memastikan pendidikan inklusif benar-benar menjadi kenyataan, bukan sekadar slogan.

Pelajar pendidikan khas juga adalah pewaris masa depan negara. Dengan peluang yang sama, mereka mampu menjadi insan yang berjaya, berdikari dan menyumbang kepada masyarakat. Maka, dengan ini, saya menyokong pindaan RUU Pendidikan 2025 dengan

harapan ia benar-benar mengangkat agenda pendidikan inklusif, melindungi pelajar-pelajar pendidikan khas daripada diskriminasi dan buli serta memastikan mereka mendapat fasiliti dan sokongan secukupnya.

Dengan pantun saya — dengan sebuah pantun.

*Gunung teguh tanah pertiwi,
Sungai mengalir tak henti-henti;
RUU Pendidikan disokong sepenuh hati,
Agar MPPK terbela di bumi MADANI.*

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

■1700

5.00 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Pendidikan 1996 iaitu Akta 550, khususnya dengan memasukkan pendidikan menengah sebagai pendidikan wajib. Tujuan pindaan ini sangat jelas, iaitu memastikan setiap anak Malaysia selepas menamatkan sekolah rendah mesti melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Ini adalah langkah progresif kerana zaman ini, pendidikan menengah bukan lagi pilihan tetapi satu keperluan asas untuk masa depan anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, namun dalam kita menyokong pindaan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada beberapa perkara penting. Pertama, masalah dokumen pengenalan diri. Ramai anak-anak di pedalaman masyarakat orang asli dan komuniti peribumi Sabah dan Sarawak masih tidak berpeluang ke sekolah hanya kerana tiada dokumen. Mereka bukan memilih untuk lahir tanpa dokumen. Ini adalah warisan masalah daripada datuk, nenek, ibu, bapa, akhirnya anak-anak sendiri yang menjadi mangsa.

Saya bercakap ini dengan penuh rasa simpati kerana saya sendiri pernah bersekolah selama — saya sendiri pernah tidak bersekolah selama dua tahun. Tahun 1980, 1981 akibat ketiadaan dokumen. Hanya kerana seorang insan berhati mulia yang membantu saya, akhirnya saya berjaya mendapat dokumen untuk meneruskan pelajaran. Kalau tidak, kemungkinan besar saya tidak akan berdiri di Dewan Negara yang mulia ini pada hari ini. Bayangkanlah berapa ramai anak-anak yang lain yang mendapat nasib yang sama seperti saya.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu pindaan ini juga memperkenalkan seksyen 32A yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah dan jika gagal boleh dikenakan hukuman. Saya setuju dengan peruntukan ini kerana memang wajar ibu bapa yang cuai dikenakan tindakan. Tetapi saya ingin bertanya, bagaimana dengan keluarga yang bukan

cuai, tetapi tidak mampu? Ada anak-anak yang terpaksa berhenti sekolah kerana terpaksa membantu ibu bapa atau nenek mereka yang menjaga mereka mencari nafkah. Ada pula yang langsung tidak diterima masuk kerana ketiadaan dokumen tadi. Apakah adil keluarga ini dihukum di bawah seksyen 32A?

Saya dengan rendah hati mencadangkan dalam pelaksanaan fasal ini, kerajaan mengadakan pengecualian. Yang pertamanya, sudah tentulah kerana kemiskinan, kemiskinan tegar terutamanya, benar-benar tidak mampu. Anak-anak yang belum memiliki dokumen pengenalan diri, ini di luar kemampuan mereka. Pengecualian ini penting supaya undang-undang ini dilihat adil, bukan menindas yang lemah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kerajaan memperkukuh skim bantuan kewangan, makanan serta kebajikan supaya tiada anak-anak yang terpaksa memilih antara sekolah atau *survival* keluarga mereka. Dan lebih penting, berikan laluan khas supaya anak-anak yang tanpa dokumen ini dapat bersekolah sementara urusan dokumen mereka masih diselesaikan.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini kerana pendidikan menengah wajib adalah langkah yang tepat untuk menjaga masa depan negara. Namun, sokongan saya datang dengan rasa simpati dan harapan. Janganlah kita menghukum anak-anak kecil yang tidak pernah memilih untuk lahir tanpa dokumen atau menghukum keluarga miskin yang sudah menanggung kesusahan hidup. Pendidikan adalah hak anak, hak semua anak. Jangan biarkan terus ketinggalan kerana miskin atau tidak berdokumen. Anak-anak ini adalah masa depan negara dan menjadi tanggungjawab kita melindungi hak mereka. Dengan penuh belas kasihan, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa.

5.05 ptg.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang yang terakhir daripada yang sepatutnya nombor lima tadi. Jadi, saya akan berbicara secepat mungkin kerana dia melibatkan beberapa *queue* sahaja kerana kebanyakan telah pun disentuh...

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit je.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Lima minit, daripada kawan-kawan. Yang pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua walaupun dari nombor lima sempat dipindah ke yang terakhir kerana tadi saya dapat rawatan sedikit di klinik dan saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri dan Timbalan Menteri yang bukan saja telah mengadakan libat urus tetapi buat kali pertamalah, saya bersetuju sepenuhnya

dengan peraturan yang telah dibawa untuk masa depan anak bangsa Malaysia yang akan mencorakkan negara kita pada suatu masa nanti.

Apabila berbicara tentang pendidikan wajib dan apabila juga berbicara dengan pendidikan, sudah tentu dia sangat rapat dengan jiwa saya. Sebagai seorang yang menjadi guru, yang biasa daripada sekolah tidak berhawa dingin sehinggalah ke bilik guru yang mempunyai hawa dingin, saya amat rapat dengan masalah keciciran pelajar. Saya juga merupakan salah seorang yang datang dan melihat bagaimana faktor kemiskinan, faktor pergolakan rumah tangga, konflik kekeluargaan yang menyebabkan pelajar itu tidak dapat meneruskan persekolahan walaupun mereka berkeinginan, walaupun ada rasa dalam jiwa mereka untuk menuntut ilmu. Jadi KPM, syabas kerana melanjutkan wajib sekolah itu ke sekolah menengah. Namun begitu, beberapa perkara juga kita perlu beri perhatian. Supaya apa yang sudah berlaku dalam pendidikan wajib sekolah rendah tidak akan berulang ke sekolah menengah.

Satu, banyak pelajar sekolah rendah terutamanya kaum-kaum asli, di kawasan saya sendiri pun ada orang asli yang masih tidak bersekolah dan masih tidak ada tindakan yang diambil. Dan saya bimbang budaya ini akan menjadi berterusan ke sekolah menengah. Dan kalau *enforcement* ini datang di sekolah menengah, masa akan ada kejutan, *culture shock*.

Kenapa sekolah rendah mereka tidak perlu walaupun ada peraturan? Jadi maknanya kita perlu memperkemarkan dan saya berharap supaya didikan dan penguatkuasaan di sekolah rendah itu di perkasa dengan begitu teliti. Supaya bila naik ke sekolah menengah, dia hanya merupakan satu kesinambungan dan tidak perlu lagi kita perah keringat kita untuk mendapatkan pelajar itu ke sekolah.

Yang keduanya, pada bajet 2025, operasi pendidikan menengah memperuntukkan 19.18 bilion untuk guru dan sebagainya, tahniah dan saya menaruh harapan yang tinggi di bawah kepimpinan Menteri, di bawah kepimpinan Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha yang baru ini, supaya perjalanan dan juga supaya apa yang kita rancang dapat berjalan dengan baik dan 140 PPD, tiga Pejabat Pendidikan Wilayah, dua Jabatan Pendidikan Negeri, Wilayah Persekutuan, Putrajaya dan Labuan, perlulah diberi peluang untuk merangka strategi dan pendekatan lebih efektif agar pada tahun 2020 tidak lagi ada masalah pelajar tidak menghadiri ke sekolah dan tidak menduduki SPM.

Tahun lepas hari pertama sahaja, lebih 10,250 pelajar tidak hadir ke sekolah. Bererti *confirm* gagal kerana tidak mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu dan sepanjang peperiksaan berjalan, lebih 6,000 pelajar tidak hadir. Dan ini juga merupakan satu apa nama, perkara yang perlu diberi perhatian. Supaya mewajibkan sekolah menengah ini nanti, dia tidak akan mengulang perkara-perkara seperti ini.

Bila kita wajibkan sekolah menengah, saya ingin mencadangkan YB Menteri, generasi Z dan Alfa ini lain pemikirannya. Saya rasa sudah sampai masanya kalau boleh kementerian

memikirkannya bahawa di peringkat peperiksaan satu-satunya yang masih ada, yang bersifat perdana iaitu SPM, keputusan tidak hanya ditumpu kepada 100 peratus dalam zon peperiksaan itu. Masa, saya kira sudah sampai masanya kita adakan kajian lapangan kerja kursus supaya penggal-penggal sebelum peperiksaan SPM itu, guru dan pelajar boleh mengumpul sekurang-kurangnya 30 peratus markah. Dan bila ini ada, kemungkinan daya untuk ponteng itu agak berkurangan. 30 peratus dia bawa daripada *Form 4* dan *Form 5* dengan pelbagai program, kertas kerja ataupun kajian lapangan dan 60 peratus lagi akan ditentukan di dalam peperiksaan. Saya yakin dan percaya kalau ini dapat dilaksanakan, dia akan boleh membantu kita.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, sekolah padat, sekolah tak cukup guru, sekolah daif, itu juga perlu diselesaikan. Sekolah dua sesi, perlu diselesaikan supaya penguatkuasaan peraturan belajar ini perlu mengatasi masalah itu.

Saya ingin menarik perhatian YB Menteri. Contoh di sekolah kawasan saya, Sekolah Menengah Dato' Dol Said padat, terlalu padat. Sekolah Menengah Seri Pengkalan padat, terlalu padat. Sekolah Menengah Haji Talib Karim, padat. Penduduk di sekitar itu terpaksa beralih ke Melaka Tengah. Mereka terpaksa pergi STAM, mereka terpaksa pergi Sekolah Malim. Ada yang sampai ke Gajah Berang di Melaka Tengah, yang memerlukan perbelanjaan lebih kurang RM5-RM10 sehari, sedangkan mereka tak dapat ke sekolah itu.

Jadi saya merayu, Menteri tolonglah masukkan sekolah baharu iaitu Sekolah Menengah Rumbia yang akan meleraikan kesesakan ini di kawasan saya dan saya yakin penting Rumbia adalah kawasan yang elit sedang membangun yang memerlukan satu sekolah rendah. Sikit saja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Kesimpulannya YB Menteri, tiga peranan sekolah. Kita yang duduk di sekolah, Menteri yang mengurus sekolah, faham dan akur perkara ini.

Yang pertama, sekolah adalah lembah menyubur nilai. Lembah menyubur nilai, jangan kita ketepikan nilai-nilai selain daripada akademik, nilai-nilai patriotik. Kecintaan yang mendalam pada negara. Supaya kita bentuk anak itu, kalau melentur buluh, biarlah dari rebungunya. Kalau sudah menjadi lemas, dia tidak akan boleh dilentur, malah menggunakan kekuatan sekuat mana pun dia takkan pecah.

Ingatlah kata Buya Hamka, "*Kalau berikan aku pelajar yang berpendidikan dan beradab, aku dapat menggoncangkan dunia ini, tapi kalau kau bagi aku 1,000 pelajar pun, yang tidak mempunyai adab dan pendidikan, aku hanya mampu mencabut rumput-rumput di tepi sumur*". Sebab dia tidak ada nilai.

Yang kedua, sekolah adalah wadah merimbun ilmu. Bila dia wadah merimbun ilmu, dia ada denai, paya, tasik, laut yang mengumpul segala kudrat ilmu dalam pelbagai disiplin.

Oleh itu, lengkapkanlah sekolah, bantulah cikgu sepertimana YB Menteri benar kata, "*Jangan kacau cikgu saya*".

Saya setuju sebab saya jadi cikgu dulu dikacau tapi tak ada pula kementerian mempertahankan saya, tapi Menteri lainlah masa itu, ya. Kalau ada Menteri kata, "*Jangan kacau cikgu saya, beri peluang cikgu saya.*" Ini ialah semangat dan nyala rasa seorang pemimpin terhadap gurunya. *[Tepuk]* Barulah cikgu ada semangat dan motivasi. Betul tak?

Tapi kita kena tinjau juga kemudahan-kemudahan guru, ya. Sebab guru ini kesian, Tuan Yang di-Pertua. Saya jadi cikgu 30 tahun, kesian. Walaupun 54 gred saya, saya jadi guru biasa, saya hanya duduk di dalam bilik yang hanya kerusi keras tidak seempuk ini, ya. Baik. *[Dewan ketawa]*

Dan yang akhirnya, yang akhirnya Menteri, sekolah adalah nyala rasa ihsan dan nyala jiwa adab. Nyala rasa ihsan dan nyala jiwa adab. Dia perlu bernyala bukannya macam sang kunang-kunang yang hanya menyala dan berkelip pada kegelapan malam, tetapi bila siang walau berjuta dia berkelip sekalipun tak akan terlintas di mata untuk memandangi, tapi biarlah dia menjadi puntung pun, kalau sepuntung rokok pun, dia mampu membakar raga dan jiwa.

Ertinya adab itu perlu istiqamah. Nilai itu perlu berterusan. Nyala rasa dan nyala jiwa itu perlu ditekan, perlu diterapkan dari sekolah. Sebab saya kata bagaimana acuan, begitulah kuihnya. Bagaimana gendang, begitulah tarinya. Kalau kita tanam lalang, takkan padi yang tumbuh merimbun.

Jadi, itulah, jadi nilai-nilai redha, nilai-nilai *karamah insaniah* yang menjadi pegangan kepada kementerian, itu perlu kita pertahankan dan perlu ada kolaborasi dengan PDRM, ya, dengan KESUMA, dengan PIBG untuk kita menangani masalah ini.

Akhir kata, sekolah adalah tempat mencerminkan jiwa bangsa pada masa akan datang. Berilah perhatian kepada sekolah, sepertimana kita beri perhatian kepada jiwa kita. Kerana di dalam sekolah itu ada jiwa-jiwa merdeka yang akan mempertahankan nusa dan bangsa. Bukan saja di pejabat, tetapi juga di Nusantara ini. Melayu, Cina, India, dia harus bersama dan semuanya bermula di sekolah. Jangan titik-titik hitam menodai kesucian ini.

Dasar dan semangatnya perlu diperkasa dan dengan harapan itu, dengan cadangan itu, YB Menteri dan juga Dato Speaker, saya menyokong RUU ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri. Perlu berapa lama masa untuk menggulung? 20 minit?

5.14 ptg.

Menteri Pendidikan [Puan Fadhlina binti Sidek]: Cukup, cukup Tan Sri Speaker. *Bismillahirrahmanirrahim.*

Tuan Yang di-Pertua: Tapi terhad kepada 20 minit, ya.

Puan Fadhlina binti Sidek: Boleh, boleh. *Insyallah. [Ketawa]*
Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Puan Fadhlina binti Sidek: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membahas, mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya ingin sebut Tuan Speaker dan mohon direkodkan, ini ialah perbahasan terbaik pernah saya dengar dengan kupasan-kupasan yang sangat membantu dan signifikan untuk kami meneruskan agenda khususnya berkaitan dengan rang undang-undang ini.

Dato Speaker, saya setelah meneliti semua perbahasan ringkas semua Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, saya dapati ada tiga perkara yang menjadi rangkuman utama dan keprihatinan utama Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya yang terkait rapat dengan rang undang-undang ini.

Pertamanya ialah soal hukuman. Sekali lagi saya ingin tegaskan, Dato Speaker, bahawa hasrat, aspirasi, niat rang undang-undang ini bukan sama sekali untuk menghukum. Ia adalah jalan terakhir selepas kita melaksanakan semua proses intervensi, advokasi dan meningkatkan peranan agensi untuk memastikan semua sistem sokongan kita ini berjalan dengan lancar dan mengangkat kembali anak-anak ini dengan segala daya juang yang ada untuk membawa mereka ke sekolah.

Semua cadangan-cadangan Yang Berhormat sebutkan tadi, bentuk-bentuk intervensi Yang Berhormat sebutkan tadi, semuanya telah menjadi sebahagian besar daripada rencana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan mereka kembali ke sekolah.

Betul. Setakat ini, daripada 2003, daripada 2003, awal, bagaimana pertama kali dalam sejarah, kita membuat pindaan terhadap undang-undang ini, khususnya yang terkait rapat dengan undang-undang mewajibkan sekolah rendah, memang tidak ada pernah pendakwaan kepada mana-mana ibu bapa. Ini bermakna bahawa sistem sokongan kita, advokasi kita, kesedaran yang kita lakukan, berjaya dan itu yang kita mahu lanjutkan ke peringkat sekolah menengah dengan membawa hasrat dan aspirasi yang sama.

Jadi sebab itu, saya fikir semua keprihatinan itu tadi, cadangan-cadangan yang diberikan tadi, kita akan ambil perhatian penuh dan akan pastikan ia sejajar dengan rancangan-rancangan kita untuk memastikan anak-anak ini kembali ke sekolah. Ada pun tentang keprihatinan, tentang soal kemiskinan, sosioekonomi, itu juga menjadi pertimbangan kita, Dato Speaker. Sebab itu saya sebut tadi, keprihatinan isu-isu ini akan menjadi sebahagian besar daripada rencana dan juga agenda kita, khususnya dalam konteks intervensi.

Intervensi ini telah pun berjalan begitu lama, sebab itu hari ini, macam mana yang disebut oleh Senator Anna Bell tadi, keberanian politik yang ada untuk Kerajaan MADANI

untuk melaksanakan rang undang-undang ini khususnya adalah kerana kita yakin dan percaya bahawa telah wujud mekanisme yang akan mendukung dan menyokong sistem pendidikan ini.

Jadi, bantuan ada yang 18, kita pertingkatkan lagi, *insya-Allah*, dengan sokongan-sokongan yang lain termasuk bagaimana peranan Sekolah Angkat MADANI, Yang Berhormat, untuk memastikan juga bahawa isu-isu yang dibangkitkan dan keprihatinan Yang Berhormat tentang isu-isu ini, semua diberikan perhatian. Guru kaunseling, kita tambah. *Insya- Allah*. Begitu juga dengan kekurangan-kekurangan guru, termasuk guru pendidikan khas, kita berikan keutamaan untuk memastikan bahawa rancangan untuk memastikan rang undang-undang ini berjalan dengan baik. Itu yang pertama.

Yang kedua adalah berkaitan dengan pandangan Yang Berhormat yang lain tentang bersediakah KPM ini untuk menerima, ya, barangkali selepas pelaksanaan undang-undang ini, anak-anak yang akan kembali ke sekolah ini dengan keprihatinan tentang sekolah padat, kelas yang padat dan sebagainya?

Saya ingin barangkali memberikan jaminan bahawa itu juga antara isu yang sedang kita tangani dengan bersungguh-sungguh. Saya ingin memberikan sedikit, barangkali, beberapa panduan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat melihat bagaimana komitmen Kerajaan MADANI.

Bila kita sebut, kita nak laksanakan satu undang-undang. Bila kita sebut, kita nak laksanakan bahawa, nak pastikan satu agenda akses pendidikan. Bila kita sebut ya, bahawa rang undang-undang pendidikan ini adalah untuk memastikan tiada siapa yang terpinggir khususnya anak-anak kita. Persediaan kita diambil kira dalam konteks untuk menambah bilangan sekolah. Sebab itu kalau kita lihat daripada tahun 2022, 2023, kemuncak dan juga bagaimana sikap kita terhadap melihat kebimbangan-kebimbangan masyarakat tentang sekolah padat ini ada kesan yang sangat besar: 2022, barangkali kita mulakan dengan sembilan buah sekolah. 2023, sembilan sekolah, tetapi 2024, kita mula 26 sekolah, tambah. 2025, 44 buah sekolah, ya. *[Tepuk]*

■1720

Bagi tahun — sekolah menengah baharu yang ditanya oleh YB Dr. Lingeshwaran sebentar tadi, terdapat sejumlah 20 projek sekolah menengah baharu dijangka siap pada tahun 2025 dan sedia untuk beroperasi pada sesi persekolahan bagi tahun 2026. Ini menunjukkan peningkatan yang sangat ketara dalam soal infrastruktur dan sekolah daif Yang Berhormat Datuk Bobbey, kami tidak pernah pinggirkan dan malah memberikan komitmen penuh khususnya di Sabah dan Sarawak. Sebab itu saya fikir dalam konteks persiapan ini ia harus datang dengan komitmen yang besar. Begitulah juga dengan hasrat kita untuk melihat bahawa persiapan ini bukan saja persiapan soal hasrat, aspirasi, tetapi juga melihat

rangkuman-rangkuman persiapan ini disokong juga oleh rancangan-rancangan Sekolah Model Khas.

Sebab itu peningkatan ini juga harus dilihat bahawa bagaimana K11 misalnya telah pun ada meningkat menjadi lima sekarang ini. K9, 30 buah sekolah. YB Hasbie sebut tentang Pulau Redang, beliau sebut hanya K9, tapi YB Hasbie, saya nak sebut dalam Dewan ini hari ini untuk Pulau Redang kita luluskan K11 dan prasekolah sekali gus. *[Tepuk]*

Menunjukkan bahawa komitmen kita bukan saja melihat soal-soal keciciran ini berdasarkan kepada keprihatinan soal sosioekonomi tetapi juga melihat kepada soal demografi Yang Berhormat. Demografi Pulau Redang itu, demografi Sabah dan Sarawak sebab itu K9 dan K11 banyak di situ dan juga untuk orang asli. Jadi, komitmen itu sangat besar di peringkat kita dan menyebabkan kita merasakan bahawa khusus untuk orang asli misalnya K9, K11 kita tambah lagi dengan Program KEDAP dan juga tidak lama lagi kita akan buat satu lagi kelas khas untuk anak-anak orang asli yang kita panggil sebagai *floating classes*.

Jadi, mereka akan berada di tengah tasik dan akan belajar di atas tasik kerana faktor demografi itu yang tidak membenarkan mereka untuk bergerak. Jadi, kita datang dengan agenda yang kita sebut sebagai pro khas itu dan juga mewujudkan sekolah-sekolah yang tidak pernah wujud di sesetengah tempat termasuk baru-baru ini di Kalabakan yang saya pergi sendiri dan kita umumkan untuk pembinaan sekolah di situ.

Dato Speaker, saya juga ingin menyentuh barangkali melihat kepada kebimbangan yang dibangkitkan juga berkaitan dengan isu dasar yang paling *fundamental* dalam soal kita bercakap tentang pendidikan ini. Saya setuju Yang Berhormat yang pertama tadi, Chandran. Menyentuh tentang — Sivaraj? Sivaraj, minta maaf. Sivaraj Chandran yang menyentuh bahawa sekolah ini harus membentuk manusia. Prof Redzuan juga menyentuh tentang soal bagaimana pendidikan al-hikmah dan sebagainya, tapi ingin saya tegaskan juga bahawa memang seharusnya kita melihat bahawa soal dasar khususnya undang-undang ini akan membawa kepada persoalan yang lebih *fundamental* dalam soal kerangka kita membina pendidikan.

Soal memanusiakan manusia, menginsankan insan. Ini semua adalah asas kepada pendidikan yang mana pendidikan ini ialah *birth right* anak-anak kita sebab itu kita harus memperjuangkan rang undang-undang ini dan meluluskan dalam Dewan ini kerana kita nak pastikan bahawa soal *fundamental* asas pendidikan ini mesti diselesaikan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang *assessment* besar dan penting yang dilihat dalam seluruh dunia, khususnya TIMSS dan PISA. Sebenarnya kita ambil tiga *assessment* peringkat antarabangsa iaitu di peringkat sekolah rendah, kita ada SEA-PLM. Ketiga-tiga *assessment* ini sangat mencabar buat kita sebab itu ada negara lain telah pun mengambil pendekatan untuk tarik balik, tidak mahu terlibat kerana

bagi mereka *assessment* ini tidak adil untuk anak-anak mereka. Tetapi setakat ini, Malaysia masih menggunakan ketiga-tiga *assessment* ini untuk membuat beberapa perancangan pendidikan.

Assessment ini kita tambah baik dari semasa ke semasa kerana ia melibatkan beberapa pendekatan yang sangat penting, sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang Sariyan sebentar tadi soal literasi, numerasi, kemahiran berfikir dan sebagainya. Ini tumpuan kita juga bagaimana kita melihat bahawa soal *assessment* ini dia adalah *sampling* sahaja dan ia mesti dilihat sebahagian besarnya sebagai proses kita untuk melihat bagaimana apa *benchmark* kita di peringkat antarabangsa.

Kita tak boleh pilih sekolah mana yang kita nak ambil untuk jadi sekolah yang untuk jadi *sampling* kepada TIMSS, PISA ini. Mana-mana dia boleh pilih mana-mana sekolah, ada GIATMARA masuk, ada sekolah bantuan kerajaan masuk, ada sekolah luar bandar masuk dalam *list* yang akan mengambil TIMSS dan PISA ini, tapi kita mesti bersedia dan sebab itu sistem pendidikan kita Dato Speaker, mesti *intact*. Datanglah *assessment* apa pun sistem kita *intact*. Sebab itu untuk persediaan TIMSS, PISA dan SEA-PLM ini kita bagi tumpuan kepada literasi dan numerasi.

Antara lain, adalah untuk memastikan bahawa anak-anak kita ini benar-benar dapat menguasai dan tahap penguasaan literasi dan numerasi mereka ini diberikan tumpuan di semua peringkat termasuk daripada awal lagi kita telah menjalankan intervensi besar-besaran untuk anak-anak Darjah 1, tempoh hari dan kita telah melaksanakan satu program yang bagi saya cukup penting di peringkat sekolah menengah iaitu Program Anak Kita hasil kerjasama kita dengan Kementerian Kewangan. Program ini akan menumpukan seluruh tenaga tumpuan negara kepada anak-anak yang bakal menghadapi peperiksaan SPM khususnya persiapan literasi, numerasi dan kekuatan Sains dan Matematik mereka. Ini antara yang kita sebut sebagai pendekatan yang memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

Dato Speaker, ada juga yang dibangkitkan berkaitan dengan anak-anak tanpa dokumen. Saya fikir ini juga antara penting yang mesti kita berikan tumpuan dan untuk itu saya fikir garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia kita benarkan asalkan salah seorang ibu bapa adalah warganegara dan kita mohon juga pada ibu bapa untuk menjalankan usaha bagi permohonan warganegara.

Komitmen kita setakat ini bagi anak-anak yang mengambil peperiksaan SPM tetapi tidak ada dokumen, kita mempunyai komitmen dengan Kementerian Dalam Negeri untuk memohon kepada mereka dan menguruskan dokumentasi mereka. Jadi, sebenarnya ia adalah program merentas kementerian yang kita mahu terus pastikan bahawa anak-anak ini terus diberikan peluang khususnya apabila mereka memenuhi beberapa syarat dalam garis panduan kita.

Dato Speaker, saya juga melihat bahawa ada keprihatinan yang tinggi dalam soal TVET. Ini saya sangat seronok untuk bercakap tentang TVET ini kerana TVET ini kalau di kalangan anak-anak kami, kami menggunakan simbol ini Yang Berhormat [*Sambil menunjukkan isyarat tangan*] KV di hati. Kolej vokasional di hati. Jadi, ini adalah antara pendekatan yang sangat penting bila kita bercakap tentang soal aliran-aliran lain yang mesti diwujudkan sebagai peluang pendidikan. Sebab itu kolej vokasional kita tambah, mata pelajaran vokasional kita tambah di sekolah-sekolah biasa, aliran perdana untuk memastikan bahawa anak-anak ini diberikan peluang juga untuk memilih apa bakat-bakat mereka.

Sebab itu kurikulum 2027 sangat penting Yang Berhormat kerana kurikulum 27 kita awalkan lagi TVET itu untuk memberikan peluang kepada mereka untuk menguasai TVET ini dan mengesan bakat-bakat TVET mereka ini daripada awal. Jadi, dalam soal TVET ini memang kita tidak kompromi bahawa ia adalah antara aliran yang sangat penting untuk mendukung aspirasi rang undang-undang ini.

Begitu juga dengan kita melihat bahawa ia harus juga disokong oleh industri, Yang Berhormat. Jadi, sebab itu program TVET ini tidak berakhir di kolej-kolej vokasional, sekolah-sekolah menengah vokasional untuk murid keperluan khas kita sahaja tetapi harus didukung oleh satu ekosistem yang lebih besar iaitu industri. *Industry must tell us what they want from our students*. Jadi, sebab itu kita siapkan terus. Sudah ada pendekatan-pendekatan melalui industri yang telah pun kita laksanakan bagi memastikan bahawa soal-soal yang terkait rapat dengan intervensi berkaitan dengan kolej vokasional ini diberikan perhatian.

Saya ingin barangkali menyentuh sedikit lagi Dato Speaker berkaitan dengan yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang Sariyan yang telah menyentuh tentang Akademi Bahas MADANI. Kita melihat bahawa dalam konteks keseluruhan aspirasi Rang Undang-undang Pendidikan ini, yang disentuh juga oleh Dr. Jufitri, bahawa ia tidak boleh hanya melihat kepada soal pergi ke sekolah itu sahaja, tetapi melihat kepada pembangunan keseluruhan holistik anak-anak kita ini.

Saya bersyukur Yang Berhormat Mustafa tidak menyentuh lagi tentang *exam*, peperiksaan. Kalau tidak, dalam Dewan ini dia yang menyebut kembalikan peperiksaan, tapi hari ini saya fikir beliau itu dah cukup yakin dengan kementerian bahawa peperiksaan tidak diperlukan lagi dan kita akan melihat kepada soal-soal pembangunan holistik yang akan mengukuhkan lagi falsafah pendidikan kita ini melihat kepada sektor-sektor dan segmen-segmen yang sangat penting termasuk soal bahas, Akademi Bahas MADANI ini yang akan mengungkapkan satu lagi kejayaan anak-anak kita dalam kualiti perbahasan, menggunakan bahasa dengan baik iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Kualiti ini harus kita angkat dalam konteks bahawa anak-anak kita mesti diberikan ruang dan peluang yang sama apabila kita melihat bahawa mereka juga boleh mendapat peluang ini. Apabila mereka datang ke sekolah peluang untuk bersukan, peluang untuk

menari, peluang untuk menyanyi, menyampaikan puisi dan juga berbahas diberikan peluang yang sama rata untuk semua anak-anak kita.

■1730

Dato Speaker, saya fikir itu sahaja yang menjadi sebahagian besar daripada perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya ingin rakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana nampaknya dalam semua perbahasan ini, perbahasan ini didahului dengan sokongan penuh kepada rang undang-undang ini. Dan ini bermakna bahawa *we are on the same page when we talk about education* dan nyala rasa yang boleh Yang Berhormat Mustafa tadi adalah nyala rasa bersama. Melihat bahawa tiada yang lebih penting dan utama melainkan memastikan bahawa anak-anak kita terus diberikan peluang dalam pendidikan dan pastinya kita tidak mahu melihat mana-mana anak kita terpinggir daripada mendapat pendidikan ini.

Jadi, saya ucapkan terima kasih sekali lagi Yang Berhormat. Saya mohon untuk agar rang undang-undang ini terus disokong dan kita akan melaksanakan lebih banyak sesi libat urus, advokasi bersama Yang Berhormat khususnya di peringkat sekolah, masyarakat dan komuniti masing-masing supaya agenda ini dapat kita teruskan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang dikemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Wong Kah Woh) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah* syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izinnya persidangan bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas telah berjalan dengan teratur dan lancar selama 10 hari dari 25 Ogos hingga 10 September 2025.

Sepanjang persidangan ini, pelbagai isu penting dan signifikan negara telah dibentang, dibahas dan diluluskan dalam semangat penuh demokratik dan tanggungjawab

yang tinggi, mencerminkan komitmen Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap amanah yang dipikul semua. Dewan juga telah meluluskan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, yang merangka pembangunan negara bagi tempoh lima tahun akan datang. Bermula tahun 2026 hingga 2030.

Dewan yang mulia ini juga turut menimbang dan telah meluluskan sebanyak 19 rang undang-undang yang dibawa naik daripada Dewan Rakyat, termasuk beberapa rang undang-undang baharu yang amat signifikan. Antaranya Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025, Rang Undang-undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025, Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025, Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 dan Rang Undang-undang Pekerja Gig 2025. Ini merupakan langkah bersejarah dan mencerminkan iltizam serta usaha berterusan Dewan Negara sebagai penggubal undang-undang, badan legislatif yang tertinggi di negara kita untuk menentukan ia nya relevan, progresif, inklusif dan berpaksikan kepentingan rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas juga turut terus memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan sistem semak dan imbang. Dalam masyarakat kali ini, Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang telah membentangkan sebuah penyata yang meneliti sebanyak 10 rang undang-undang. Pembentangan penyata ini pastinya menggambarkan usaha berterusan jawatankuasa untuk membantu ahli-ahli menjalankan fungsi legislatif secara lebih menyeluruh.

Penyertaan aktif jawatankuasa dalam membuat penelitian, kajian dan pemerhatian serta syor melalui penyata membuktikan bahawa Dewan yang mulia ini bukanlah sekadar wadah perbahasan semata-mata, tetapi turut memainkan peranan strategik dalam proses penggubalan undang-undang negara. Syabas dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol. [*Tepuk*] Dan diharapkan komitmen dan usaha ini dapat diteruskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa Parlimen Malaysia akan mempengerusikan Persidangan *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly* (AIPA) yang akan bermula daripada 16 hingga 22 September 2025 yang berlangsung di Kuala Lumpur. Kepengerusian ini merupakan satu penghormatan besar buat Malaysia dan Parlimen Malaysia, khususnya. Dan membukakan ruang kepada kita untuk memainkan peranan penting dalam membina jaringan kerjasama antara Parlimen yang lebih mantap. Kepada para Senator yang terlibat secara langsung, disyorkan agar dapat menggunakan peluang ini sebaiknya untuk mengukuhkan jaringan kerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen ASEAN yang hadir.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam semangat perpaduan nasional, juga diajakkan semua untuk menghayati prinsip dan semangat Hari Malaysia yang akan disambut seluruh rakyat

pada 16 September 2025. Hari Malaysia bukan sekadar cuti umum, tetapi satu simbol kesepakatan dan permufakatan yang telah mengikat Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dalam satu keluarga besar. Marilah kita memperteguh semangat kebersamaan, saling hormat dan cintakan tanah air demi kelangsungan negara yang aman dan makmur.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga diucapkan dan dizahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menamatkan tempoh perkhidmatan bagi penggal pertama iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang dan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah yang akan menamatkan perkhidmatan mereka pada 26 September 2025. Diucapkan 'Selamat Maju Jaya' dan jasa Yang Berhormat berdua akan dikenang oleh negara.

■1740

Tidak juga lupa disambungkan penghargaan dan ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menjalankan fungsi sebagai Pengerusi ganti khususnya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol dan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom.

Ucapan penghargaan terima kasih juga saya rekodkan di sini kepada seluruh warga kerja Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Pentadbiran Parlimen Malaysia khususnya kepada Setiausaha Dewan Negara yang telah mengetuai dan memastikan kelancaran sesi mesyuarat kali ini. *[Tepuk]* Dan juga, diucapkan penghargaan dan terima kasih kepada media masa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang akan balik ke kawasan masing-masing kita doakan semuanya selamat dan berhati-hatilah di jalan raya. Ada yang akan terbang kan?

Di udara, berhati-hatilah juga. *[Ketawa]* Semoga kita berkesempatan untuk berjumpa lagi dan sebagai mengakhiri ucapan ada pantun di sini. Tak boleh balaslah, nanti masa melebihi. *[Ketawa]* Tiada usul untuk mencelah.

*RMK13 kita bahaskan,
Undang-undang baru turut diluluskan;
Mesyuarat ditutup penuh kesepakatan,
Malaysia makmur dalam keberkatan.*

*Matahari pagi indah bercahaya,
Menyinar bumi di kala kegelapan;
Walau berpisah sementara sahaja,
Moga berjumpa di sidang hadapan.*

Sekian. *Wabillahi taufiq wal hidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat hari ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan: dalam bahasa Latin: *adjourned. Sine die.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.43 petang]